



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**PEMULIHARAAN PERTUKANGAN TEMBAGA DI  
KAMPUNG LADANG, TERENGGANU**

Oleh

**DALILA BINTI MOHAMED**

Projek penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah  
Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi" 1972)
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) \*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan



Tandatangan Penyelia Utama



DAENG HALIZA DAENG JAMAL, PhD.  
Pensyarah  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok, Kelantan

980226-11-5748

Nama Penyelia Utama

Tarikh: 28/2/2022

Tarikh: 27/2/2022

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekalian.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat illahi dengan limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Dr. Daeng Haliza Binti Daeng Jamal yang telah banyak membantu, dan memberi tunjuk ajar, serta sokongan dan sumbangan idea bagi memastikan saya dan juga rakan-rakan yang lain dalam menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya . Selain itu, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak informan kerana sudi meluangkan masa serta memberikan kerjasama yang amat baik dalam menjayakan proses temu bual yang dijalankan oleh pengkaji. Kerjasama mereka amat dihargai.

Disamping itu juga, setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua ibu bapa saya iaitu Azizah binti Mahmud dan Mohamed bin Harun kerana telah banyak memberi sokongan dan dorongan bagi menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu serta menjadi tempat rujukan dan perbincangan sepanjang saya menjalankan projek penyelidikan ini. Dengan itu, diharapkan agar penyelidikan ini dapat memberi manfaat serta dijadikan sebagai rujukan di masa akan datang.

## ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
<b>PERAKUAN TESIS</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iv-vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>vi</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>vii</b>
<b>ABTRACT</b>	<b>vii</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1-3
1.2 Permasalahan kajian	4-5
1.3 Persoalan kajian	6
1.4 Objektif kajian	6
1.5 Skop kajian	7
1.6 Definisi operasional	7
1.6.1 Pertukangan tembaga	7-8
1.6.2 Pemuliharaan	8-9
1.7 Kepentingan kajian	9
1.7.1 Individu	9-10
1.7.2 Masyarakat	10
1.7.3 Pihak berkepentingan	11
1.8 Organisasi penulisan	11-12
<b>BAB II SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Teori Fungsionalisme	13-15
2.3 Sorotan kajian lepas	15-16
2.3.1 Pertukangan tembaga	16-23
2.3.2 Pemuliharaan	23-39
2.4 Kerangka teorikal	39-42
2.5 Kesimpulan	42

**BAB III METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	43
3.2 Proses pengumpulan data	43-44
3.2.1 Data sekunder	44-45
3.2.2 Data primer	45-47
3.2.3 Kualitatif	47-48
3.3 Kaedah analisis data	49
3.3.1 Kaedah analisis data kualitatif	49-52
3.4 Kesahan dan kebolehpercayaan	52
3.4.1 Kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif	53-55
3.5 Kesimpulan	55

**BAB IV ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

4.1 Pengenalan	56
4.2 Analisis Dapatan Temu bual Responden	56-60
4.3 Analisis sejarah dan perkembangan tembaga di Terengganu	60
4.3.1 Sejarah dan perkembangan pertukangan Tembaga di Terengganu	60-62
4.3.2 Aktiviti dalam pertukangan tembaga di Kampung Ladang Terengganu	62-63
4.3.3 Pemilihan pertukangan tembaga sebagai punca pendapatan	63-65
4.3.4 Bahan dan peralatan yang digunakan dalam penghasilan produk dan barangan tembaga	65-68
4.3.5 Proses dalam pembuatan barangan tembaga	68-72
4.3.6 Falsafah yang terdapat dalam ukiran tembaga	72-74
4.4 Faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu	74
4.4.1 Faktor yang mempengaruhi kemerosotan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu	74-76
4.4.2 Penglibatan golongan muda dalam pertukangan tembaga	76-77
4.4.3 Cabaran dalam aktiviti pertukangan tembaga	77-79
4.5 Langkah dalam memulihara dan memelihara seni pertukangan	79-80

tembaga di Kampung Ladang Terengganu	
4.5.1 Cadangan memulihara dan memelihara seni pertukangan tembaga	80-81
4.5.2 Faktor penggalak pemeliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang Terengganu	82-83
4.6 Analisis teori Fungsionalisme Talcott Parson (1930)	83-88
4.7 Kesimpulan	88-89
<b>BAB V RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP</b>	
5.1 Rumusan kajian	90-92
5.2 Cadangan	92-94
5.3 Penutup	94-95
<b>RUJUKAN</b>	96-98
<b>LAMPIRAN</b>	99-112

### SENARAI JADUAL

<b>NO</b>	
4.2 Kod informan dan huraianya	57
4.3 Profil informan berdasarkan jantina, bangsa dan agama	58
4.4 Senarai tema dan subtema temu bual	59-60
4.6 Bahan dan peralatan yang digunakan dalam penghasilan barangan dan produk tembaga	66-67

### SENARAI RAJAH

<b>NO</b>	
2.1 Kerangka Teoritikal pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu	41-42
4.1 Kerangka Teoritikal pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu	87

## **Pemuliharaan Pertukangan Tembaga di Kampung Ladang Terengganu**

### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk meneroka sejarah dan perkembangan seni pertukangan tembaga di Terengganu, menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu dan mencadangkan langkah yang sewajarnya dalam memulihara dan memelihara seni pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu. Kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah temu bual dan juga kaedah kepustakaan digunakan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan kajian. Kajian ini juga turut menggunakan teori Fungsionalisme yang dikemukakan oleh Talcott Parson (1930). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua informan yang ditemu bual mengetahui tentang sejarah dan perkembangan seni pertukangan tembaga di Terengganu. Penerimaan informan terhadap pemuliharaan pertukangan tembaga ini adalah sangat memuaskan dan juga diterima dengan baik. Namun begitu, pembangunan yang pesat di Kampung Ladang serta kekurangan pelapis-pelapis baharu untuk menyambung legasi pembuatan tembaga merupakan antara faktor yang mempengaruhi kemerosotan pertukangan tembaga di Kampung Ladang. Oleh itu, pemeliharaan dan juga pemuliharaan yang sewajarnya perlu dilakukan untuk mengekalkan seni pertukangan tembaga ini dengan memberikan pendedahan berkaitan dengan kemahiran pertukangan tembaga, bengkel atau kursus pertukangan tembaga serta kempen-kempen yang berkaitan dengan seni pertukangan tembaga perlu dilakukan oleh pihak yang berwajib. Secara tidak langsung, dapat mengekalkan seni pertukangan tembaga ini agar tidak luput ditelan zaman.

## **Conservation of Copper Carpentry in Kampung Ladang Terengganu**

### **ABSTRACT**

This study aims to explore the history and development of copper carpentry in Terengganu, describe the factors that influence the decline of copper carpentry in Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu and suggest appropriate measures in conserving and preserving the art of copper carpentry in Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu. Qualitative methods that include interview methods as well as literature methods are used to obtain the relevant information to the study. This study also apply the theory of Functionalism presented by Talcott Parson (1930). The results of the study showed that all the informants knew about the history and development of the art of copper carving in Terengganu. The reception of the informants on the conservation of this copper carpentry was decent and also well received. However, the rapid development in Kampung Ladang as well as the lack of new coatings to continue the legacy of copper manufacturing are among the factors that influence the decline of copper carpentry in Kampung Ladang. Therefore, proper preservation and conservation should be done to maintain the art of copper carpentry by providing exposure related to copper carpentry skills, workshops or courses in copper carpentry as well as campaigns related to the art of copper carpentry should be done by the authorities. Indirectly, it can maintain the art of copper carpentry so that it does not become obsolete.



## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Menurut Adnan Jusoh, Yunus Sauman dan Zul Iskandar Ramli (2012), artifak logam seperti patung gangsa yang dihiasi emas yang ditemukan di pedalaman Kuala Berang manakala gendang Dong Son yang ditemui di kawasan Batu Buruk pada tahun 1964 membuktikan bahawa logam telah berkembang dan juga bertapak di Terengganu sejak dahulu lagi. Perusahaan pertukangan tangan seperti tembaga, besi, ukiran serta tenunan telah berkembang di Terengganu sejak zaman pemerintahan Sultan Omar lagi. Seni pertukangan ini didapati telah ada di negeri Terengganu kira-kira 300 tahun dahulu dan ianya masih lagi dilakukan pada hari ini. Selain itu, pertukangan tembaga di Terengganu berkembang akibat daripada kedatangan rakyat Kemboja serta China ke Tanah Melayu. Hal ini adalah kerana, kemahiran pertukangan tembaga ini telah dimiliki oleh kebanyakan daripada mereka. Pertukangan tembaga ini telah dijadikan sebagai budaya tradisi bagi penduduk setempat.

Kampung Ladang dan juga Kampung Tanjung yang terletak di bandar Kuala Terengganu adalah dua buah tempat yang masih lagi melakukan pertukangan tembaga di Terengganu pada hari ini. Lokasi ini juga merupakan penempatan awal mereka kerana kebanyakan daripada mereka berasal serta tinggal di Kampung Ladang dan juga Kampung Tanjung yang mana kedua-dua kampung tersebut terletak berdekatan

dengan muara sungai Terengganu. Hal ini telah menghasilkan berbagai-bagai corak serta kegunaan barangan tembaga yang tercipta dan dikenali pada hari ini seperti peralatan memasak, acuan kuih, tepak sireh, dulang, keris dan sebagainya (Yazid Parlan 2016). Barangan seni tembaga merupakan salah satu sumbangan seniman Terengganu terhadap seni rupa Melayu yang mempunyai perpaduan dari segi bahan dan juga rupa bentuk yang menjadi lambang serta simbol bagi sesebuah masyarakat ( Syed Ahmad Jamal 1992).

Sejarah turut mencatatkan bahawa perkembangan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu ini telah bermula di istana iaitu Istana Maziah (Yazid Palan 2016). Istana Maziah merupakan istana rasmi bagi Kesultanan Terengganu. Pertukangan tembaga ini merupakan pekerjaan utama bagi masyarakat di Kampung Ladang. Kepakaran dalam menghasilkan barangan tembaga telah memudahkan masyarakat tempatan untuk memberikan pengkhidmatan mereka di istana untuk menghasilkan pelbagai peralatan dan juga barangan yang diperlukan oleh pihak istana. Golongan keluarga sahaja akan mewarisi kemahiran pertukangan tembaga bagi masyarakat tempatan yang berkhidmat di istana. Hal ini adalah kerana mereka ingin memastikan bahawa generasi akan datang dapat meneruskan kemahiran tersebut. Selain itu, kemahiran pertukangan ini juga akan dihadkan untuk dikembangkan kepada masyarakat luar oleh penduduk tempatan yang bekerja di istana.

Perkembangan sejarah pertukangan tembaga menjadikannya antara warisan yang sinonim dengan negeri Terengganu. Seni pertukangan tembaga ini merupakan salah satu identiti bagi masyarakat negeri Terengganu. Pertukangan tembaga ini mempunyai nilai estetika yang tinggi yang mampu memberikan kesan positif kepada masyarakat. Seni pertukangan tembaga Terengganu ini tertumpu kepada beberapa jenis barangan. Antaranya ialah perkakasan dapur seperti pinggan, cawan, acuan kuih,

loyang, sudu dan juga periuk manakala tepak sireh, pahar, dulang, keris, bekas habuk rokok, dan juga bekas bara. Barangan tersebut digunakan masyarakat dalam majlis dan upacara yang tertentu. Pertukangan tembaga ini dapat memberikan kepuasan kepada para peminatnya yang tersendiri. Arma Mohd Faizal Abu Bakar merupakan seorang Pensyarah Kanan Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Terengganu menggunakan perkakasan dapur daripada tembaga seperti kualiti, acuan kuih, sudu, senduk, periuk dan juga sudip dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Barangan tembaga yang digunakan dalam aktiviti tersebut merupakan barangan yang dikumpul olehnya sendiri ( Utusan Sarawak, 2020).

Selain itu, Mohd Kassim Mohd Hanifah merupakan seorang pengumpul barangan tembaga, yang telah mengumpul barangan tembaga sejak 20 tahun dahulu. Teko, seterika lama, tepak sireh, dulang, tempat menyimpan susu yang digunakan oleh orang india, lampu zaman China kuno dan sebagainya merupakan antara barangan tembaga yang dikumpul oleh beliau ( Astro Awani, 2019). Proses pembuatan yang rumit dan memerlukan kemahiran yang tertentu disertakan dengan persekitaran tempat kerja yang dianggap kotor merupakan salah satu sebab hilangnya pelapis-pelapis baharu dalam bidang tersebut ( Sinar Harian, 2012). Namun begitu, pemuliharaan terhadap seni pertukangan tembaga Terengganu ini haruslah dilakukan agar warisan ini tidak luput di telan zaman.

Oleh itu, penyelidikan ini dilaksanakan adalah sebagai salah satu usaha bagi meningkatkan kesedaran tentang seni pertukangan tembaga yang menjadi lambang dan identiti bagi masyarakat Terengganu dalam kalangan masyarakat. Seni pertukangan ini merupakan warisan yang harus dipulihara agar dapat diperlihatkan kepada generasi akan datang.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Pertukangan tembaga adalah warisan yang diperturunkan oleh generasi terdahulu yang harus dipulihara serta dipelihara agar ia dapat diwarisi oleh generasi akan datang. pertukangan tembaga merupakan seni kraftangan yang paling awal dan paling lama wujud di Tanah Melayu terutamanya di negeri Terengganu (Adnan Jusoh, Yunus Sauman & Zul Iskandar Ramli 2012). Pertukangan ini juga mempunyai kepentingan dari segi nilai sejarah, reka bentuk serta melambangkan identiti bagi sesebuah masyarakat.

Seni pertukangan tembaga ini telah melahirkan beberapa orang tokoh kraf tembaga termasuklah Allahyarham Encik Wan Abdullah bin Wan Muda telah diiktiraf sebagai Adiguru Kraf Tembaga oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia pada tahun 1987. Beliau merupakan individu pertama yang dilantik sebagai tokoh dalam bidang kraftangan. Selain itu, Salleh Mohd telah diiktiraf sebagai tokoh atau lebih dikenali sebagai Adiguru Tembaga oleh Jabatan Warisan Negara pada tahun 2009 ( Kosmo, 2020). Kedua-dua tokoh ini telah memberikan sumbangan mereka dalam pembuatan pertukangan tembaga di Terengganu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, pertukangan tembaga merupakan seni warisan yang terkenal di Terengganu.

Bagi memastikan pertukangan tembaga ini terus kekal relevan, usaha pemuliharaan perlu giat dilakukan. Semua golongan masyarakat berperanan penting dalam usaha pemuliharaan warisan pertukangan ini. Pertukangan tembaga merupakan warisan yang menjadi lambang serta kebanggaan bagi negeri Terengganu khususnya dalam kalangan masyarakat tempatan. Walaupun begitu, kepentingan pemuliharaan terhadap pertukangan tembaga ini tidak diterap dan dipupuk dalam kalangan masyarakat (Yzid Parlan 2016). Penggunaan pendekatan dan kaedah yang sesuai

dalam usaha memulihara serta melestarikan pertukangan tembaga di Terengganu ini amat penting agar warisan ini dapat diwarisi serta menjadi tatapan generasi akan datang.

Selain itu, kurangnya pendedahan dan juga kesedaran berkaitan dengan kepentingan pertukangan tembaga kepada masyarakat merupakan permasalahan yang terdapat pada kajian pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu. Hal ini adalah kerana, tiadanya inisiatif serta dorongan daripada pihak berwajib bagi memuliharkan seni pertukangan tembaga yang merupakan warisan dan juga identiti bagi negeri Terengganu (Yazid Parlan 2016). Pendedahan tentang pertukangan tembaga dapat menghidupkan kembali seni warisan Terengganu ini dalam kalangan penduduk tempatan.

Pihak berwajib berperanan penting dalam usaha memberikan pendedahan yang sewajarnya berkenaan dengan pertukangan tembaga ini terhadap semua golongan masyarakat terutamanya golongan muda pada hari ini. Pelaksanaan inisiatif yang kurang berkesan terhadap pertukangan tembaga tersebut membawa kepada kehilangan pewaris dalam sektor pembuatan tersebut (Yazid Parlan 2016). Justeru itu, pendedahan yang sewajarnya perlu dilakukan untuk memulihara warisan pertukangan ini agar dapat diteruskan oleh generasi yang seterusnya.

### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Bagi membincangkan pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang Kuala Terengganu, Terengganu, persoalan bagi kajian ini ialah:

- i. Apakah sejarah dan perkembangan pertukangan tembaga di Terengganu?
- ii. Apakah faktor yang mempengaruhi kemerosotan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu?
- iii. Apakah cadangan yang perlu dilakukan untuk memulihara dan memelihara seni pertukangan tembaga ini?

### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencapai tiga objektif utama bagi menjawab persoalan yang terdapat pada kajian ini.

- i. Menenal pasti sejarah dan perkembangan tembaga di Terengganu.
- ii. Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu.
- iii. Mencadangkan langkah yang sewajarnya dalam memulihara dan memelihara seni pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Penyelidikan ini menumpukan terhadap pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang Kuala Terengganu, Terengganu. Pertukangan tembaga merupakan seni kraf tradisional bagi masyarakat Terengganu. Perkakas dapur seperti periuk, cawan, pinggan, acuan kuih, cerek air, dan juga sudu merupakan barangan yang dihasilkan daripada seni pertukangan tembaga. Selain itu, pertukangan tembaga ini juga turut menghasilkan barangan seperti tepak sireh, keris dan juga dulang hantaran. Barangan tersebut merupakan barangan yang digunakan oleh masyarakat dalam majlis dan upacara yang tertentu. Disamping itu, kajian ini juga menumpukan kawasan di Kampung Ladang, Terengganu. Pemilihan lokasi ini juga adalah kerana, Kampung Ladang merupakan salah satu tempat yang masih mengusahakan lagi seni pertukangan tembaga Terengganu.

## **1.6 DEFINISI OPERASIONAL**

Definisi operasional merupakan satu kaedah yang digunakan untuk menghuraikan maksud istilah yang digunakan dalam kajian. Istilah yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah seperti tembaga, pemuliharaan, dan pertukangan.

### **1.6.1 Pertukangan Tembaga**

Menurut ensiklopedia Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (2005), pertukangan tembaga merupakan kemahiran dalam menghasilkan barangan yang diperbuat daripada logam tembaga. Hampir kesemua barangan yang dihasilkan daripada tembaga ini digunakan untuk keperluan harian serta digunakan dalam upacara adat istiadat yang tertentu. Tukang yang

membuat barangan tembaga tersebut akan dipanggil sebagai pandai tembaga. Pertukangan tembaga merupakan seni kraf tangan tradisonal. Barangan tembaga mempunyai harga yang lebih murah berbanding barangan yang diperbuat daripada emas dan juga perak. Tembaga merupakan unsur kimia yang mempunyai bilangan nombor atom sebanyak 29 dan dikenali dengan simbol (Cu) dalam jadual berkala. Tembaga adalah sejenis logam yang mudah ditempa, mulur serta pengalir haba yang baik. Logam tembaga ini dipakai secara meluas dalam pelbagai bidang seperti elektronik, kimia, kejuruteraan struktur, pertukangan dan sebagainya.

### **1.6.2 Pemuliharaan**

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) ada mengatakan bahawa “Pemulihan” merupakan proses mengembalikan sesuatu harta kepada kebergunaan melalui pembaikan atau pengubahan yang memungkinkan penggunaan semasa yang efisien sambil memelihara bahagian dan ciri harta itu yang penting kepada seni bina bersejarahnya. Selain itu, “Pemuliharaan” termasuklah pemeliharaan, pembaikpulihan, pembinaan semula, pemulihan dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya. Pemuliharaan adalah satu proses menjaga dan mengawasi sesuatu warisan daripada dihancurkan tanpa perancangan adan juga pengurusan yang sistematik. Pemuliharaan adalah satu bidang yang melibatkan pengetahuan teknikal dan saintifik terhadap sesuatu kerosakan yang berlaku dan cara untuk mengatasinya (Fielden, 2000). Pemuliharaan merupakan salah satu bidang yang menekankan kepentingan dalam memelihara harta budaya. Pemuliharaan ini dilakukan untuk melindungi objek daripada berlakunya kerosakan, kemusnahan dan juga perubahan yang tidak disengajakan



(Harun, 2005). Menurut Orbasli (2008), pemuliharaan dilakukan adalah untuk menguruskan sesuatu perubahan apabila diperlukan. Secara tidak langsung, konsep pemuliharaan ini dapat membantu untuk mengekalkan sesuatu warisan itu daripada musnah dan pupus ditelan zaman serta dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Beberapa kepentingan utama yang terdapat dalam kajian yang dilakukan ini iaitu melibatkan individu, masyarakat dan juga pihak berkepentingan.

### **1.7.1 Individu:**

Kepentingan dalam kajian pemuliharaan pertukangan tembaga di Terengganu ini kepada seseorang individu ialah dapat mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan dengan sejarah dan perkembangan seni pertukangan tembaga di Terengganu. Hal ini adalah kerana, pertukangan tembaga ini adalah salah satu warisan yang menjadi lambang dan juga identiti bagi masyarakat negeri Terengganu. Dapat kita lihat bahawa, industri pertukangan tembaga ini kurang dicerburi oleh golongan belia pada masa kini akibat daripada kurangnya pengetahuan tentang sejarah dan perkembangan bagi seni pertukangan tembaga. Dimana, mereka merupakan individu penting dalam usaha melestarikan warisan pertukangan tembaga ini daripada terus pupus akibat daripada pembangunan serta perkembangan teknologi. Hal ini sekaligus dapat membudayakan warisan tersebut yang menjadi lambang kebanggaan bagi

negeri Terengganu. Selain itu, penyelidikan ini juga adalah dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan dan panduan berkenaan dengan seni pertukangan tembaga ini agar dapat diteruskan oleh generasi akan datang.

### **1.7.2 Masyarakat:**

Pendedahan dan juga kesedaran tentang kepentingan pemuliharaan pertukangan tembaga merupakan antara kepentingan kajian ini terhadap masyarakat. Kita sedia maklum bahawa, masyarakat pada masa kini kurang berminat dalam menceburi bidang pertukangan tembaga ini merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kemerosotan seni pertukangan tembaga di Kampung, Ladang, Terengganu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, masyarakat memainkan peranan penting dalam memastikan warisan pertukangan tembaga ini. Disamping itu, pendedahan yang diberikan dengan lebih mendalam oleh pihak berwajib pengkaji dapat menjadikan masyarakat akan lebih menghargai warisan kraf tembaga ini. Pendedahan berkaitan dengan seni tembaga ini kepada masyarakat dapat dilakukan dengan cara membuat dokumentasi tentang warisan seni pembuatan tembaga, membuat pameran berkaitan tembaga, membuat pelbagai festival berkaitan seni tembaga dan sebagainya. Hal ini sekaligus dapat meningkatkan ilmu pengetahuan masyarakat berkaitan dengan seni tembaga.

### 1.7.3 Pihak berkepentingan:

Pertukangan tembaga ini tidak diberikan perhatian oleh golongan masyarakat akibat daripada pelaksanaan inisiatif dan juga pendedahan yang kurang memberangsangkan oleh pihak berwajib. Seperti kita semua sedia maklum, bahawa seni pertukangan tembaga ini adalah sesuatu yang mempunyai nilai yang tinggi terhadap adat dan budaya bagi sesuatu golongan masyarakat. Usaha yang sewajarnya perlu dilakukan oleh agensi serta pihak berkepentingan ini seperti Jabatan Warisan Negara, Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan, pihak kerajaan negeri dan sebagainya dalam usaha untuk melestarikan serta memelihara dan memulihara warisan seni kraf tembaga ini agar ia terus relevan dan menjadi tatapan untuk generasi akan datang. Pelbagai alternative dan juga kaedah yang boleh dilakukan oleh pihak berkepentingan untuk memulihara serta memelihara warisan pertukangan tembaga ini. Oleh itu, pihak berkepentingan ini amatlah berperanan penting dalam usaha mengekalkan warisan ini untuk generasi akan datang.

### 1.8 ORGANISASI PENULISAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mempunyai lima bab. Bab 1 ini membincangkan mengenai pengenalan, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, definisi operasional dan juga kepentingan kajian. Pengenalan bagi kajian ini menerangkan tentang warisan tembaga Terengganu terperinci tentang sejarah dan

perkembangan berserta proses pembuatan seni dan warisan tembaga di Terengganu. Permasalahan kajian diterangkan dalam bab ini bagi memastikan bahawa kajian ini dapat dijalankan. Kepentingan kajian pula menerangkan tentang kepentingan, manfaat serta kelebihan bagi seni pertukangan tembaga manakala organisasi penulisan akan diletakkan di akhir bab ini.

Seterusnya, Bab 2 akan membincangkan tentang sorotan kajian lepas. Sorotan kajian merupakan kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat. Kerangka teoritikal yang digunakan dalam penyelidikan ini turut diterangkan dalam bab ini.

Disamping itu, bab 3 membincangkan tentang metodologi kajian iaitu kaedah yang digunakan dalam kajian secara menyeluruh. Kaedah analisis turut diterangkan dalam bab ini. Perbincangan bab ini merangkumi reka bentuk kajian, pengumpulan data, persempelan kajian dan juga kesahan dan kebolehpercayaan bagi mendapatkan maklumat yang tepat.

Bab 4 dalam kajian ini membincangkan mengenai dapatan kajian. Dapatan kajian ini adalah perkara yang penting dalam menyatakan yang diperolehi agar dapat dikaji dengan lebih mendalam. Maklumat-maklumat yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Kaedah ini digunakan bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Kaedah tematik ini dapat memberikan ketepatan terhadap maklumat yang diperolehi menerusi informan.

Bab yang terakhir iaitu bab 5, membincangkan dan menjelaskan tentang cadangan kajian. Rumusan daripada keseluruhan hasil kajian dihuraikan sebagai penutup kajian ini.

## BAB II

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan konsep, kerangka teori dan kajian lepas. Konsep yang dibincangkan ialah pertukangan tembaga dan juga pemuliharaan. Kerangka Teori pula membincangkan tentang Teori Fungsionalisme yang dijadikan sebagai panduan dalam menganalisis data kajian ini. Selain itu, bab ini turut membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh sarjana lepas berkaitan dengan kajian.

#### 2.2 TEORI FUNGSIONALISME

Teori Fungsionalisme adalah sebuah teori yang diperkenalkan oleh Emile Durkhiem, Auguste Comte dan Herbert Spencer pada awal abad ke-20. Teori fungsionalisme ini mengkaji tentang fungsi perlakuan sosial atau institusi dalam kegiatan yang menyumbang kepada penerusan sesuatu masyarakat. Masyarakat diibaratkan sebagai anggota badan manusia yang mempunyai bahagian serta fungsinya yang tersendiri. Teori ini turut dikenali sebagai *structural-functional* atau *social system theory*. Menurut teori fungsionalisme ini, masyarakat dilihat berkembang dan stabil berdasarkan peraturan sosial dan juga perubahan semasa. Fungsi dan struktur merupakan dua istilah yang mempunyai maksud berbeza namun ianya berkait rapat antara satu sama lain. Struktur boleh dikatakan sebagai bahagian atau organ badan

seseorang manusia serta haiwan manakala fungsi pula dikatakan sebagai peranan yang dimainkan oleh bahagian struktur tersebut.

Stabiliti, harmoni dan evolusi merupakan tiga andaian atau perspektif utama yang telah diberikan oleh ahli-ahli fungsionalisme (Brinkerhoff & White, 1989). Stabiliti merupakan kriteria utama dalam menentukan sejauh mana sesebuah masyarakat dapat dikekalkan manakala harmoni menunjukkan bagaimana semua bahagian atau struktur dalam sesebuah masyarakat bekerjasama bagi mencapai matlamatnya. Evolusi pula menggambarkan tentang perubahan yang berlaku terhadap sesebuah masyarakat melalui proses adaptasi pembaharuan struktur sosial. Selain itu, teori fungsionalisme ini juga menekankan kepada kepentingan persefahaman dan kestabilan bagi sesuatu masyarakat. Ahli-ahli fungsionalis melihat bahawa terdapat satu set nilai serta norma konsensus yang mengikat kelompok, institusi serta keseluruhan masyarakat. Namun begitu, konsensus sosial berkaitan dengan nilai dan norma asas sukar untuk dikekalkan apabila masyarakat menjadi semakin besar dan kompleks (Durkhiem et . al 1999). Teori ini juga merupakan salah satu teori yang mempunyai pengaruh besar dalam bidang ilmu sosial.

Teori yang akan digunakan dalam kajian pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu ini adalah teori fungsionalisme yang dikembangkan Talcott Parsons pada tahun 1930. Hal ini adalah kerana, teori yang diketengahkan oleh Talcott Parsons ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Talcott Parsons lebih menekankan kepada aspek kelangsungan bagi sesuatu masyarakat sebagai sistem dan bertahan daripada perubahan yang berlaku. Terdapat empat konsep yang dikemukakan oleh Parsons yang dikenali sebagai AGIL iaitu singkatan daripada Adaptasi (Adaptation), Tujuan (Goal attainment), Integrasi (Intergration) dan Litensi atau pemeliharaan pola (Latency).

Selain itu, adaptasi (Adaptation) ialah kemampuan masyarakat untuk berinteraksi dengan keadaan yang terdapat di persekitaran mereka manakala tujuan (Goal attainment) pula ialah kecekapan sesebuah masyarakat dalam mengenalpasti matlamat serta tujuan yang hendak dilakukan mereka. Selain itu, integrasi (intergration) ialah masyarakat mestilah mengatur hubungan antara komponen-komponennya agar ia dapat berfungsi secara maksimal. Integrasinya menunjukkan kepada persyaratan untuk meningkatkan kesedaran. Latency pula merupakan sesuatu masyarakat mestilah mempertahankan, serta memperbaiki pola budaya, bahasa, norma, nilai serta peraturan dalam sesuatu masyarakat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Talcott Parsons ini menekankan kepada konsep kemasyarakatan dalam sesuatu kelompok masyarakat.

Kesimpulannya, teori Fungsionalisme ini merupakan garis panduan dalam memfokuskan kajian dengan lebih spesifik terutamanya dalam menilai tahap responden terhadap sesuatu kajian. Teori Fungsionalisme penting dalam mengukur tahap kerjasama yang diberikan oleh responden dalam kajian ini.

### **2.3 SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Sorotan kajian merupakan pernyataan atau fakta yang menyokong sesuatu objektif (Sulistyo Basuki, 1991). Sorotan kajian lepas ini melibatkan proses membaca serta mengambil nota daripada kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Malah, sorotan kajian lepas ini menjadi panduan asas yang menunjukkan jalan kepada pengkaji berkaitan dengan apa yang dikaji (Rosmawati, 2014). Sumber-sumber sorotan kajian lepas diambil melalui artikel, akhbar, buku ilmiah, tesis dan sebagainya.

Selain itu, sorotan kajian lepas ini dibuat adalah untuk mengelakkan pengkaji daripada membuat penyalinan yang sama dengan kajian lepas tanpa membaiki dan membetulkan kelemahan yang dilakukan oleh kajian lepas. Ia juga dilakukan adalah untuk mengelakkan pengkaji mengulangi semua kesilapan yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu

### **2.3.1 PERTUKANGAN TEMBAGA**

Menurut AB Sabran, MF Sedon & IKM Khalid (2015) kraf merupakan kemahiran yang menggunakan tangan dengan peralatan yang mudah serta bahan-bahan tempatan. Hal ini adalah kerana, proses penghasilannya masih lagi menggunakan kaedah serta teknik yang sama iaitu dengan cara tradisional yang telah diperturunkan oleh generasi terdahulu. Walaubagaimanapun, seni tembaga ini memerlukan kemahiran serta berpengetahuan tinggi dalam setiap penghasilannya kerana ia merupakan satu warisan yang menjadi lambang serta kebanggaan bagi masyarakat negeri Terengganu.

Yazid Parlan (2016) mengatakan bahawa seni pertukangan tembaga adalah salah satu bidang pertukangan tangan yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Seni pertukangan tembaga ini juga turut mempunyai produk warisan yang masih lagi dikenali pada masa kini seperti peralatan memasak, tepak sirih, cerek air, kebak laksa, bekas bara besar Terengganu, pinggan, cawan dulang bahkan juga acuan kuih tradisional bagi masyarakat tempatan. Kraf tembaga di Terengganu pada mulanya tidak dikenali namun begitu ianya telah berkembang dan telah dikenali di serata tempat. Seni kraf tembaga ini amat memerlukan kemahiran yang tinggi dalam pemhasilannya. Menurut sejarah, pertukangan tembaga telah bertapak di Terengganu



sejak dahulu lagi dan ianya masih lagi diusahakan sehingga ke hari ini iaitu di Kampung Ladang dan juga Kampung Tanjung. Zaman perkembangan seni pertukangan tembaga ini berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Omar pada tahun 1839-1876.

MR Hamat, MYM Yusoff (2020) mengemukakan pendapat mereka dengan mengatakan bahawa sejarah bagi seni ukir logam di Tanah Melayu dikaitkan dengan zaman kegemilangan bagi Kerajaan Melayu awal. Tanah Melayu telah dikenali sebagai “*Golden Chersonese*” oleh pedagang Barat manakala “*Suvarnabumi*” oleh pedagang India ketika pemerintahan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Tanah Melayu kaya dengan sumber alam serta emas. Logam jenis emas merupakan salah satu logam yang mempunyai nilai yang tinggi dan ianya merupakan bahan asas dan utama yang digunakan dalam kebanyakan perhiasan diri bagi golongan raja-raja melayu. Salah satu cabang seni yang telah wujud dan berkembang pesat dalam kalangan masyarakat melayu ialah seni ukir logam. Hal ini adalah kerana, perkembangan serta penggunaan tembaga, emas, dan juga perak semakin meluas dalam kalangan masyarakat tempatan. Emas dikatakan hanya boleh dipakai oleh kerabat diraja sahaja pada waktu tersebut (Zubaidah Sual 1999).

Selain itu, hal ini turut diperkatakan oleh Mohd Kassim Haji Ali (1990), perhiasan diri yang diperbuat daripada emas hanya boleh dipakai oleh orang kebanyakan sekiranya ia diperkenan oleh sultan. Selain itu, emas merupakan salah satu anugerah yang diberikan oleh sultan kepada pembesar mahupun rakyat yang berjasa selain daripada barangan lain sebagai balasan mahupun ucapan kasih kepada mereka. Bagi masyarakat yang berkemahiran tinggi dalam bidang tersebut mempunyai kedudukan yang istimewa beserta mendapat pekerjaan di istana dengan menghasilkan pelbagai seni yang bermutu tinggi khas untuk golongan diraja. Seni ukiran ini

berkembang dan bermula di istana. Hal ini adalah kerana, istana merupakan pusat penyebaran ilmu serta pencetus bagi kegemilangan tukang-tukang ukir. Istana juga berfungsi sebagai pusat yang menghidupkan kesenian Melayu ( Muhammad Afandi Yahya 1995). Walaubagaimanapun, kesenian ini terus berkembang serta golongan rakyat biasa turut menggunakannya dengan menghasilkan barangan perhiasan yang diperbuat daripada tembaga mahupun perak dan ada sebilangan daripada barangan tersebut ianya dicelup emas. Perbezaan antara perhiasan diri oleh golongan diraja dengan masyarakat atau rakyat biasa boleh dilihat daripada batu permata yang ditatah pada perhiasan tersebut. Hal ini adalah kerana, masyarakat atau rakyat biasa hanya menggunakan batu permata yang murah dimana ia adalah bersesuaian dengan kedudukan masyarakat biasa ( Azah Aziz 1989).

Menurut MKM Balwi (2003), orang Melayu berkemampuan dalam menceburkan diri di dalam sektor dan juga bidang kimia iaitu dalam pembuatan barangan keperluan untuk kegunaan harian serta sebagai salah satu lambang bagi kerajaan Kesultanan Melayu. Seseorang yang berkebolehan serta mempunyai kepakaran dalam bidang ini dapat melakukan proses penciptaan sesuatu logam dengan menggunakan teknik yang tertentu dimana setiap penciptaan barangan atau produk yang berasaskan logam itu hasil daripada peleburan tembaga, besi, emas serta perak. Kepakaran dalam sektor ini berlaku selepas mendapat sambutan dalam sistem politik pada zaman dahulu. Hal ini adalah kerana, barangan dan juga produk seperti dulang, periuk, pinggan, cawan, dan sebagainya yang diperbuat daripada bahan logam yang bermutu tinggi seperti emas serta perak. Emas dan perak adalah lambang kepada kekuasaan serta golongan diraja (Mohd Taib Osman, 1988).

Selain itu, barangan berasaskan logam ini turut mendapat sambutan daripada golongan masyarakat adalah untuk keperluan harian atau bagi adat tradisi mereka.

Antara barangan keperluan yang menerima permintaan tinggi ialah seperti periuk, dulang, bekas bara, tempat sirih, bekas air mawar, ceper, keris, tombak dan sebagainya yang mana ianya merupakan barangan penting dalam kehidupan harian masyarakat dan juga dalam melakukan sesuatu upacara dalam tradisi mereka. Keadah peleburan dan juga penuangan merupakan dua teknik yang perlu diketahui oleh seseorang yang berkemahiran dalam bidang ini untuk menghasilkan sesuatu barangan yang berasaskan logam. Peleburan dan penuangan logam tembaga yang terdiri daripada timah dan juga kuprum dimana ia menggunakan teknik penuangan lilin (Wan Ramli Wan Daud, 1995) merupakan hasil daripada peleburan logam tersebut. Aktiviti peleburan ini melibatkan beberapa proses yang tertentu yang mana langkah pertama akan dimulakan dengan membuat acuan yang diperbuat daripada kayu dan acuan tersebut kemudian diletakkan lilin cair serta dibekukan. Selepas ia dibekukan, acuan tersebut akan menjalani proses seterusnya iaitu ia akan dilarikkan dengan bindu. Proses yang seterusnya ialah dengan membuat lapisan lempung serta lubang di permukaan lilin pada acuan tersebut untuk proses penuangan tembaga yang telah dileburkan selain daripada lubang untuk menaikkan tembaga. Acuan ini seterusnya akan dipanaskan dengan menggunakan peralatan yang tertentu untuk meleburkan lilin yang terdapat di dalam acuan tersebut merupakan langkah yang berikutnya. Kemudian, tembaga akan dileburkan di dalam mangkuk pijar dan seterusnya ia akan dituangkan dalam acuan yang telah disediakan serta dibiarkan seketika untuk disejukkan. Langkah atau proses terakhir dalam pembuatan barangan tembaga ini ialah dengan memecahkan acuan tanah liat tersebut untuk menghasilkan sesuatu barangan tembaga. Dapat dilihat bahawa, bidang pertukangan bahan logam ini khususnya barangan berasaskan tembaga dan juga emas mampu menjadikan sektor tersebut semakin berkembang.

Selain itu, N Mohamad Ba'ai, H Khairi, H Ahmad (2015), menjelaskan bahawa seni pertukangan logam telah lama wujud di Tanah Melayu sejak zaman pra-sejarah ataupun lebih dikenali sebagai zaman logam lagi. Perkembangan dalam sektor pertukangan seni logam ini adalah selari dengan perkembangan tembaga, emas, dan juga besi di tanah melayu. Dimana, barangan yang berasaskan bahan logam ini tidak kiralah dari segi pertukangan tembaga malah pertukangan serta penghasilan perak juga turut mendapat sambutan daripada masyarakat melayu di Malaysia. Seni pertukangan ini semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat tempatan akibat daripada nilai yang terdapat pada logam tersebut dimana antara barangan yang mendapat permintaan oleh golongan masyarakat ialah seperti barangan keperluan harian, senjata dan juga barangan perhiasan seperti aksesori wanita. Seni logam Melayu merupakan barangan yang mempunyai maksud yang tertentu dari segi penciptaan, rupa bentuk, serta kegunaannya.

Adam Kitingan merupakan salah seorang penggiat seni dalam bidang kraftangan yang menghasilkan barangan perhiasan tembaga di negeri Sabah. Hal ini adalah kerana, melalui penghasilan barangan tersebut dapat sebagai salah satu produk kraftangan warisan. Warisan budaya negeri Sabah dapat diperkenalkan kepada masyarakat melalui penghasilan perhiasan tembaga tersebut. Penggunaan motif tradisional pada perhiasan tembaga tersebut dapat memperlihatkan kesenian warisan budaya yang terdapat di negeri Sabah. Tembaga bukan sahaja digunakan sebagai barangan perhiasan serta barangan hantaran perkahwinan tetapi ia juga berfungsi sebagai alat pelindung. Selain itu, tembaga juga turut digunakan dalam rawatan tradisional seperti melancarkan persedaran darah serta buang angin. Gelang, cincin dan dan anting-anting merupakan barangan perhiasan tembaga yang dihasilkan oleh Adam. Warisan budaya dapat dikekalkan melalui penghasilan barangan tembaga

dengan menggunakan motif dan juga corak yang berunsurkan tradisional (Berita Harian 2017).

Seterusnya, barangan tembaga iaitu Garul Tembaga yang dimiliki oleh etnik Bajau Simunul merupakan warisan yang penting kepada suku kaum tersebut. Dimana, warisan tersebut telah diwarisi sejak dahulu lagi dan barangan tembaga tersebut berusia lebih daripada 100 tahun. Garul Tembaga ini menjadi lambang kemewahan sesebuah keluarga serta identiti bagi masyarakat tersebut. Garul Tembaga Garul Tembaga ini juga dikenali sebagai Selapak atau perhiasan pelamin perkahwinan yang hanya dimiliki oleh orang kenamaan sahaja. Barangan tembaga ini adalah salah satu warisan yang mempunyai nilai esttika yang tinggi. Warisan budaya ini mestilah dipelihara dan dikekalkan dengan baik agar ia menjadi tatapan untuk generasi akan datang (Berita Harian 2016).

Satu lagi kajian turut membincangkan tentang seni pertukangan tembaga. SNH Wahsalfelah (2014), membincangkan aspek seni kraftangan logam dan kain Tenunan di Brunei Darussalam. Kraftangan merupakan suatu peninggalan yang diwarisi daripada satu generasi ke generasi yang lain. Sejarah mengatakan bahawa penciptaan barangan kraf adalah sejak 8000 tahun Sebelum Masehi (Mat Arus, 2002). Barangan kraf merupakan bukti utama serta peninggalan yang paling lama berkaitan dengan warisan budaya (Schlereth, 1985). Terdapat pelbagai jenis barangan kraftangan termasuklah pertukangan logam, kain tenunan, pertukangan kayu, serta pembuatan tembikar. Pengeluaran serta penggunaan terhadap barangan kraftangan seperti barangan tembaga, emas, perak serta kain tenunan merupakan barangan yang tidak asing bagi masyarakat Brunei. Pengeluaran dan penggunaan barangan kraftangan logam dan juga kain tenunan dalam kalangan masyarakat melayu bukan hanya digunakan sebagai barangan kegunaan sahaja namun ia juga berfungsi sebagai

melambangkan identiti serta simbolik bagi masyarakat tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa barangan kraftangan tersebut mempunyai nilai yang sangat tinggi (Wan Yusoff et al., 2004).

Pengeluaran serta penggunaan barangan kraftangan ini adalah berkaitan dengan adat, kebudayaan dan juga kesenian bagi masyarakat Melayu. Hal ini adalah kerana, motif dan juga corak yang digunakan terhadap barangan kraftangan ini melambangkan jati diri masyarakat melayu. Dimana, masyarakat melayu mempunyai kehalusan dan keindahan dalam warisan tradisi mereka (Shaari & Suleiman, 2006). Selain itu, barangan kraftangan yang diperbuat daripada logam seperti tembaga, emas, perak serta besi mempunyai peranan penting dalam kalangan masyarakat melayu. Penggunaan barangan kraftangan ini kebiasaannya dilihat dalam upacara yang tertentu seperti majlis perkahwinan, istiadat penganugerahan gelaran dan sebagainya. Walaupun begitu, penggunaan terhadap barangan kraftangan ini tidak hanya terhadkan kepada golongan atasan sahaja malah ia juga boleh digunakan oleh masyarakat biasa. Semua golongan masyarakat berperanan penting untuk memastikan warisan ini tidak pupus ditelan arus pemodenan. Penubuhan institusi terhadap kemahiran pertukangan tangan adalah salah satu cara untuk mempertahankan warisan pertukangan tembaga, emas, perak serta bertenun. Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan telah diwujudkan untuk mengembalikan semula warisan pertukangan tempatan yang hampir pupus akibat daripada arus pemodenan. Hal ini seperti yang dibincangkan oleh Haji Awg Asbol (2017), dalam artikel Pendidikan Vokasional dan Teknikal PraMerdeka Brunei Darussalam: Evolusi dan Inovasi.

Pendidikan vokasional dan teknikal terhadap kemahiran pertukangan tangan dalam masyarakat Brunei telah lama wujud sebelum pendidikan formal diadakan di negara tersebut. Dimana, pendidikan ini adalah berkaitan dengan pekerjaan yang

dilakukan oleh masyarakat tempatan untuk menyara kehidupan mereka. Pertkangan tembaga, emas, perak, besi, bertenun kain, anyaman dan sebagainya merupakan kemahiran yang telah secara langsung melalui tunjuk ajar dan juga praktikal. Hal ini adalah kerana, melalui kaedah seperti ini merupakan kaedah yang berkesan terhadap seseorang sekaligus ia merupakan kemahiran yang diwarisi secara turun temurun. Walau bagaimanapun, kemahiran ini telah dibahagikan mengikut jantina. Sebagai contoh, pertukangan tembaga dan juga besi hanya dilakukan oleh golongan lelaki sahaja manakala bertenun kain serta menganyam dilakukan oleh golongan wanita. Kewujudan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan telah menghidupkan kembali warisan tradisi Brunei.

LM Mohammad Noh et al (2016), warisan dalam pertukangan dan pembuatan logam di alam Melayu telah memberikan peluang kepada para pencipta seni logam untuk berkarya dengan lebih kreatif. Penghasilan barangan yang bernilai dan bermutu tinggi telah dipergiatkan oleh masyarakat melayu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, teknik dan peleburan menerusi pertukangan alat persenjataan amat terkenal dengan masyarakat Melayu. Pertukangan dan pembuatan logam besi telah berkembang dengan kehadiran dan juga penggunaan teknologi. Pembuatan dan pertukangan besi ini semakin diminati dan mendapat tempat oleh masyarakat kerana ia dapat menghasilkan barangan keperluan yang unik serta sesuai untuk digunakan.

### **2.3.2 PEMULIHARAAN**

Pemuliharaan warisan budaya merupakan tugas dan tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh semua lapisan masyarakat. Warisan budaya merupakan khazanah yang

tidak ternilai bagi sesebuah negara termasuklah negara Malaysia. Khazanah ini perlulah dipulihara, dipelihara serta dilindungi agar ia menjadi kebanggaan kepada semua. Hal ini sekaligus dapat menjadi tatapan untuk generasi akan datang kerana sejarah serta tamadun lampau adalah salah satu aspek penting dalam pembedaan identiti sesebuah bangsa dan negara. Piagam Warisan dan Budaya Tanah Air merupakan salah satu langkah yang dilakukan dalam memulihara warisan budaya ini. Warisan budaya bukan penghalang untuk negara mengalami arus pemodenan malah ia merupakan lambang dan identiti kukuh yang dapat memperkasakan jati diri seseorang khususnya rakyat Malaysia (Berita Harian 2019).

Menurut A. Ghafar Ahmad (2003), pemuliharaan bangunan membawa maksud memelihara dan membaik pulih harta serta khazanah warisan lama yang mempunyai nilai-nilai seni bina, sejarah serta budaya yang tinggi melalui pembaharuan yang dilakukan. Hal ini adalah untuk melanjutkan keadaan atau usia bagi sesebuah khazanah warisan atau bangunan lama. Pembaharuan terhadap bangunan atau harta warisan tersebut boleh dilakukan dengan beberapa kaedah serta teknik yang telah ditetapkan. Bangunan warisan yang berusia lebih daripada 100 tahun atau telah diwartakan di bawah akta, sebarang kerja yang melibatkan pengubahsuaian, pembaikan serta pembaharuan mestilah mempunyai kelulusan yang telah diberikan oleh pihak berkuasa. Pemuliharaan bangunan dan harta warisan akan melibatkan pakar-pakar seperti konservator, arkitek, jurutera bangunan, ahli arkeologi, pakar sejarah, dan juga juru ukur. Tiga peringkat utama yang perlu diikuti oleh pakar tersebut iaitu pada peringkat pertama menyediakan laporan kajian dilapidasi. Hal ini adalah kerana, bagi setiap bangunan warisan yang telah dikenalpasti untuk dibaikpulih mestilah menjalani kajian dilapidasi ini untuk menentukan serta menganalisa tahap



kerosakan yang terdapat pada bangunan tersebut seperti serangan anai-anai, keretakan, pengelupasan lapisan cat, kehadiran tumbuhan liar atau parasite dan sebagainya.

Sebarang kerosakan yang terdapat pada bangunan warisan tersebut akan direkodkan samada berbentuk gambar atau dilakarkan di dalam lukisan terukur. Selain itu, sebuah laporan mestilah dilakukan berkaitan dengan maklumat yang telah didapati tersebut yang merangkumi latar belakang bangunan, serta cadangan berkaitan dengan aspek pemuliharaan yang akan dilakukan. Laporan ini amat penting kerana ianya akan dijadikan sebagai bahan rujukan bagi peringkat yang seterusnya.

Pada peringkat kedua ini iaitu penyediaan kuantiti bilangan (BQ). Pada peringkat ini laporan dipalidasi yang telah dilakukan tersebut akan diberikan kepada pihak klien sebelum ianya diserahkan kepada pihak juru ukur bahan untuk mereka menyediakan kuantiti bilangan. Dimana, juru ukur bahan serta pihak konservator dan juga arkitek akan menetapkan tatacara kerja untuk mengatasi masalah yang terdapat pada bangunan warisan terbabit. Hal ini sekaligus termasuklah dengan menilai kos yang diperlukan dalam pemuliharaan tersebut secara keseluruhannya. Dokumen kuantiti bilangan tersebut akan diberikan kepada pihak kontraktor sebagai tender dan perlantikan berdasarkan kepada persetujuan pihak klien.

Taklimat berkaitan dengan kerosakan yang terdapat pada bangunan tersebut perlulah diberikan kepada pihak kontraktor sebelum harga tender projek diberikan. Kerja-kerja pemuliharaan akan dilakukan pada peringkat ketiga iaitu setelah pihak kontraktor dilantik. Kerja-kerja pemuliharaan ini memerlukan kepakaran serta pengalaman yang tinggi. Hal ini adalah kerana, kerja pemuliharaan ini amat memerlukan penelitian yang terperinci yang perlu dilakukan dengan menggunakan kaedah *Historical Architectural Building Survey* (HABS). Kerosakan yang diperolehi

tersebut haruslah ditangani dengan berpegang kepada konsep kerja iaitu gangguan yang minimum (minimum disturbance) terhadap bangunan serta bahan binaan yang sedia ada. Tahap kesedaran tentang aspek pemuliharaan terhadap warisan negara perlulah dipertingkatkan dalam kalangan masyarakat.

YM Yusoff, H Dollah, AB Samad Kechot (2013), mengatakan pendapat mereka bahawa Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) berperanan penting dan bertanggungjawab dalam bidang pemuliharaan dan pemeliharaan bagi sesuatu warisan. Dimana, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) ini adalah undang-undang yang dapat menjana serta mempromosi dalam pelbagai sudut yang berhubungan dengan harta benda warisan (Abdul Aziz Hussain, 2011). Pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap harta warisan akan melibatkan pelbagai perkara yang berkaitan dengan warisan seperti warisan budaya ketara, warisan budaya tidak ketara, warisan semulajadi, warisan di bawah air serta tokoh berkaitan dengan warisan. Hal ini juga termasuklah dengan sesuatu warisan yang diterima secara turun temurun turut dikategorikan sebagai warisan yang harus dipulihara, dipelihara serta dilindungi agar ia dapat menjadi tatapan untuk generasi akan datang.

Menurut HS Hashim et al, (2010), konsep dan juga maksud warisan serta pemuliharaan warisan haruslah difahami oleh semua golongan masyarakat terutamanya pihak berkepentingan. Warisan adalah meliputi semua aspek yang perlu dipulihara dan dipelihara oleh manusia bermula daripada udara yang bersih sehinggalah kepada warisan budaya serta sumber semula jadi. Setiap warisan boleh diiktiraf di peringkat antarabangsa, wilayah, negara, rantau, kejiwaan mahupun di rumah. Hal ini juga termasuklah dalam pengurusan warisan yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan yang bergantung kepada jenis warisan serta peringkat pengiktirafan (Peter Howard, 2003). Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)

digubal adalah untuk menyediakan peruntukan terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan warisan budaya ketara, warisan budaya tidak ketara, warisan di bawah air, warisan semula jadi serta perkara-perkara yang berkaitan. ‘Dialog Governans dan Pendidikan Pemuliharaan Warisan: Istilah, Konsep dan Konteks’ peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Kumpulan Penyelidikan Governans Pemuliharaan Warisan ini merupakan salah satu cara untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman berkaitan dengan konsep istilah serta konteks terhadap pihak berkepentingan.

Selain itu, berdasarkan kepada MF Razali & BRA Hassan (2016), amalan pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap warisan kesenian dan kebudayaan bagi sesuatu masyarakat yang terdapat di Malaysia merupakan salah satu cara untuk memperkasakan jati diri bangsa Malaysia yang terkenal dengan pelbagai budaya, agama, kaum dan juga bahasa. Hal ini merujuk kepada penjanaan terhadap kepelbagaian idea, maksud, nilai serta norma atau pengetahuan sejagat yang digunakan di seluruh dunia melalui internet, media sosial dan sebagainya (Paul James, 2006). Penggunaan kaedah seperti perfileman serta dokumentasi adalah salah satu cara yang berkesan untuk digunakan dalam aspek pemuliharaan dan pemeliharaan dalam era globalisasi ini. Perkara ini juga turut mendapat sokongan daripada (Naim Haji Ahmad, 2011) iaitu peglihatan tentang corak dan cara kehidupan serta budaya sesebuah masyarakat mampu menjadikan masyarakat luar untuk memahami kebudayaan serta corak kehidupan bagi sesebuah masyarakat.

Seterusnya, menurut MYM Yusoff (2018), warisan budaya merupakan sesuatu perkara yang amat bernilai dan ia juga merupakan jati diri bagi sesebuah bangsa serta negara. Dimana, pembetulan jati diri bagi sesebuah bangsa adalah berkait rapat dengan warisan kebudayaan dan juga kesenian yang telah dihasilkan oleh

masyarakatnya sendiri (Mohamed Anwar Omar Din, 2008). Pihak berkepentingan perlulah memainkan peranan dalam memulihara, memelihara serta melindungi warisan budaya yang amat bernilai ini. Pemuliharaan melalui perundangan dapat memberikan perlindungan yang sewajarnya berdasarkan peruntukan yang telah termaktub di dalam perundangan tersebut. Menerusi penggubalan akta seperti Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), pihak berkuasa tempatan boleh memberikan perlindungan serta melakukan pemuliharaan terhadap sesuatu warisan berdasarkan peruntukan yang termaktub dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) tersebut. Hal ini sekaligus memastikan bahawa khazanah bersejarah yang terdapat dalam kawasan jagaannya berkeadaan baik. Pemuliharaan dan perlindungan yang termaktub dalam Akta 172 adalah termasuk dalam pindaan undang-undang dibolehkan mengikut peruntukan pada seksyen 102 yang membenarkan melakukan pindaan terhadap undang-undang kecil untuk pemuliharaan dan perlindungan terhadap warisan yang berada di dalam kawasan jagaan pihak berkuasa tempatan tersebut adalah terjamin.

Walaupun, Akta Bendapurba 1976 (Akta 168) telah digubal oleh pihak kerajaan terhadap sesebuah warisan. Dimana, akta ini hanya boleh diguna pakai di semenanjung Malaysia sahaja sekaligus ia telah memansuhkan Akta 542 iaitu Akta Harta Karun 1957. Akta 168 ini adalah bertujuan untuk mengawal, memulihara, memelihara dan juga menyelidik monumen lama dan bersejarah, tapak tanah, benda purba dan bersejarah serta pengekportannya dan juga perkara yang berkaitan dengannya. Seksyen 16 telah memperuntukan bahawa larangan pencerobohan terhadap kawasan-kawasan monument, benda bersejarah dan juga tapak-tapak bersejarah. Hal ini adalah kerana, untuk melindungi warisan tersebut daripada diceroboh oleh manusia tanpa kebenaran. Hal ini sekaligus dapat mengelakkan berlakunya kerosakan serta kemusnahan terhadap warisan tersebut sekiranya

penguatkuasaan tidak dilakukan ke atasnya. Begitu juga dengan seksyen 17 (a) (b) (c) yang menjelaskan tentang penjagaan monumen lama serta tapak warisan yang menerangkan berkaitan dengan kedudukan monumen lama dan juga tapak warisan telah diberikan perlindungan daripada berlakunya pencerobohan akibat daripada pembangunan fizikal mahupun aktiviti pertanian. Seksyen 16 ini juga turut memberikan penekanan terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh seseorang individu mahupun dilakukan secara berkumpulan. Antara kesalahan yang dilakukan ialah seperti tidak melaporkan kepada pihak berkuasa terhadap harta atau khazanah warisan dijumpai, melanggar peruntukan Seksyen 16 yang telah dinyatakan, menjual dan mengeksport tanpa permit, mengganggu tugas pihak berkuasa dan sebagainya. Penjara tiga bulan sehingga setahun atau denda tidak melebihi RM500 hingga RM 5000 ringgit Malaysia atau kedua-duanya mengikut jenis kesalahan yang dilakukan merupakan hukuman yang akan dikenakan kepada individu yang melakukan kesalahan terhadap harta dan khazanah warisan.

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) pula, memberikan peruntukan terhadap aspek pemuliharaan dan pemeliharaan bagi warisan kebangsaan, warisan budaya ketara, warisan budaya tidak ketara, warisan semula jadi dan juga warisan di bawah air. Dasar, kaedah serta peraturan yang berkaitan dengan perlindungan dan pengurusan warisan serta mewujudkan Daftar Warisan Kebangsaan melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) ini. Hal ini jelas menyatakan tentang tanggungjawab dan juga peranannya dalam bidang pemuliharaan dan pemeliharaan sesuatu warisan. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) adalah undang-undang yang boleh menjana penyelidikan serta promosi dalam pelbagai aspek yang berkaitan dengan khazanah warisan (Abdul Aziz Hussain, 2011). Bagi seksyen 23 (1) dimana, Pesuruhjaya mestilah mewujudkan serta menyenggarakan suatu daftar yang dikenali

sebagai Daftar Warisan Kebangsaan sebagaimana telah ditetapkan yang mengandungi senarai butiran warisan yang didaftarkan melalui akta terbabit (Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah dan Ab Samad Kechot, 2013).

Satu seksyen telah diperuntukan dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) ini yang berkaitan dengan kawasan pemuliharaan bagi melindungi tapak warisan daripada berlakunya pencerobohan serta dimasuki oleh individu secara haram. Seksyen 45 (1) (2) telah mengatakan dengan jelas berkaitan dengan kedudukan tapak kawasan yang sepatutnya. Dimana, kawasan warisan yang hendak dipulihara dan dipelihara haruslah mengikuti pelan pengurusan pemuliharaan dengan zon penampakan diadakan di sekeliling tapak yang telah ditetapkan sebagai tapak warisan. Kawasan pemuliharaan telah diperuntukan kepada pihak berkuasa tempatan untuk mereka menentukan tapak warisan di bawah pentadbirannya. Seksyen 59 pula adalah berkenaan dengan pemuliharaan objek warisan dimana objek warisan mestilah dijaga dalam keadaan baik serta selamat. Objek warisan merupakan suatu harta yang amat bernilai dan ianya memerlukan penjagaan yang teliti terutamanya dalam aspek penyimpanan. Dimana, objek warisan perlulah disimpan di tempat yang khusus untuk mengelakkan berlakunya kehilangan, kerosakan mahupun kecurian. Sekiranya objek warisan tersebut mengalami kerosakan ataupun kehilangan, pemiliknya mestilah membuat laporan berkenaan objek warisan tersebut serta-merta kepada Pesuruhjaya. Bagi mana-mana individu yang melanggar dan tidak mematuhi subseksyen (1) dan (2) ianya akan dikira sebagai satu kesalahan. Menurut seksyen 86, ianya telah menyatakan berkenaan dengan kesalahan terhadap penggalian objek warisan di tapak warisan tanpa lesen atau permit. Dimana, kesalahan penggalian objek tanpa lesen dan permit ini akan dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 5 tahun atau denda tidak melebihi RM50 000 ringgit atau kedua-duanya. Hal ini juga terdapat dalam seksyen

112 (1) (2) mengenai kesalahan yang dilakukan terhadap tapak warisan iaitu tidak mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pesuruhjaya. Namun begitu, seseorang individu atau kumpulan yang melakukan kesalahan iaitu melanggar peruntukan pada seksyen 112 (1) akan dikenakan denda atau penjara atau kedua-duanya.

Seksyen 114 (1) adalah berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan ke atas Warisan Kebangsaan yang merupakan warisan negara yang bernilai tinggi kerana telah dipilih dan diangkat sebagai warisan negara yang telah didaftarkan secara rasmi dalam senarai Warisan Kebangsaan. Warisan Kebangsaan ini telah dilindungi oleh undang-undang daripada berlakunya pencerobohan, menggali tanpa lesen, mengeluarkan serta menjual ke luar negara. Kesalahan yang dilakukan oleh seseorang individu ataupun kumpulan dalam seksyen 114 (1) akan dikenakan hukuman penjara atau denda mengikut perbuatan kesalahan. Kesalahan bagi melanggar peraturan yang telah ditetapkan adalah penjara tidak melebihi 5 tahun dan denda tidak melebihi RM 50 000 ribu ringgit atau kedua-duanya. Walaupun begitu, mahkamah boleh menjatuhkan hukuman penjara serta denda yang maksimum untuk memberikan kesedaran bahawa harta warisan merupakan khazanah yang penting untuk negara dan juga masyarakat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa aspek pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap warisan budaya merupakan peranan bersama. Warisan budaya merupakan identiti bangsa dan maruah negara kerana ia berkait rapat dengan kehidupan serta perwatakan masyarakatnya.

Pemuliharaan terhadap warisan perlu dilakukan agar ia tidak pupus dan juga hilang akibat daripada arus pemodenan. Kesedaran terhadap aspek pemuliharaan ini dalam kalangan masyarakat perlulah dipergiatkan dan juga dipertingkatkan oleh pihak berkepentingan agar ia tidak hilang. Hal ini juga turut terjadi pada tapak arkeologi yang telah diwartakan sabagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO seperti Tapak

Warisan Dunia Lembah Lenggong di Perak yang mengalami masalah dimana ianya kurang menerima pengunjung serta kos pengurusan tidak dapat ditampung. Namun begitu, sekiranya usaha pemuliharaan, pemeliharaan serta melindungi warisan tersebut, status yang diberikan mungkin akan ditarik semula oleh Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Langkah serta cara yang betul dan proaktif perlulah dilakukan untuk memulihara dan memelihara warisan ini (Berita Harian 2020).

Hal ini turut dibincangkan dalam (Astro Awani, 2019), dimana, pembangunan yang berlaku di Kuala Lumpur tidak seimbang dengan warisan sejarah Malaysia yang menjadi identiti dan juga lambang kepada negara. Perkara ini juga turut diperkatakan oleh Ar Ahmad Najib Ariffin yang merupakan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pemuliharaan Warisan Institut Arkitek dimana keseimbangan dalam pembangunan di Malaysia perlulah dilakukan agar ciri dan identiti negara dapat diperkenalkan. Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai adat, serta warisan budaya yang menarik dan unik. Bangunan-bangunan lama mestilah kita hargai dengan memulihara dan memelihara bangunan tersebut dengan mengekalkan apa yang sudah ada. Kesedaran terhadap pemuliharaan serta menghargai bangunan bersejarah ini masih lagi kurang dalam kalangan masyarakat. Hal ini adalah kerana, masyarakat Malaysia kurang mempunyai penghayatan terhadap sejarah yang berlaku di dalam negara. Oleh itu, pihak berwajib mestilah memainkan peranan mereka dalam melakukan pembaikpulih serta menyelenggara kerosakan yang terdapat pada bangunan bersejarah terbabit. Hal ini sekaligus dapat mengurangkan kos perbelanjaan dalam pembaikian bangunan tersebut. Kos membaik pulih akan meningkat sekiranya kerosakan yang terdapat pada bangunan bersejarah tersebut dibiarkan begitu sahaja.



Selain itu, corak seni bina oleh arkitek dan juga pemaju yang lebih tertumpu kepada corak seni bina moden dari luar negara merupakan salah satu faktor yang menyebabkan identiti warisan negara semakin terhapus. Seni bina yang berunsurkan ciri-ciri tradisional yang sedia ada telah mencukupi untuk mengikut spesifikasi serta pemuliharaan alam sekitar.

Pemikiran dan amalan berkaitan dengan pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap warisan telah bertapak dalam jiwa bagi sesuatu bangsa di Malaysia sejak dahulu lagi. Kebanyakan artifak ataupun warisan yang bernilai telah disimpan di Muzium Negara dan juga di muzium negeri makala tapak dan bangunan bersejarah telah diwartakan sebagai warisan kebangsaan. Namun begitu, pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap warisan budaya negara sukar dilakukan akibat daripada kurangnya kesedaran terhadap kepentingan warisan tersebut oleh golongan masyarakat. Langkah yang sewajarnya perlu dilakukan oleh pihak tertentu dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang pemuliharaan dan pemeliharaan warisan budaya Negara (Sinar Harian 2018).

Aspek pemuliharaan ini juga turut diperkatakan oleh Prof Tan Sri Dato' Seri Dr Noor Azlan yang merupakan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bahawa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) amat komited dalam mempergiatkan usaha dalam memberikan sumbangan terhadap ilmu serta amalan terhadap pemuliharaan warisan budaya serta tabii. Pemuliharaan warisan dapat memberi pendedahan berkaitan dengan sejarah, identiti serta budaya yang dimiliki oleh sesebuah bangsa dan juga negara terhadap masyarakat khususnya generasi muda. Kumpulan penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang diketuai oleh Prof Dr Rahimah Abdul Aziz telah mempergiatkan usaha dalam memulihara warisan budaya. Hal ini sekaligus dapat memastikan warisan budaya bangsa dapat dipelihara

dan dikekalkan. (Ummu Umairah Ahmad Shukri 2018, Oktober *UKM Komited Pulihara Warisan Negara*. Dimuat turun daripada [https://www.ukm.my/news/Latest\\_News/ukm-komited-pulihara-warisan-negara/](https://www.ukm.my/news/Latest_News/ukm-komited-pulihara-warisan-negara/))

Menurut NNM Hasani & SN Shaharuddin (2020), Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan warisan budaya yang melambangkan identiti sesebuah bangsa dan budaya. Bangunan warisan adalah salah satu peninggalan warisan yang terdapat di Malaysia dan mempunyai keunikan serta bernilai tinggi dari segi reka bentuk dan juga ukiran yang terdapat pada struktur bangunan tersebut. Bangunan warisan telah dikategorikan sebagai warisan budaya ketara dimana ianya bertujuan untuk memberi manfaat kepada satu generasi ke generasi yang lain (Piagam Burra, 1999). Istana Jahar di negeri Kelantan merupakan salah satu bangunan warisan yang popular dalam kalangan masyarakat Malaysia. Seperti kita ketahui bahawa Istana Jahar ini telah diiktiraf oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) pada tahun 2012 sebagai bangunan warisan. Perubahan yang dilakukan terhadap Istana Jahar ini yang telah menjadi muzium telah melibatkan proses pemuliharaan serta konservasi. Hal ini juga turut digunakan oleh luar negara (Misirlisoy & Kagan, 2016; Hegazy, 2015; Highfield, 1987; & Jiang, Yao & Sun, 2019). Dimana, pemuliharaan terhadap Istana Jahar ini dilakukan adalah untuk mengekalkan keaslian bangunan warisan tersebut.

Pemuliharaan dengan menggunakan kaedah penyesuaigunaan semula telah dilakukan terhadap Istana Jahar ini. Penyesuaian semula boleh dikatakan sebagai kerja-karja mengubahsuai fungsi serta kegunaan bangunan warisan kepada fungsi baru namun bentuk dan ciri-ciri bangunan asal masih lagi dikekalkan ( Bie & Cleempoel, 2019; Jabatan Warisan Negara Malaysia, 2017; Nur Hasimah, 2003). Kaedah penyesuaian semula yang dilakukan terhadap bangunan warisan adalah untuk memastikan bahawa bangunan warisan tersebut terus terpelihara serta mengekalkan

nilai estetika yang terdapat pada bangunan tersebut (Daeng Haliza, Zuliskandar & Mastor, 2017) manakala menurut A. Ghafar (2010), kaedah penyesuaigunaan semula yang dilakukan terhadap bangunan warisan merupakan salah satu proses untuk mengubah bagi sesuatu fungsi bangunan tersebut kepada fungsi yang baru tetapi bentuk serta ciri-ciri asal bangunan tersebut masih lagi dikekalkan. Hal ini sekaligus dapat memanjangkan jangka hayat bagi bangunan terbabit. Pemuliharaan yang dilakukan terhadap struktur bangunan warisan Istana Jahar ini adalah untuk melindungi, mengawal serta menjaga bangunan tersebut daripada berlakunya kerosakan. Penggunaan kaedah penyesuaigunaan semula terhadap sesebuah bangunan warisan mestilah mengikuti peraturan konservasi yang telah ditetapkan untuk memelihara serta menjaga nilai seni bina, sosial dan juga sejarah bangunan terbabit.

Menurut EA Choy, NAM Awal & MF Shamsudin (2015), pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dan sumber asli merupakan aspek yang penting yang perlu dititik beratkan oleh setiap lapisan masyarakat. Keseimbangan alam doleh dikatakan sebagai keadaan di mana interaksi antara organisma dengan alam sekitar. Kepentingan terhadap keseimbangan alam sekitar amatlah penting untuk mengekalkan kehidupan. Pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap alam sekitar telah menjadi isu yang hangat dalam kalangan pencinta alam dan ahli industri. Dimana, khazanah yang amat bernilai ini perlulah dipulihara dan dipelihara agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Falsafah pemuliharaan dan pemeliharaan ini turut menyokong kepada konsep pembangunan yang seimbang dengan mengekalkan proses ekologi yang penting bagi menyokong hayat, memelihara kepelbagaian genetik serta memastikan penggunaan sumber alam secara berterusan (Marian, 2008). Generasi muda berperanan penting dalam usaha memulihara dan memelihara kerana golongan ini mudah terdedah dengan aktiviti luar terutamanya yang melibatkan alam sekitar. Oleh itu, pendedahan awal

perlu dilakukan berkaitan dengan pemuliharaan dan pemeliharaan kepada masyarakat. Sumbangan daripada golongan ini amatlah diperlukan kerana mereka berpotensi dalam membuat ciptaan yang mampu memulihara dan memelihara alam sekitar.

Menurut Solihah Mustafa et. al (2015) dalam kajiannya iaitu Pengurusan bandar warisan UNESCO dan penglibatan komuniti tempatan: Kajian kes di George Town, Pulau Pinang, menjelaskan tentang tahap penglibatan komuniti dalam aspek pemuliharaan warisan di kawasan George Town, Pulau Pinang. Usaha pemuliharaan terhadap bangunan warisan di Malaysia bermula agak lewat. Hal ini adalah kerana, kesedaran terhadap pemuliharaan warisan telah menyerlah pada tahun 1980-an ketika giat merancang pembangunan ekonomi negara di bawah pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad mantan Perdana Menteri Malaysia. Masyarakat dan komuniti terutamanya bagi mereka yang tinggal dalam mahupun berhampiran dengan sesuatu kawasan, tapak serta bangunan yang akan dipulihara perlulah dilibatkan bagi sesuatu proses pemuliharaan (Yazid 2010). Kaedah temu bual dan juga pemerhatian digunakan dalam kajian ini yang terdiri daripada komuniti setempat.

Tahap penglibatan komuniti terhadap warisan di George Town masih lagi berada di tahap yang rendah. Hal ini adalah kerana, penyebaran maklumat berkaitan dengan pemuliharaan warisan khususnya tapak warisan George Town hanya ditumpukan kepada ahli persatuan sahaja. Perkara ini turut dikatakan oleh Yazid (2000) dan Paiman (2002), tahap kesedaran terhadap kepentingan pemuliharaan bandar masih lagi tidak mencapai tahap yang memuaskan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Dapatan kajian turut mendapati bahawa aspek pemuliharaan warisan George Town ini masih mendapat tumpuan dalam kalangan komuniti setempat. Pihak berkepentingan juga perlu berperanan dalam membimbing serta memberi kesedaran

kepada komuniti terhadap kepentingan pemuliharaan warisan. Hal ini sekaligus dapat menarik minat komuniti setempat untuk melibatkan diri dalam pemuliharaan bangunan warisan.

Satu lagi kajian yang dilakukan oleh Daeng Haliza & Zuliskandar (2021), dalam kajian mereka iaitu Pemuliharaan beberapa bangunan bersejarah di Kelantan: Tinjauan ke atas penglibatan komuniti setempat dalam suai guna semula. Penglibatan komuniti setempat dalam aspek pemuliharaan bangunan bersejarah amatlah penting untuk memastikan bangunan warisan dapat dilestarian serta untuk tatapan generasi akan datang. Dapatan kajian tersebut memperlihatkan bahawa penglibatan komuniti setempat dalam pemuliharaan bangunan warisan iaitu Masjid Lama Kedai Mulong, Kota Bharu serta Galeri Peranakan Cina Kelantan di Tanah Merah. Penglibatan komuniti setempat terhadap pemuliharaan Masjid Lama Kedai Mulong ini dapat dilihat apabila penduduk setempat telah membeli bangunan tersebut dan telah mengubahsuai bangunan kedai tersebut menjadi sebuah masjid manakala aspek pemuliharaan terhadap Galeri Peranakan Cina Kelantan juga dapat dilihat menerusi penglibatan komuniti setempat. Usaha pemuliharaan ini dilakukan oleh penduduk setempat dengan mengubah fungsi rumah tradisional Peranakan Cina Kelantan menjadi sebuah galeri. Penglibatan komuniti setempat dalam memulihara bangunan warisan tersebut dilakukan secara sukarela selain daripada mendapat pendedahan daripada pihak bertanggungjawab mengenai kepentingan pemuliharaan bangunan warisan. Hal ini sekaligus membuktikan bahawa masyarakat setempat mempunyai tahap kesedaran yang tinggi dalam melestarikan bangunan warisan yang menjadi lambang serta identiti bagi kawasan terbabit.

Menurut Md. Asrul Nasid & Zulhaida (2020) dalam kajian mereka iaitu Cabaran Dalam Pemuliharaan Bangunan Istana Lama Seri Menanti Di Negeri

Sembilan. Pemuliharaan bangunan warisan merupakan salah satu cara untuk mengekalkan khazanah negara kerana bangunan warisan adalah aset yang amat bernilai kepada negara. Pemuliharaan yang dilakukan terhadap bangunan warisan mestilah mengikut tatacara dan piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Hal ini adalah kerana, mengekalkan kualiti seni warisan yang terdapat pada bangunan warisan terbabit. Pihak berkepentingan haruslah memainkan peranan mereka untuk memastikan bahawa pemuliharaan terhadap bangunan warisan dapat dilakukan dengan sempurna. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa pemuliharaan bangunan Istana Lama Seri Menanti mempunyai beberapa proses sebelum kerja-kerja pemuliharaan dilakukan. Tahap pertama iaitu proses penilaian awal perlu dilakukan terlebih dahulu untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan seni bina atau reka bentuk bangunan tersebut. Proses kedua yang perlu dilakukan ialah proses kajian kerosakan. Hal ini adalah kerana, kerosakan yang berlaku dapat diteliti dengan lebih mendalam dan juga terperinci. Kajian kerosakan ini akan melibatkan ujian makmal, ujian tapak, menentukan jenis bahan binaan serta kaedah yang digunakan untuk memulihara bangunan bersejarah (Harun 2011). Ujian makmal dilakukan terhadap bangunan Istana Lama Seri Menanti dalam proses pemuliharaan dilakukan. Proses ketiga pula melibatkan proses penyediaan dokumen tender. Hal ini adalah kerana, untuk memastikan bahawa kaedah serta bahan binaan yang sesuai digunakan dalam aspek baik pulih bangunan tersebut. Kerja pemuliharaan bangunan merupakan proses yang seterusnya dalam pemuliharaan bangunan Istana Lama Seri Menanti manakala proses terakhir akan melibatkan proses pengurusan penyelenggaraan tapak. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, pelbagai kaedah konservasi dilakukana dalam pemuliharaan bangunan Istana Lama Seri Menanti.

Kajian yang dilakukan oleh Daniel Ugih Echoh et. al (2020) dalam artikel Fungsi Upacara Miring Dalam Proses Pemuliharaan Kubu Di Wilayah Tengah Sarawak mengatakan bahawa, pemuliharaan bangunan bersejarah telah giat dilakukan sejak tahun 1990 lagi. Pemuliharaan terhadap bangunan bersejarah merupakan tanggungjawab semua lapisan masyarakat (McDonald 2001). Penglibatan komuniti setempat dalam proses pemuliharaan bangunan bersejarah amatlah penting kerana ia akan memberikan pelbagai faedah serta manfaat kepada masyarakat sekitar (Steck 1999). Upacara *miring* merupakan langkah pertama yang paling penting yang perlu dilakukan sebelum proses atau kerja pemuliharaan dilakukan terhadap Kubu Brooke dan juga Kubu Emma yang melibatkan komuniti Iban di Sarawak. Hal ini adalah kerana, untuk meminta kebenaran untuk melakukan kerja-kerja pemuliharaan oleh pihak berkepentingan seperti kontraktor terhadap kubu-kubu tersebut. Hal ini sekaligus dapat melancarkan segala pekerjaan yang dilakukan tanpa ada sebarang gangguan yang tidak diingini berlaku. Upacara *miring* dilakukan oleh seorang ketua atau orang yang berpengalaman yang dikenali sebagai *lemambang*. Pelbagai peralatan yang digunakan dalam upacara tersebut yang akan disediakan oleh kaum wanita dan juga lelaki yang berpengalaman. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penglibatan komuniti setempat dalam aspek pemuliharaan bangunan warisan amatlah penting agar bangunan warisan tersebut dapat dilestarikan untuk tatapan semua lapisan masyarakat. Hal ini sekaligus dapat memberikan tahap kesedaran yang tinggi kepada masyarakat berkaitan dengan pemuliharaan bangunan warisan yang mempunyai sejarah serta menjadi simbol terhadap negeri Sarawak serta negara Malaysia.

#### **2.4 KERANGKA TEORITIKAL**


Kerangka teori membantu pengkaji dalam menentukan tujuan dan arah penelitian. Hal ini sekaligus menjadikan kerangka teoritikal sebagai dasar dalam sesuatu langkah yang dijalankan dalam kajian dengan lebih jelas serta konsisten (Koentjaraningrat, 1990). Kerangka teori merupakan perkara penting dalam penelitian sebagai landasan teori bagi pengkaji untuk menyelesaikan masalah bagi proses penyelidikan (Masri Singarimbun & Sofian Effendi t.th). Kerangka teori penting dalam sesuatu penyelidikan kerana ia mengandungi teori-teori yang relevan dalam menjelaskan masalah yang dikaji. Hal ini adalah kerana, ianya penting kepada penyelidik untuk membina kerangka teori yang mengandungi titik pemikiran yang menggambarkan permasalahan yang terdapat dalam sesuatu kajian (H. Nawawi, 1995).

Teori fungsionalisme digunakan dalam menjalankan kajian pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu. Berdasarkan kepada teori fungsionalisme ini, masyarakat dilihat berkembang dan stabil berdasarkan peraturan sosial dan juga perubahan semasa. Teori ini turut mengkaji fungsi perlakuan sosial dalam kegiatan yang menyumbang kepada penerusan masyarakat. Selain itu, masyarakat juga dikatakan sebagai organisma hidup yang mempunyai fungsinya yang tersendiri. Menurut Talcott Parsons 1930, masyarakat adalah sebagai satu sistem sosial dalam memperlihatkan hubungan yang tetap antara beberapa sub-sistem di dalamnya seperti ekonomi, politik, agama, perundangan, pendidikan, keluarga dan sebagainya.

Selain itu, terdapat empat prinsip yang diperkenalkan oleh Talcott Parsons dalam teori fungsionalisme ini iaitu adaptasi, tujuan, integrasi dan juga litensi atau pemeliharaan pola. Keempat-empat prinsip ini digunakan dalam kajian pengkaji untuk mendapatkan maklumat. Masyarakat kampung Ladang berinteraksi dengan persekitaran yang terdapat disekeliling mereka. Hal ini memudahkan pengkaji untuk



mendapatkan maklumat berkaitan dengan pertukangan tembaga di kampung tersebut menerusi kaedah temu bual. Selain itu, masyarakat di Kampung Ladang juga mengetahui tujuan yang dilakukan oleh mereka dalam pertukangan tembaga. Hal ini adalah kerana, pertukangan tembaga merupakan salah satu pekerjaan warisan yang masih diusahakan di kawasan tersebut. Masyarakat Kampung Ladang turut mempunyai kesedaran terhadap pertukangan tembaga dengan meneruskan legasi dalam pembuatan tembaga di kawasan tersebut. Sebagai contoh, membuka kedai serta bengkel pertukangan tembaga di kampung tersebut. Hal ini sekaligus menunjukkan bahawa masyarakat setempat masih lagi mempertahankan warisan tradisi yang menjadi lambang serta simbol bagi masyarakat dan negeri Terengganu.



Pencapaian:  
Pemuliharaan Pertukangan Tembaga di  
Kampung Ladang, Terengganu

Rajah 2.1: Kerangka Teoritikal pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung  
Ladang, Terengganu

## 2.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini menghuraikan tentang kajian lepas yang telah dilakukan oleh para penyelidik terdahulu. Sorotan kajian yang dilakukan adalah berkaitan dengan topik kajian. Keseluruhan kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu tidak terlalu tertumpu kepada pertukangan tembaga dan juga pemuliharaan. Perbezaan pandangan daripada pengkaji-pengkaji lepas membolehkan pengkaji memahami sudut kajian secara menyeluruh. Pandangan yang diberikan oleh pengkaji terdahulu juga turut dijadikan sebagai garis panduan kepada pengkaji. Oleh itu, penggunaan teori fungsionalisme bagi kajian ini kerana bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu Pemuliharaan Pertukangan Tembaga di Kampung Ladang, Terengganu.

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 PENGENALAN**

Metodologi kajian adalah kaedah yang merujuk kepada teknik yang sesuai untuk menjalankan penyelidikan serta menentukan tatacara yang efektif bagi menjawab permasalahan kajian. Data yang baik diperolehi daripada penyelidikan yang dirancang secara terperinci berdasarkan reka bentuk yang bersesuaian, kaedah-kaedah pendekatan yang digunakan dalam proses mendapatkan data penyelidikan (Ruhizan Mohammad Yasin, 2010).

Bab ini membincangkan proses dan kaedah kajian yang digunakan dalam kajian pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu. Penyelidikan ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui pendekatan kualitatif yang merangkumi kajian kepustakaan, dan juga temu bual. Kaedah analisis data turut dibincangkan dalam bab ini.

#### **3.2 PROSES PENGUMPULAN DATA**

Pengumpulan data merupakan proses, cara dan juga perbuatan mengumpul atau menghimpun data untuk mendapatkan maklumat bagi sesuatu kajian (Afid Burhanuddin, 2014). Menurut Sulaiman Masri (2005), pengumpulan data merupakan proses pengumpulan pemboleh ubah yang akan menentukan prosedur, teknik dan juga aspek pengumpulan data yang sesuai dengan kajian yang dibuat oleh penyelidik

manakala menurut Sugiyono (2009), pengumpulan data adalah langkah yang betul dalam sesuatu penyelidikan kerana tujuan utama dalam penyelidikan adalah untuk mendapatkan data. Kaedah pengumpulan data yang betul perlu dilakukan untuk memastikan data yang diperolehi adalah tepat dan juga sesuai dengan tujuan kajian yang dilakukan. Oleh itu, sumber yang digunakan dalam kajian ini bagi proses pengumpulan data adalah dengan teknik yang berikut:

### **3.2.1 DATA SEKUNDER**

Menurut Sabitha Marican (2005), data sekunder dikatakan sebagai data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain manakala menurut Siswantoro (2005), data sekunder merupakan data yang diperolehi secara tidak langsung melalui buku atau kajian lepas. Hal ini turut dinyatakan oleh Sugiono (2008), bahawa data sekunder merupakan data sokongan dalam sesuatu kajian seperti buku-buku ataupun kajian literatur. Hasan (2002), mengatakan bahawa data sekunder merupakan data yang diperolehi atau dikumpul oleh seseorang penyelidik dari sumber-sumber yang sedia ada seperti kajian literatur, buku-buku ilmiah dan sebagainya. Data ini digunakan adalah untuk menyokong maklumat yang diperolehi melalui data primer. Kaedah data sekunder ini membantu untuk mendapatkan maklumat yang tidak mampu dijawab oleh responden dalam sesuatu kajian.

Menurut Mohd Shaffie (1991), kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang penyelidik untuk mendapatkan data serta bukti melalui kajian ke atas dokumen atau rekod-rekod yang sedia ada. Kajian kepustakaan merupakan satu kajian yang sangat penting bagi seseorang penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian yang

dilakukan (Siti Sarah, 2015). Kajian kepustakaan ini merangkumi bahan penyelidikan seperti data-data sekunder yang diperolehi melalui buku-buku ilmiah, jurnal, tesis, artikel, serta akhbar yang berkaitan supaya data yang diperolehi adalah berasas. Bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan ini menerusi buku-buku ilmiah, tesis, artikel serta akhbar yang berkaitan. Penyelidikan ini juga turut menggunakan laman web berkaitan untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan dengan tajuk kajian.

### **3.2.2 DATA PRIMER**

Menurut Yusof (2003), data primer merupakan data yang berasal dari sumber asli yang dikumpul bagi menjawab persoalan kajian. Data-data tersebut dikumpul oleh seseorang penyelidik melalui kajian lapangan seperti temu bual, soal selidik, pemerhatian dan sebagainya. Data primer ialah data yang berasal dari sumber pertama atau sumber asli (Rohana Yusof, 2004) manakala Sabitha Maracan, (2005), mengatakan bahawa data primer ini adalah data asal yang dikumpul secara khusus bagi menjawab persoalan kajian. Data primer ini juga merupakan sumber data yang tidak tersedia di dalam fail mahupun laporan. Data primer ini boleh dikumpulkan oleh penyelidik melalui individu, kumpulan fokus ataupun pakar serta tokoh.

Menurut Denzin (2001), temu bual digunakan sebagai alat pengumpulan maklumat dan juga data yang bersifat reflektif serta dapat mencerminkan keadaan yang sebenar ketika membuat kajian di lapangan. Kaedah temu bual dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang sah

daripada responden melalui soalan yang diberikan oleh pengkaji manakala jawapan yang diberikan oleh responden akan direkodkan secara bertulis atau dirakam. Menurut Chua Yan Piaw (2014), temu bual dibahagikan kepada tiga kategori iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan juga temu bual tidak berstruktur. Hal ini juga turut dinyatakan oleh Merriam (1998), bahawa terdapat tiga jenis temu bual seperti temu bual berstruktur, temu bual separa struktur serta temu bual tidak berstruktur.

Temu bual bertujuan untuk mendapatkan maklum balas yang sah serta merekod dengan jitu dan sempurna (Azizi Yahaya et. al 2007). Hal ini juga turut dikatakan oleh Kahn & Cannell (1957) (dalam Marshall & Rossman) bahawa temu bual dikatakan sebagai perbualan dengan tujuan (*conversation with a purpose*) manakala menurut Patton (1990), temu bual dilakukan apabila seseorang penyelidik hendak mengetahui apa yang terdapat dalam minda seseorang. Temu bual ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat yang khusus.

Pengkaji menemubual beberapa orang informan iaitu penduduk Kampung Ladang untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan pertukangan tembaga. Temu bual semi struktur digunakan dalam kajian pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu. Pemilihan temu bual ini adalah kerana pengkaji ingin mendapatkan lebih banyak maklumat daripada responden. Temu bual yang dilakukan akan dianalisis dengan cara mengalihkan kesemua temu bual tersebut kepada bentuk transkrip. Transkrip ini memudahkan pengkaji untuk melaporkan hasil temu bual tersebut dalam bentuk naratif.

Menurut Schensul et. al (1999), temu bual semi struktur ini merupakan kaedah yang terbaik untuk meneroka dan menjelaskan faktor serta subfaktor. Soalan-soalan yang digunakan dalam temu bual semi struktur ini telah ditentukan terlebih dahulu oleh penemubual namun jawapan yang diberikan terhadap soalan tersebut adalah terbuka yang boleh dikembangkan mengikut budi bicara informan dan juga penemubual.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teknik persampelan tidak kebarangkalian atau *non-probability sampling* iaitu teknik pensampelan bertujuan atau dikenali sebagai "*purposive sampling*". Pemilihan pensampelan bertujuan ini sangat sesuai untuk digunakan dalam kajian yang menggunakan kaedah kualitatif (Fraenkel & Wallen 2007). Pensampelan ini dipilih kerana untuk memudahkan pengkaji dalam menentukan responden yang sesuai serta khusus berkaitan dengan tujuan kajiannya. Menurut Reinard (2001), mengatakan bahawa pengkaji haruslah menggunakan pertimbangannya sendiri untuk menentukan responden yang sesuai dengan kajiannya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa responden yang dipilih oleh pengkaji untuk ditemu bual mempunyai maklumat yang diperlukan oleh pengkaji.

### **3.2.3 KUALITATIF**

Robson (2011), berpendapat bahawa penggunaan pendekatan kualitatif ini mula digunakan oleh para penyelidik bermula tahun 1990-an lagi. Menurutnya lagi, reka bentuk kajian kualitatif ini berkembang, membangun serta bersifat terbuka seiring dengan kemajuan kajian. Kajian kualitatif merupakan kajian yang berkaitan dengan persoalan, ataupun pernyataan dan

bukannya hipotesis. Kajian kualitatif ini juga akan melibatkan penakulan induktif untuk memahami sesuatu situasi yang tertentu termasuklah sejarah serta pengalaman seseorang individu (Trochim 2006). Menurut Bryman (2008), kajian kualitatif merupakan strategi kajian yang menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpul serta dianalisis manakala Brown dan Dowling (1998), menjelaskan bahawa kajian kualitatif ini adalah satu kajian yang menekankan kepada penghasilan makna (*production of meaning*).

Hal ini juga turut dikatakan oleh Lexy (2007), bahawa pendekatan kualitatif adalah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan untuk mendapatkan gambaran data yang boleh diamati. Denzin dan Lincoln (1994), mengatakan bahawa kajian kualitatif melibatkan kepelbagaian kaedah secara berfokus termasuklah menggunakan pendekatan semula jadi (naturalistik) untuk mengkaji sesuatu objek. Kajian kualitatif dikatakan sebagai kajian yang dijalankan memerlukan pemerhatian yang teliti. Kajian ini tidak memerlukan bilangan responden yang ramai tetapi maklumat yang diperolehi adalah berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil dalam satu kumpulan (Hamzah 2010). Kajian kualitatif adalah proses inkuiri ke arah pemahaman yang dimulakan dengan kaedah pengumpulan data yang kebiasaannya digunakan oleh pengkaji apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial (Cresswell, 1994).

Kajian kes dipakai dalam penyelidikan ini untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual bagi melaksanakan kajian ini.



### 3.3 KAEDAH ANALISIS DATA

Menurut Taylor (1975), analisis data dikatakan sebagai proses yang terperinci dalam merumuskan sesuatu hipotesis. Hal ini turut dikaemukakan oleh Lexy J. Moleong (2002), analisis data adalah merupakan satu proses dalam mengatur urutan data dan mengorganisasikannya ke dalam satu pola, kategori serta huraian penerangan. Analisis data adalah proses mengatur, menstruktur dan juga menginterpretasi data yang telah diperolehi serta dikumpul (Merriam, 2001).

#### 3.3.1 ANALISIS DATA KUALITATIF

Terdapat pelbagai kaedah analisis yang boleh digunakan dalam pendekatan kualitatif seperti *content analysis*, *discourse analysis* dan juga *thematic analysis*. Pengkaji menggunakan teknik analisis tematik (*thematic analysis*) dalam kajian pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu. Analisis tematik merupakan kaedah untuk menganalisis data yang bertujuan mengenal pasti corak atau bagi mendapatkan motif melalui data serta maklumat yang telah pengkaji perolehi (Braun & Clarke 2006). Holoway & Todres (2003), berpendapat bahawa analisis tematik ini adalah dasar untuk menganalisis data pendekatan kualitatif. Teknik ini merupakan kaedah yang efektif untuk melihat secara terperinci bagi data kualitatif yang diperolehi oleh penyelidik untuk dikaitkan dengan pola dalam sesuatu situasi serta menjelaskan situasi tersebut melalui penyelidikan (Fereday & Muir-Cochrane, 2006). Menurut Boyatzis (1998), analisis tematik merupakan cara untuk mengenal pasti corak sesuatu fenomena. Tema atau corak ini dapat

dikenalpasti serta direkodkan secara induktif daripada data kualitatif mentah seperti traskrip temu bual, rakaman video, biografi dan sebagainya. Hal ini juga dapat dikenalpasti dan direkodkan secara deduktif berdasarkan teori atau penyelidikan terdahulu. Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan dalam pendekatan kualitatif terutamanya analisis tematik ini kerana ianya dianggap sebagai *core skills* atau pengetahuan asas untuk membuat sesuatu analisis dalam pendekatan kualitatif.

Beberapa langkah atau tahap yang perlu dilakukan dalam analisis tematik ini. Memahami data yang diperolehi merupakan langkah atau tahap yang pertama dalam melakukan analisis tematik ini. Pengkaji perlulah memahami dengan lebih mendalam terhadap data yang diperolehi sebelum mereka melakukan langkah yang seterusnya. Data yang diperolehi oleh pengkaji tidak membawa maksud pengkaji memahami fenomena yang sedang dikaji. Hal ini adalah kerana, penyelidikan kualitatif dilakukan adalah bertujuan untuk meneroka secara mendalam melalui perspektif peserta, rakaman temu bual serta traskrip tersebut merupakan harta karun yang perlu diterokai oleh pengkaji untuk mengetahui maksud yang lebih mendalam. Data kualitatif yang diperolehi perlulah difahami dengan teliti oleh pengkaji. Membaca semula traskrip temu bual serta mendengar dan melihat semula rakaman temu bual atau video yang dilakukan oleh pengkaji semasa proses pengumpulan data merupakan kaedah yang lebih berkesan untuk memahami sesuatu data. Rakaman temu bual boleh menjadi sumber utama dalam proses menganalisis data kerana pengkaji boleh mendapatkan maklumat melalui perbualan yang dilakukan bersama dengan informan.

Selain itu, membuat nota atau catatan sendiri semasa membaca transkrip atau mendengar rakaman temu bual juga adalah salah satu hal yang mustahak bagi memahami sesuatu data. Nota atau catatan ini boleh dilakukan mengikut kesesuaian serta minat seseorang pengkaji. Hal ini adalah kerana, nota yang dicatat ini adalah untuk mengetahui isi-isi penting yang terdapat dalam transkrip ataupun rakaman yang dilakukan. Sebagai contoh, nota ini boleh dicatat atau ditulis dalam buku khas. Membuat nota ini juga bertujuan untuk menolong pengkaji dalam membaca data.

Langkah kedua dalam analisis tematik ini ialah penyelidik mestilah menyusun kod. Kod boleh dikatakan sebagai label atau ciri-ciri yang terdapat dalam data yang berkaitan dengan persoalan kajian. Disini, pengkaji yang akan menentukan data mana dalam transkrip temu bual yang perlu dikodkan. Penyusunan kod boleh dilakukan secara semantik iaitu menerangkan secara langsung apa yang muncul dari data dimana penyelidik akan menulis kod mengikut apa yang muncul di permukaan. Kod haruslah ditulis dengan jelas agar pengkaji dapat memahami maksud yang disampaikan oleh informan. Oleh itu, penyusunan kod tidak harus diskriptif atau panjang.

Langkah terakhir dalam analisis tematik ini ialah mencari tema. Braun & Clarke (2006), mengatakan bahawa tahap ketiga yang perlu dilakukan dalam analisis tematik ini ialah mencari tema yang sesuai dengan tujuan penyelidikan. Tema ini menerangkan bahawa sesuatu yang penting dalam data yang berkaitan dengan rumusan masalah bagi sesuatu kajian. Hal ini juga turut dikatakan oleh Boyatzis (1998), bahawa tema ini menerangkan corak fenomena yang sedang dikaji. Oleh itu, pengkaji itu sendiri yang akan

menentukan tema yang akan muncul mengikut data yang dimiliki atau diperolehinya.

Oleh itu, teknik analisis tematik ini merupakan teknik yang penting untuk digunakan dalam kajian pengkaji. Analisis tematik ini membantu pengkaji untuk mendapatkan data dengan lebih mendalam daripada informan.

### **3.4 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN**

Bailey (2007) dan Othman Lebar (2006), mengatakan bahawa kesahan merujuk kepada pengukuran ketepatan bagi sesuatu kajian yang memberikan gambaran sebenar berkaitan dengan kajian yang dikaji manakala menurut Merriam (2001), pula mengatakan bahawa kesahan berkaitan dengan bagaimana dapatan kajian sepadan dengan reality yang sebenar. Kebolehpercayaan merujuk kepada setakat mana dapatan kajian boleh diulang semula bagi memberikan hasil yang sama (Merriam 2001). Menurut (Kerlinger 1986; Mohd Nordin Abu Bakar 2011), kesahan dikatakan sebagai mengukur apa yang sepatutnya diukur manakala Fraenkel & Norman (2005), berpendapat bahawa kesahan merupakan ketepatan, kebenaran, bermakna serta kebolegunaan instrumen yang membolehkan data-data yang dikumpul diinferenkan.

Kirk & Miller (1986) berpendapat bahawa kebolehpercayaan membawa maksud sebagai ketekalan bagi sesuatu ukuran serta kestabilan ukuran tersebut sepanjang masa. Mohd Majid (2000), juga berpendapat bahawa kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan bagi sesuatu alat untuk mengukur *variable* atau gagasan yang terdapat dalam sesuatu kajian yang dilakukan manakala Chua (2006), pula mengatakan bahawa kebolehpercayaan dalam sesuatu kajian ialah kebolehan bagi sesuatu kajian untuk mendapatkan nilai yang serupa apabila mengulangi pengukuran

yang sama. Pengulangan bagi sesuatu pengukuran boleh berlaku melalui proses pemungutan data yang berterusan serta berulang dengan menggunakan pelbagai cara (Wiersma 2000).

### **3.4.1 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN (DATA KUALITATIF)**

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji melalui kajian kualitatif yang merangkumi kaedah temu bual serta kajian kepustakaan, kesahan dan kebolehpercayaan dapat dilihat melalui data serta maklumat yang diperolehi tersebut. Dimana, kaedah temu bual dilakukan dengan mengemukakan soalan yang telah ditetapkan oleh pengkaji sendiri manakala kajian kepustakaan dilakukan dengan menggunakan sumber rujukan yang berkenaan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu.

Menurut Bogdan & Biklen (2003), kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data kualitatif yang diperolehi oleh pengkaji dapat ditingkatkan melalui pengesahan dengan tandatangan terhadap data yang dikutip. Bagi memastikan soalan temu bual yang telah disediakan mempunyai kesahan serta boleh dipercayai, pengkaji juga telah meminta kerjasama daripada penilai untuk menyemak soalan temu bual berkenaan. Temu bual yang dilakukan tersebut dirakam dan dianalisis secara manual dalam bentuk transkrip. Kebolehpercayaan terhadap instrumen temu bual ini juga dapat dicapai apabila maklumat yang diberikan diulang untuk beberapa kali oleh seseorang informan.

Selain itu, kesahan dan juga kebolehpercayaan terhadap hasil yang diperolehi melalui kajian kepustakaan, pengkaji telah membuat pencarian dengan lebih

mendalam untuk memastikan data dan maklumat yang diperolehi adalah tepat. Pengkaji menggunakan tesis, buku-buku ilmiah, akhbar, jurnal serta laman web yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat tambahan berkenaan dengan kajian. Maklumat yang diperolehi melalui kajian kepustakaan ini dapat membantu pengkaji untuk menganalisis dengan teliti berkaitan dengan kajian. Hal ini sekaligus dapat memberikan ilmu pengetahuan yang baru dan berguna kepada pengkaji.

Triangulasi membawa maksud sebagai penggunaan pelbagai sumber data, penyelidik, kaedah pengumpulan data serta menganalisis data (Bailey 2007; Merriam 2001; Othman Lebar 2006). Proses pengesahan data yang lebih baik serta dapat dipastikan dengan menggunakan pelbagai kaedah dalam sesuatu kajian. Teknik triangulasi ini boleh memberikan kesahan serta kesahihan sesuatu data kerana ia diperolehi daripada pelbagai teknik. Triangulasi ini mempunyai dua kaedah yang dapat dilakukan oleh seseorang pengkaji iaitu triangulasi antara kaedah serta triangulasi di dalam kaedah. Triangulasi antara data merupakan salah satu cara untuk membuat sesuatu data kualitatif mempunyai kesahan yang tinggi dalam sesebuah penyelidikan (Wiersma 1991; John Van Maaneen 1983).

Triangulasi antara kaedah dilakukan dengan membuat pelbagai teknik atau kaedah pengumpulan data. Pengumpulan data dan maklumat boleh dilakukan menerusi kaedah pemerhatian, temu bual serta analisis dokumen. Bagi triangulasi di dalam kaedah pula dilakukan dengan melakukan pemerhatian dan juga temu bual secara berulang kepada setiap responden. Sesuatu perlakuan yang dilakukan secara berulang oleh responden dapat dilihat melalui teknik ini. Hal ini sekaligus dapat mengukuhkan serta kesahihan sesuatu dapatan kajian.

Pengkaji menggunakan teknik triangulasi ini untuk mendapatkan seta meningkatkan kesahan data dan maklumat yang diperolehi melalui temu bual serta melalui sumber rujukan. Oleh itu, kesahan dan kebolehpercayaan terhadap kedua-dua kaedah yang dilakukan adalah penting dalam memastikan maklumat serta data yang diperolehi adalah tepat dan juga sah. Hal ini sekaligus dapat memberikan gambaran yang sebenar kepada pengkaji berkaitan dengan kajian yang dilakukan tersebut.

### **3.5 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, bab ini menghuraikan tentang metodologi kajian serta kaedah analisis yang digunakan dalam kajian secara menyeluruh. Perbincangan bab ini merangkumi proses pengumpulan data, kaedah analisis data yang akan dianalisis untuk mendapatkan maklumat yang tepat, dan kesahan dan kebolehpercayaan. Oleh itu, metodologi kajian yang digunakan ini sedikit sebanyak membantu pengkaji dalam melaksanakan kajian berkaitan pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kuantitatif dan juga kualitatif yang merangkumi kajian kepustakaan serta temu bual. Kesemua data dan juga maklumat yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan kaedah tematik untuk menjawab persoalan kajian dan juga hasil diakhir kajian ini.

## **BAB IV**

### **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1 PENGENALAN**

Dalam bab ini pengkaji membincangkan mengenai hasil dapatan kajian iaitu analisis kajian dan perbincangan dengan lebih mendalam. Bagi mendapatkan maklumat kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dengan pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu. Hasil daripada data-data dan maklumat yang telah dikumpul melalui kaedah primer dan juga sekunder. Lima orang informan yang terdiri daripada pengusaha tembaga dan juga tukang tembaga telah dipilih untuk ditemu bual oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan tajuk kajian. Temu bual yang dijalankan ini akan dianalisis dengan mengalihkan kesemua maklumat temu bual tersebut dalam bentuk transkrip. Transkrip ini memudahkan pengkaji untuk melaporkan hasil temu bual tersebut dalam bentuk naratif.

#### **4.2 ANALISIS DAPATAN TEMU BUAL RESPONDEN**

Seperti yang telah diperjelaskan pada awal bab ini, dapatan kajian yang telah diperolehi daripada 5 orang informan yang merupakan pengusaha tembaga serta tukang tembaga telah ditemu bual oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat dan juga data-data yang sah berkaitan dengan pertukangan tembaga. Analisis ini terbahagi kepada 3 tema iaitu mengenal pasti sejarah dan perkembangan tembaga di Terengganu, menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan



pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu serta mencadangkan langkah yang sewajarnya dalam memulihara dan memelihara seni pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu. Maklumat, cadangan serta pendapat yang telah diberikan oleh informan telah dilabel dengan menggunakan kod bagi menganalisis tema temu bual seperti berikut:

Jadual 4.2 : Kod informan dan huraianya

Sumber : Kajian Lapangan, 2021

Kod	Huraian
PT1-I1	Pengusaha tembaga 1
PT2-I2	Pengusaha tembaga 2
PT3-I3	Pengusaha tembaga 3
TT4-I4	Tukang tembaga 4
TT5-I5	Tukang tembaga 5

Kaedah temu bual telah dilakukan kepada 5 orang informan yang merupakan 3 orang daripadanya adalah pengusaha tembaga manakala 2 lagi informan adalah tukang tembaga di Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu. Kesemua informan yang ditemu bual adalah lelaki dan berbangsa Melayu. Kesemua informan ini adalah berumur diantara 50an hingga 80an. Dapat dilihat juga bahawa kesemua informan ini mempunyai tahap pendidikan formal. Huraian ini seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 4.3 : Profil informan berdasarkan jantina, bangsa dan agama.

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

<b>Profil informan</b>	<b>PT1</b>	<b>PT2</b>	<b>PT3</b>	<b>TT4</b>	<b>TT5</b>
<b>Jantina:</b> Lelaki	/	/	/	/	/
<b>Bangsa:</b> Melayu	/	/	/	/	/
<b>Agama:</b> Islam	/	/	/	/	/
<b>Umur:</b> 50an-80an	/	/	/	/	/
<b>Pekerjaan:</b> Pengusaha tembaga dan tukang tembaga	/	/	/	/	/
<b>Pendidikan</b> Formal	/	/	/	/	/

Analisis temu bual ini telah dibahagikan kepada tiga tema iaitu tema A,B dan juga C. Mengenal pasti sejarah dan perkembangan tembaga di Terengganu adalah tema A, menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan pertukangan

tembaga di Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu merupakan tema B dan mencadangkan langkah yang sewajarnya dalam memulihara dan memelihara seni pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu adalah tema C. Namun begitu, setiap tema tersebut mempunyai subtema masing-masing iaitu tema A mempunyai enam subtema, tema B pula, mempunyai tiga subtema manakala bagi tema C dibahagikan kepada dua subtema. Hal ini dapat dilihat seperti jadual di bawah:

Jadual 4.4: Senarai tema dan subtema temu bual

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

No	Tema	Sub tema
A	Mengenal pasti sejarah dan perkembangan tembaga di Terengganu	A1: Sejarah dan perkembangan pertukangan tembaga di Terengganu A2: Aktiviti dalam pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu A3: Pemilihan pertukangan tembaga ini sebagai punca pendapatan A4: Bahan dan peralatan yang digunakan dalam penghasilan produk dan barangan tembaga A5: Proses dalam pembuatan barangan tembaga A6: Falsafah yang terdapat dalam ukiran tembaga
B	Menghuraikan faktor-faktor	B1: Faktor yang mempengaruhi kemerosotan

	yang mempengaruhi kemerosotan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu	pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu B2: Penglibatan golongan muda dalam sektor pertukangan tembaga B3: Cabaran dalam aktiviti pertukangan tembaga
C	Mencadangkan langkah yang sewajarnya dalam memulihara dan memelihara seni pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu	C1: Cadangan memulihara dan memelihara seni pertukangan tembaga ini C2: Kemudahan dalam memelihara pertukangan tembaga di Terengganu

### 4.3 ANALISIS SEJARAH DAN PERKEMBANGAN TEMBAGA DI TERENGGANU

Temu bual bagi tema yang pertama dianalisis dengan menggunakan subtema yang telah dibentuk iaitu seperti sejarah dan perkembangan tembaga, sudah berapa lamakah terlibat dalam aktiviti pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu ini, memilih pertukangan tembaga ini sebagai punca pendapatan? Adakah ia merupakan warisan turun temurun, bahan dan peralatan yang digunakan oleh encik dalam penghasilan produk dan barangan tembaga, proses atau langkah-langkah dalam pembuatan barangan tembaga dan juga falsafah yang terdapat dalam ukiran tembaga. Hasil temu bual yang dilakukan terhadap informan adalah seperti berikut:

#### 4.3.1 Sejarah dan perkembangan pertukangan Tembaga di Terengganu

Hasil temu bual yang telah dijalankan mendapati bahawa kelima-lima informan mengetahui sejarah dan perkembangan pertukangan tembaga di Terengganu ini. Hal ini dapat dilihat melalui kenyataan berikut:

*Secara asasnya, perusahaan tembaga di Terengganu ini, ia berasal daripada kerajaan Funan pada zaman Dinasti Dong Son. Apabila berlakunya perang saudara di Funan, maka pembesar-pembesar lari dan melabuh di Kemboja, Selatan Thailand dan juga di Tanah Melayu dimana ia berlabuh di Tanjung, Kampung Ladang.*

(I1)

Hal ini turut disokong oleh informan kedua, ketiga, keempat dan juga informan kelima mengenai sejarah dan perkembangan pertukangan tembaga di Terengganu ini.

*Pada awalnya, perusahaan tembaga di Terengganu ini, ia bermula daripada kerajaan Funan pada zaman Dinasti Dong Son. Apabila berlakunya perang saudara di Funan, maka pembesar-pembesar lari dan melabuh di Kemboja, Thailand dan juga di Tanah Melayu dimana ia berlabuh di Tanjung, Kampung Ladang.*

(I2)

*Pertukangan tembaga di Terengganu pada asalnya bermula pada zaman Dinasti Dong Son dan berkembang akibat daripada kedatangan rakyat Kemboja serta China ke Tanah Melayu iaitu di Kampung Ladang. Hal ini adalah kerana, kemahiran pertukangan tembaga ini telah dimiliki oleh kebanyakan daripada mereka. Pertukangan tembaga ini telah dijadikan sebagai budaya tradisi bagi penduduk setempat.*

(I3)

*Mengikut sejarah, seni tembaga ini dipercayai bermula pada zaman pemerintahan Don son di Funan. Akibat daripada pemberotakan yang berlaku, ramai tukang ukir dan tukang logam berpindah ke Thailand, Kepulauan Indonesia dan juga di Tanah Melayu. Maka dari itulah bermulanya perkembangan pertukangan tembaga di Tanah Melayu terutamanya di negeri Terengganu.*

(I4)

*Menurut sejarah, pertukangan tembaga bermula sejak zaman pemerintahan Dinasti Dong Son lagi. Ramai pembesar, tukang-tukang ukir dan tukang logam lari dan berpindah di Tanah Melayu terutamanya di Terengganu, Thailand dan Indonesia akibat daripada berlakunya pemberotakan di kerajaan Funan. Dan dari situlah pertukangan tembaga ini berkembang di Tanah Melayu.*

(I5)

Hal ini jelas menunjukkan bahawa, sejarah dan perkembangan pertukangan tembaga di Terengganu ini telah bermula sejak dahulu lagi iaitu pada zaman pada Dinasti Dong Son lagi. Kedatangan rakyat daripada Kemboja, China dan juga Thailand ke Tanah Melayu terutamanya di Terengganu telah menyebabkan berlakunya perkembangan dalam bidang pertukangan tembaga ini.

#### **4.3.2 AKTIVITI DALAM PERTUKANGAN TEMBAGA DI KAMPUNG LADANG, TERENGGANU**

Hasil analisis yang dilakukan dalam subtema ini menjelaskan bahawa, kesemua informan yang ditemu bual ini telah terlibat dalam aktiviti pertukangan tembaga ini sudah begitu lama.

*Saya sudah terlibat dalam pertukangan tembaga ini sejak berumur 25 tahun lagi dan saya juga merupakan generasi yang ke-6 yang mewarisi perusahaan tembaga ini.*

(I1)

*Saya sudah terlibat dalam perusahaan tembaga ini sejak di bangku sekolah lagi secara sambilan di perusahaan tembaga milik ayah.*

(I2)

*Saya sudah terlibat dengan tembaga ini sejak awal 1950 lagi.*

(I3)

*Ya, saya sudah terlibat dalam pertukangan tembaga ini secara serius dan sepenuh masa sejak tahun 1965.*

(I4)

*Saya buat kerja pertukangan tembaga ini sejak sekolah lagi dan hanya menolong ayah pada waktu tersebut.*

(I5)

Secara keseluruhannya, kesemua informan telah berkecimpung dalam bidang pertukangan tembaga ini sejak sekian lama lagi. Hal ini menunjukkan bahawa, pertukangan tembaga ini telah bertapak di Terengganu khususnya di Kampung Ladang.

#### 4.3.3 PEMILIHAN PERTUKANGAN TEMBAGA SEBAGAI PUNCA PENDAPATAN

Hasil temu bual yang telah dilakukan oleh pengkaji menunjukkan bahawa 2 daripada informan memulakan perusahaan tembaga ini menerusi warisan turun-temurun manakala 3 lagi adalah sebagai punca pendapatan mereka. Hal ini dapat dilihat melalui kenyataan berikut:

*Pada mulanya saya melakukan pekerjaan ini adalah untuk mencari nafkah selain daripada untuk mengekalkan pertukangan tembaga yang kian pupus. Boleh dikatakan bahawa perusahaan tembaga ini diusahakan oleh keturunan keluarga iaitu perusahaan yang diturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Dalam erti kata lain daripada ayah diturunkan kepada anak maka perusahaan yang dijalankan ini semakin berkembang daripada tahun ke tahun iaitu tahun 1950, 1960, 1970 sehingga ia menjadi sebagai ikonik kepada negeri Terengganu. Tembaga ini merupakan warisan asli bagi negeri Terengganu. Sebenarnya, tembaga ini merupakan satu perindustrian yang melambangkan identiti yang bermaksud ianya mempunyai permintaan yang tinggi yang melebihi daripada tawaran.*

(II)

*Pada mulanya, saya hanya membantu ayah sahaja. Dimana, ayah pada masa itu ada membuka satu perusahaan tembaga. Saya tolong ayah sahaja dalam buat barangan tembaga ini. Tapi di perusahaan ayah saya hanya buat satu jenis produk sahaja iaitu tepak sireh. Jadi saya belajar dengan ayah cara dalam membuat barangan tembaga ini. Hal ini sekaligus menjadi permulaan kepada saya dalam perusahaan tembaga ini. Kebanyakan pelanggan berminat dengan barangan iaitu peralatan kahwin. Maka dari itu, saya buat produk dan barangan kahwin. Produk tersebut telah mendapat sambutan yang baik dan menggalakkan daripada pelanggan sehinggakan ada pelanggan yang datang sendiri untuk membeli barangan tembaga di bengkel saya. Bermula*



*daripada itu, saya berminat untuk mengeluarkan pelbagai jenis produk dan barangan tembaga. Terdapat banyak tempahan yang dibuat oleh pelanggan. Saya mula menceburkan diri dalam perusahaan kraf tembaga secara serius pada tahun 1960an.*

(I2)

*Memang saya buat pekerjaan tembaga ini adalah untuk mencari pendapat dan juga sebagai mata pencarian untuk menampung kehidupan. Saya bermula membuat tembaga ini pada tahun 1950 lagi.*

(I3)

*Saya menceburkan diri dalam bidang ini adalah daripada minat yang mendalam. Selain itu, pengaruh daripada rakan-rakan persekitaran dan juga ekonomi adalah salah satu dorongan yang menyebabkan saya terlibat dalam bidang ini.*

(I4)

*Saya terlibat dalam bidang ini adalah daripada membantu ayah di bengkel pada asalnya. Saya sering melihat dan memerhati cara pembuatan daripada ayah sebelum saya membuat dan menjadi mahir dalam pembuatannya.*

(I5)

Secara keseluruhannya, perusahaan dan juga pekerjaan tembaga yang dilakukan oleh kesemua informan adalah disebabkan daripada minat yang mendalam terhadap seni pertukangan tembaga ini. Selain daripada itu, mereka melakukan pekerjaan ini adalah disebabkan untuk mencari nafkah untuk menampung kehidupan mereka serta untuk mengekalkan seni pertukangan ini daripada hilang ditelan zaman. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, pertukangan tembaga ini masih lagi dikekalkan untuk meneruskan legasi pertukangan ini agar ia tidak hilang akibat arus pemodenan. Secara tidak langsung, ia dapat menjadi tontonan kepada generasi akan datang.

#### 4.3.4 BAHAN DAN PERALATAN YANG DIGUNAKAN DALAM PENGHASILAN PRODUK DAN BARANGAN TEMBAGA

Hasil daripada temu bual yang telah dilakukan oleh pengkaji, mendapati bahawa, bahan dan juga peralatan yang digunakan dalam penghasilan produk dan barangan tembaga ini masih lagi menggunakan bahan serta peralatan tradisional namun, ianya juga turut menggunakan peralatan baharu dalam pembuatannya. Dapat dilihat bahawa kesemua informan menggunakan bahan dan juga peralatan yang sama dalam menghasilkan sesuatu barangan dan juga produk tembaga. Hal ini jelas dilihat seperti yang berikut:

Jadual 4.6 : Bahan dan peralatan yang digunakan dalam penghasilan barangan dan produk tembaga

Bahan dan peralatan	I1	I2	I3	I4	I5
Tanah liat	/	/	/	/	/
Tembaga	/	/	/	/	/
Kayu/ simen(membuat acuan)	/	/	/	/	/
Lilin	/	/	/	/	/
Kawah/ periuk besar	/	/	/	/	/
Dawai		/			
Pisau	/	/	/	/	/
Mesin gentera pelarik	/	/	/	/	/
Mesin pengempelas	/	/	/	/	/
Pasir kasar	/	/	/	/	/
Serkam padi	/	/	/	/	/
Dapur	/	/	/	/	/

Penukul kayu	/	/	/	/	/
Gunting	/	/	/	/	/
Set alat pengukir	/	/	/	/	/
Penyepit besi	/	/	/	/	/

*Dalam pembuatan barangan tembaga ini kita gunakan peralatan-peralatan dan juga bahan seperti tanah liat, kayu atau simen untuk membuat acuan, tembaga, lilin, kawah, pasir kasar, serkam padi, dapur, mesin gentera pelarik, mesin pengempelas, penyepit besi, pisau, penukur kayu dan sebagainya. Ini adalah bahan dan peralatan penting untuk membuat barangan tembaga.*

(I1)

Hal ini juga turut diperkatakan oleh informan kedua, ketiga, keempat dan juga kelima berkaitan dengan bahan dan peralatan yang digunakan dalam pembuatan barangan tembaga.

*Peralatan yang digunakan dalam membuat barangan tembaga ini antaranya ialah tanah liat, tembaga, dawai, kayu atau simen ini untuk membuat acuan, lilin, dapur, kawah, serkam padi, pasir kasar, pisau, mesin pengempelas, mesin pelarik, penyepit besi, gunting, set pengukir, penukul kayu.*

(I2)

*Untuk membuat barangan tembaga ini, kita perlukan tanah liat, lilin, kawah, tembaga, pasir kasar, simen atau kayu (untuk acuan), dapur, serkam padi, mesin gentera pelarik, mesin pengempelas, pisau, penyepit besi, set pengukir, penukul kayu dan gunting.*

(I3)

*Antara bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat barangan tembaga ini ialah tanah liat, lilin, tembaga, serkam padi, dapur, pasir kasar, kawah, kayu*

*atau simen untuk kita buat acuan, mesin pelarik, penyepit besi, mesin pengempelas, pisau, gunting, penukul kayu dan juga set pengukir.*

(I4)

*Bahan dan peralatan yang diperlukan untuk membuat barangan tembaga ini ialah seperti tanah liat, lilin, pasir kasar, serkam padi, kawah, dapur, penyepit besi, simen atau kayu, mesin pelarik, mesin pengempelas, pisau, set pengukir, gunting, kawah, penukul kayu.*

(I5)

Secara keseluruhannya, bahan dan juga peralatan yang digunakan oleh kemua informan dalam pembuatan dan juga pertukangan tembaga merupakan bahan yang sama. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, pertukangan tembaga masih lagi menggunakan bahan dan juga peralatan tradisional dalam pembuatannya. Penggunaan teknologi baru seperti mesin gentera pelarik, mesin pengempelas juga turut diaplikasikan dalam pertukangan tembaga ini.

#### **4.3.5 PROSES DALAM PEMBUATAN BARANGAN TEMBAGA**

Dalam penghasilan produk dan juga barangan tembaga ini memerlukan proses serta langkah-langkah yang tertentu bagi menghasilkan sesebuah barangan dan juga produk tembaga yang berkualiti. Penggunaan tenaga tangan dalam pemprosesan barangan dan juga produk tembaga ini adalah hampir 90% manakala 10% lagi adalah pemprosesan dengan menggunakan mesin. Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual yang telah dilakukan oleh pengkaji seperti berikut:

*Proses penghasilan barangan tembaga ini bermula dengan membuat acuan asas dengan menggunakan kayu serta merangka bentuk dan corak barangan yang akan dibuat. Kemudian, lilin dimasukkan ke dalam kawah atau periuk besar dan dimasak sehingga cair dengan keadaan suhu diantara 3000-4000 darjah celcius. Proses seterusnya adalah proses membuat acuan lilin dimana*

acuan utama dicelup ke dalam lilin yang telah dicairkan. Acuan tersebut perlulah dipusing-pusing dahulu supaya lilin tersebut melekat di seluruh acuan secara merata. Proses ini akan diulang sebanyak tiga kali sehingga memperolehlah tahap ketebalan yang diinginkan. Seterusnya, ialah memisahkan acuan yang mana acuan lilin yang telah dikeraskan akan dipindahkan dari acuan utama dengan menggunakan pisau. Acuan tersebut kemudiannya akan direndam ke dalam air. Proses seterusnya pula adalah melekatkan lapisan pertama. Acuan lilin yang telah siap dicelupkan ke dalam bancuhan tanah liat halus yang telah ditapis. Dimana, fungsi lapisan ini adalah untuk menyekat atau mengepung cairan tembaga supaya ianya mengikut acuan lilin tersebut manakala lapisan kedua pula akan diletakkan setelah lapisan pertama tadi kering. Lapisan kedua ini mempunyai campuran tanah liat dan juga pasir kasar. Lapisan ketiga akan dilakukan selepas lapisan kedua tadi kering dan ianya terdiri daripada bancuhan tanah liat dan serbuk padi. Proses yang seterusnya ialah proses penghapusan lilin. Dimana, proses ini akan dilakukan dengan memasukkan acuan yang telah dikeringkan ke dalam tanun. Dimana, ianya adalah bertujuan untuk membuang lilin yang masih ada dalam acuan tersebut. Acuan yang kosong tersebut pula akan diisi dengan cairan tembaga dan kemudiannya akan dikeluarkan daripada dapur. Penuangan dilakukan apabila tembaga telah dicairkan dengan sepenuhnya. Cairan tembaga tersebut dituangkan melalui saluran tuangan yang telah disediakan. Langkah seterusnya adalah pembuangan acuan tanah di mana lapisan tanah akan dipecahkan. Hal ini adalah kerana untuk mengeluarkan barangan atau produk tembaga. Langkah terakhir adalah menggilap tembaga. Barangan dan juga produk tembaga yang telah siap dihasilkan akan diletakkan di mesin jentera pelarik untuk ianya digilap. Barangan tembaga ini juga akan digilap dengan menggunakan polish untuk mempunyai hasilan yang lebih baik.

(11)

Hal ini juga turut disokong oleh informan kedua, ketiga, keempat dan juga informan kelima berkaitan dengan proses pembuatan barangan tembaga.

Untuk hasilkan periuk tembaga, acuan utama adalah bersaiz 11 inci. Kemudian, ianya akan dicelup ke dalam lilin yang telah dicairkan sebanyak

lima kali untuk dapatkan ketebalan acuan lilin yang dikehendaki. Kemudian, acuan lilin tersebut perlu direndam ke dalam air untuk memudahkan proses pengeluaran lilin daripada acuan. Acuan lilin tersebut kemudiannya akan dilarik bsgi mendapatkan kesamarataan di setiap permukaan sebelum telinga kualiti dipasang. Pada zaman dahulu, acuan utama bagi periuk tembaga adalah daripada kayu namun kini acuan jenis kapur atau simen digunakan. Acuan lilin kemudiannya dicelupkan pada lapisan pertama yang mengandungi tiga larutan selut. Dimana, pasir halus dan tanah liat dicampurkan bagi mendapatkan lapisan acuan tanah. Setiap larutan selut mempunyai tahap kepekatan yang berbeza iaitu dengan ratio pasir dan tanah liat adalah sebanyak 70:30, 50:50 dan 30:70. Setiap celupan akan mengambil masa dalam satu hari untuk ia mengering dengan menggunakan udara. Kemudian, acuan lilin dengan lapisan selut tersebut ditampal dengan lapisan kedua. Secara keseluruhannya, proses ini perlu dilakukan sebanyak tiga lapisan. Setelah lapisan kering, cerobong dibuat di bahagian telinga periuk untuk mengeluarkan lilin. Acuan lilin akan diikat dengan dawai bagi menambahkan kekuatan pada atruktur acuan tersebut. Setelah lilin dikeluarkan, acuan dibakar untuk menstabilkan strukturnya sebelum tembaga dituangkan ke dalam melalui cerobong. Akhir sekali, proses kemasan dilakukan dengan menggunakan mesin pengempelas.

(I2)

Barangan tembaga dihasilkan dengan menggunakan bahan-bahan campuran tembaga putih, kuning serta zink. Campuran ini dimasak dengan menggunakan suhu yang telah ditetapkan di dalam dapur atau dia juga dipanggil sebagai relau. Pembuatan barangan ini dimulakan dengan proses membuat acuan dengan menggunakan tanah liat serta lilin yang telah dicairkan dengan suhu 3000-4000 darjah celcius. Acuan tersebut perlulah dipusing-pusing dahulu supaya lilin tersebut melekat di seluruh acuan secara merata. Kemudian, campuran tembaga yang telah dicairkan tersebut dituang ke dalam acuan. Setelah tembaga yang telah dituang menjadi keras, acuan tersebut akan dipecahkan. Yang terakhir sekali, barangan tembaga yang sudah siap digilap dengan menggunakan mesin.

(I3)

Langkah pertama yang perlu dibuat dalam penghasilan barangan tembaga ini adalah dengan membuat acuan terlebih dahulu. Kemudian proses mencairkan lilin iaitu meletakkan lilin di dalam kawah atau periuk yang besar. Dimana, lilin tersebut akan dimasak dengan menggunakan suhu 3000-4000 darjah celcius. Setelah itu, acuan yang telah dibuat dicelup ke dalam air dan kemudian ianya dicelup ke dalam lilin yang telah dicairkan itu. Acuan akan dipusing-pusing agar lilin tersebut merata di seluruh acuan. Proses ini akan diulang sebanyak tiga kali untuk mendapatkan ketebalan yang diinginkan. Acuan yang telah mengeras akan dipisahkan dengan acuan utama dan acuan tersebut direndam di dalam air. Langkah yang seterusnya, acuan akan ditampal dengan lapisan pertama iaitu acuan itu dicelup ke dalam bancuhan tanah liat halus. Dimana, fungsi lapisan ini dibuat adalah untuk menyekat cairan tembaga supaya ia mengikut acuan lilin tersebut. Kemudian, lapisan kedua pula ditampal setelah lapisan pertama tadi kering dengan campuran tanah liat dan juga pasir kasar dan lapisan terakhir ditampal dengan bancuhan daripada campuran tanah liat dan serbuk padi. Langkah yang seterusnya pula adalah penghapusan lilin. Langkah ini dilakukan dengan memasukkan acuan yang telah dikeringkan ke dalam tanun. Dimana, ianya adalah bertujuan untuk membuang lilin yang masih ada dalam acuan tersebut. Acuan yang kosong tersebut pula akan diisi dengan cairan tembaga dan kemusiannya akan dikeluarkan daripada dapur. Proses penuangan dibuat selepas tembaga dicairkan. Penuangan ini dibuat dengan menggunakan sebatang penyepit besi. Cairan tembaga tersebut dituangkan melalui saluran tuangan yang telah disediakan. Langkah seterusnya adalah pembuangan acuan tanah di mana lapisan tanah akan dipecahkan. Ia adalah untuk mengeluarkan barangan atau produk tembaga. Langkah terakhir adalah, tembaga yang telah siap diletakkan di gentera pelarik untuk digilap.

(I4)

Proses pertama dalam membuat barangan tembaga ialah dengan membuat acuan yang dibuat daripada kayu atau simen. Kemudian, acuan tadi dicelup ke dalam lilin yang telah cair yang mana lilin dicairkan dengan suhu yang

telah ditentukan iaitu 3000-4000 darjah celcius. Acuan akan dipusing-pusing agar lilin tersebut merata di seluruh acuan. Proses ini akan diulang sebanyak tiga kali untuk mendapatkan ketebalan yang diinginkan. Seterusnya, acuan akan ditampal dengan lapisan pertama iaitu acuan itu dicelup ke dalam bancuhan tanah liat halus. Kemudian, lapisan kedua pula ditampal dengan campuran tanah liat dan juga pasir kasar setelah lapisan pertama kering dan lapisan terakhir ditampal dengan bancuhan daripada campuran tanah liat dan serkam padi. Langkah yang seterusnya pula adalah penghapusan lilin. Langkah ini dilakukan dengan memasukkan acuan yang telah dikeringkan ke dalam tanun. Ianya adalah bertujuan untuk membuang lilin yang masih ada dalam acuan tersebut. Acuan yang kosong tersebut pula akan diisi dengan cairan tembaga dan kemusiannya akan dikeluarkan daripada dapur. Proses penuangan dibuat selepas tembaga dicairkan. Penuangan ini dibuat dengan menggunakan sebatang penyepit besi. Cairan tembaga tersebut dituangkan melalui saluran tuangan yang telah disediakan. Langkah seterusnya adalah pembuangan acuan tanah di mana lapisan tanah akan dipecahkan. Ia adalah untuk mengeluarkan barangan atau produk tembaga. Langkah terakhir adalah, tembaga yang telah siap diletakkan di gentera pelarik untuk ia digilap.

(15)

Secara ringkasnya, penghasilan bagi sesuatu barangan tembaga mempunyai beberapa proses yang tertentu yang perlu dilakukan untuk mendapatkan hasil yang berkualiti serta terbaik. Kemahiran yang tinggi amat diperlukan dalam setiap proses pembuatan bagi sesuatu barangan tembaga. Pembuatan barangan tembaga dimulakan dengan proses membuat acuan yang diperbuat daripada kayu atau simen dan diakhiri dengan proses menggilap dengan menggunakan mesin gentera pelarik.

#### **4.3.6 FALSAFAH YANG TERDAPAT DALAM UKIRAN TEMBAGA**

Hasil daripada temu bual yang dijalankan oleh pengkaji terhadap informan, mendapati bahawa ukiran dalam pertukangan tembaga ini lebih tertumpu kepada kepada motif flora, fauna, dan juga awan. Selain itu, ukiran tembaga ini turut menggunakan kaedah



yang tertentu dalam penghasilannya. Salah satunya adalah seperti kaedah ukiran timbul. Ukiran tembaga ini juga kebiasaanya dihasilkan dalam bentuk tulisan khat iaitu ayat-ayat suci Al-Quran. Dimana, ukiran ini kebiasaanya diletakkan di dinding-dinding pejabat mahupun rumah. Selain daripada itu, plak juga dihasilkan dengan menggunakan ukiran tembaga ini. Hal ini adalah untuk memperingati sesuatu perkara bagi seseorang. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui kenyataan berikut:

*Ukiran tembaga hanya digunakan kepada golongan diraja sahaja pada masa dahulu namun ukiran tembaga ini boleh dimiliki oleh sesiapa sahaja bagi mereka yang berkemampuan pada masa kini. Ukiran tembaga ini biasanya dibuat dalam tulisan khat. Dan ukiran tembaga ini menggunakan teknik ukiran timbul. Corak ukiran selalunya menggunakan corak bunga-bunga, haiwan dan juga corak awan. Selain itu, plak juga dibuat dengan tembaga.*

(I1)

*Dalam membuat ukiran tembaga, teknik ukiran timbul digunakan oleh tukang tembaga. Teknik ini dibuat adalah untuk membentuk gambar yang ingin dibuat. Biasanya, ukiran tembaga dibuat dengan menggunakan corak bunga, tumbuh-tumbuhan, awan serta haiwan. Ukiran ini juga dibuat pada plak selain daripada tulisan khat.*

(I2)

*Motif bunga-bunga, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan juga motif awan biasanya digunakan dalam ukiran tembaga bagi sesuatu produk. Dimana, teknik ukiran timbul digunakan dalam ukiran tembaga ini. Plak merupakan salah satu barangan yang diukir dengan menggunakan ukiran tembaga. Selain itu, tulisan khat juga turut diukir dengan ukiran tembaga untuk dijadikan sebagai hiasan di dinding.*

(I3)

*Ukiran tembaga ini biasanya dibuat dalam tulisan khat. Dan ukiran tembaga ini menggunakan teknik ukiran timbul. Corak ukiran selalunya menggunakan*

*corak bunga-bunga, haiwan dan juga corak awan. Selain itu, plak juga dibuat dengan tembaga.*

(I4)

*Teknik ukiran timbul digunakan dalam membuat ukiran tembaga ini. Biasanya, ukiran tembaga ini dibuat dengan menggunakan corak bunga, haiwan, awan dan juga tumbuhan. Tulisan khat kebiasaanya diukir dengan ukiran tembaga. Selain itu, barangan lain seperti plak juga turut menggunakan ukiran tembaga.*

(I5)

Secara keseluruhannya, motif flora, fauna serta motif awan banyak digunakan dalam ukiran bagi pertukangan tembaga. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa masyarakat masih lagi mengekalkan ciri-ciri tradisional dalam penghasilan sesuatu barangan. Teknik ukiran timbul merupakan teknik akan digunakan oleh petukang dalam menghasilkan sesuatu ukiran. Pelbagai bentuk ukiran tembaga yang dapat diukir oleh petukang seperti ukiran tulisan khat, plak dan sebagainya. Oleh itu, jelaslah menunjukkan bahawa, warisan serta ciri-ciri tradisional diterapkan dalam ukiran tembaga ini.

#### **4.4 FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEMEROSOTAN PERTUKANGAN TEMBAGA DI KAMPUNG LADANG, KUALA TERENGGANU**

Temu bual bagi tema kedua pula dianalisis mengikut subtema yang telah dibuat oleh pengkaji iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu. Selain itu, faktor penglibatan golongan muda dalam pertukangan tembaga ini dan juga cabaran dalam aktiviti pertukangan tembaga.

#### 4.4.1 FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEMEROSOTAN PERTUKANGAN TEMBAGA DI KAMPUNG LADANG TERENGGANU

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kemerosotan bagi pertukangan tembaga khususnya di Kampung Ladang, Terengganu ini. Antara faktor kemerosotan tersebut adalah faktor pembangunan yang pesat di Kampung Ladang menyebabkan berlakunya kemerosotan terhadap pertukangan tembaga di kampung tersebut. Hal ini adalah kerana, Kampung Ladang ini telah mengalami pembaharuan dan juga pemodenan yang mana bangunan-bangunan kedai, rumah dan sebagainya telah dibangunan.

Selain itu, kekurangan pelapis-pelapis baharu untuk menyambung legasi pembuatan tembaga juga adalah salah satu faktor yang mempengaruhi kemerosotan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu ini. Hal ini adalah kerana, pelapis-pelapis baharu inilah yang akan menjadi legasi untuk menghidupkan pertukangan tembaga ini daripada mengalami kepupusan akibat arus pemodenan. Hal ini dapat dilihat seperti yang berikut:

*Ya, ada beberapa faktor bagi saya yang mempengaruhi kemerosotan pertukangan tembaga ini di Kamampung Ladang ini khususnya. Faktor yang utama yang dapat kita lihat ialah pembagunan yang dilakukan oleh kerajaan di Kampung ini. Selain itu juga, pertukangan tembaga ini kurang ada pelapis-pelapis dari kalangan anak-anak muda.*

(I1)

*Bagi saya, kemerosotan pertukangan tembaga di Kampung Ladang ini adalah berpunca daripada pembagunan yang pesat yang dialami di kampung ini. Dimana, banyak bangunan-bangunan modern seperti bangunan kedai telah dibina di sini.*

(I2)

*Kemerosotan dalam pertukangan tembaga di Kampung Ladang ini adalah disebabkan oleh kurangnya pelapis-pelapis baharu iaitu generasi baru kini untuk terlibat dalam pertukangan ini. Disamping itu, kampung ini juga mengalami pembangunan yang pesat yang mana banyak bangunan telah dibangunkan di sini.*

(I3)

*Pembangunan yang berlaku di kampung ini adalah menyebabkan kemerosotan dalam pertukangan tembaga ini.*

(I4)

*Faktor pembangunan yang pesat dimana banyak bangunan telah dibina menyebabkan berlakunya kemerosotan dalam pertukangan tembaga di kampung ini.*

(I5)

Secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa, pembangunan yang pesat yang berlaku di Kampung Ladang merupakan faktor utama yang diperkatakan oleh kesemua informan. Pembangunan yang berlaku ini memberi kesan yang mendalam terhadap pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu. Kekurangan pelapis baharu juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan pertukangan tembaga di kampung ini semakin merosot.

#### **4.4.2 PENGLIBATAN GOLONGAN MUDA DALAM PERTUKANGAN TEMBAGA**

Hasil temu bual yang telah dilakukan terhadap informan, dapat dilihat bahawa golongan muda pada masa kini kurang berminat untuk menceburkan diri dalam sektor pertukangan tembaga ini adalah disebabkan persekitaran serta cara kerja yang menggunakan kaedah tradisional dalam pembuatannya. Selain itu, dalam era

pemodenan ini juga, pendedahan tentang pertukangan tembaga ini kurang dilakukan kepada golongan muda. Hal ini dapat dilihat melalui kenyataan berikut:

*Bagi saya, golongan muda kini kurang berminat untuk melibatkan diri dalam sektor dan perindustrian tembaga ini adalah disebabkan perusahaan tembaga ini dilakukan dengan menggunakan cara tradisional atau dikenali dengan nama lain iaitu cara kampung.*

(I1)

*Bagi saya amat sukar untuk mencari anak muda pada masa kini yang ada keinginan untuk menjadi seorang tukang tembaga yang mana pekerjaan ini amat memerlukan perhatian yang sangat tinggi, mempunyai persekitaran yang panas dan juga tidak mempunyai pendapatan yang lumayan.*

(I2)

*Pada pandangan saya, golongan muda kini kurang didedahkan dengan kemahiran pertukangan tembaga ini menyebabkan mereka tidak berminat untuk melibatkan diri mereka dalam bidang pertukangan tembaga ini.*

(I3)

*Pada saya, pertukangan tembaga ini mempunyai persekitaran yang kotor, cara pembuatannya yang agak sukar serta duduk berpanas menyebabkan golongan muda kini kurang berminat untuk terlibat dalam bidang pertukangan tembaga ini.*

(I4)

*Bagi saya, cara kerja yang agak sukar serta persekitaran tempat kerja yang kotor adalah sebab golongan muda tidak berminat untuk masuk dalam bidang pertukangan tembaga. Selain itu, mereka juga tidak didedahkan dengan kemahiran pertukangan ini.*

(I5)

Hal ini jelas menunjukkan bahawa, cara perkerjaan yang sukar dimana ianya memerlukan kemahiran yang tinggi, mempunyai persekitaran tempat kerja yang kotor, serta kurang pendedahan berkaitan dengan pertukangan tembaga ini menyebabkan golongan muda kini kurang berminat untuk melibatkan diri mereka dalam bidang pertukangan ini.

#### 4.4.3 CABARAN DALAM AKTIVITI PERTUKANGAN TEMBAGA

Melalui hasil temu bual yang telah dijalankan oleh pengkaji terhadap informan, pengkaji mendapati bahawa pertukangan tembaga ini sememangnya mempunyai cabaran yang harus dihadapi dan ditempuhi oleh petukang. Pelbagai cabaran yang harus ditempuhi oleh petukang dalam menghasilkan sesuatu barangan dan juga produk tembaga. Antara cabaran yang dihadapi dalam pertukangan tembaga ini ialah mengalami kerosakan terhadap barangan tembaga, menerima tempahan yang sukar dibuat daripada pelanggan.

*Kerosakan biasanya berlaku kepada barangan tembaga, Kalau barangan tembaga tersebut mempunyai kerosakan yang besar, kita akan mengitar semula barangan tersebut tapi kalau barangan tembaga itu hanya mempunyai kerosakan yang kecil kita baiki dengan kaedah kimpalan.*

(I1)

*Cabaran yang saya terima dalam pertukangan tembaga ini ialah pelanggan menempah barangan yang susah untuk dibuat. Saya akan buat barangan tembaga ini sampai saya rasa puas hati terhadap barangan tersebut. Selain itu, ada juga berlaku kerosakan pada barangan yang telah siap namun kalau barangan itu ada kerosakan yang besar, barangan tersebut kita akan kitar semula tapi kalau kerosakan yang sedikit kita baiki dengan mesin dengan cara kimpalan.*

(I2)

*Cabaran biasa terjadi bila ada kerosakan pada barangan tembaga yang telah siap. Jika kerosakan yang berlaku itu teruk maka barangan tembaga itu kita akan kitar semula tapi jika terdapat kerosakan yang kecil sahaja, kita akan baiki dengan mesin sahaja.*

(I3)

*Cabaran yang diterima biasanya terjadi kepada barangan tembaga yang telah siap yang mana terjadinya kerosakan. Sekiranya barangan tembaga yang telah siap tersebut mempunyai kerosakan yang serius atau teruk, kita akan mengitar semula barangan itu dan jika kerosakan pada barangan tersebut tidak serius pembaikan dengan menggunakan cara kimpalan dan menggunakan mesin dilakukan.*

(I4)

*Kebiasannya cabaran yang sering terjadi apabila adanya kerosakan pada barangan yang telah siap. Biasanya kerosakan yang besar ataupun kerosakan yang teruk kita akan kitar semula barangan tersebut dan jika kerosakan yang kecil, barangan tersebut dibaiki dengan cara dan kaedah kimpalan dengan menggunakan mesin. Ada juga barangan yang dibuat tidak menjadi kerana formula yang digunakan tidak betul.*

(I5)

Hal ini jelas menunjukkan bahawa, pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh kesemua informan dalam menghasilkan sesuatu barangan tembaga. Kerosakan terhadap barangan tembaga merupakan salah satu cabaran yang dihadapi oleh kesemua informan selain daripada mendapat permintaan yang rumit daripada pelanggan. Langkah dan juga kaedah penyelesaian yang terbaik akan dilakukan bagi menyelesaikan masalah dan juga cabaran yang dihadapi oleh para pengusaha dan juga tukang tembaga bagi menjaga kualiti terhadap sesuatu barangan tembaga. Kaedah kitar semula dan juga kaedah kimpalan digunakan bagi membaiki kerosakan yang

berlaku terhadap sesuatu barangan tembaga. Oleh itu, jelaslah bahawa setiap cabaran dan masalah yang dihadapi akan diselesaikan dengan kaedah serta langkah yang tertentu.

#### **4.5 LANGKAH DALAM MEMULIHARA DAN MEMELIHARA SENI PERTUKANGAN TEMBAGA DI KAMPUNG LADANG, TERENGGANU**

Pemeliharaan dan juga pemuliharaan yang sewajarnya perlu dilakukan untuk mengekalkan seni pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu ini. Hasil analisis yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap tema ketiga ini iaitu menganalisis langkah yang sewajarnya dalam memulihara dan memelihara seni pertukangan tembaga ini di Kampung Ladang, Terengganu. Dimana, terdapat dua subtema dalam tema ketiga ini iaitu cadangan atau langkah yang perlu dilakukan untuk memulihara dan memelihara seni pertukangan tembaga ini dan juga kemudahan internet seperti media sosial boleh membantu untuk memelihara pertukangan tembaga di Terengganu.

##### **4.5.1 CADANGAN MEMULIHARA DAN MEMELIHARA SENI PERTUKANGAN TEMBAGA**

Hasil temu bual yang telah dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawa langkah dan juga cadangan yang sewajarnya harus dilakukan untuk memelihara dan memulihara seni pertukangan ini. Antara cadangan serta langkah yang perlu dilakukan untuk mengekalkan seni pertukangan tembaga ini khususnya di Kampung Ladang ini ialah pihak yang berwajib mestilah memainkan peranan mereka dengan mendedahkan kemahiran pertukangan tembaga kepada masyarakat khususnya golongan muda.



Selain itu, menyediakan bengkel atau kursus berkaitan dengan kemahiran pertukangan tembaga serta mengadakan kempen-kempen berkaitan dengan seni pertukangan tembaga. Hal ini sekaligus dapat mengekalkan seni pertukangan ini daripada hilang di telan zaman. Hal ni dapat dilihat melalui kenyataan berikut:

*Ya, langkah yang sewajarnya perlu kita lakukan untuk mengekalkan seni pertukangan tembaga ini. Bagi saya, pihak yang berwajib mestilah memainkan peranan mereka dengan mewujudkan bengkel atau kursus pertukangan tembaga ini kepada masyarakat terutamanya generasi muda kini.*

(I1)

*Bagi saya, pihak berwajib memainkan peranan yang amat penting untuk mengekalkan seni pertukangan tembaga di agar ia tidak hilang di telan zaman. Dimana, kempen-kempen kesedaran berkaitan dengan pertukangan ini kepada masyarakat. Selain daripada itu, bengkel berkaitan dengan seni ini juga perlu dilakukan untuk mengasah bakat yang ada dalam kalangan masyarakat berkaitan dengan seni ini.*

(I2)

*Ya, langkah yang sewajarnya harus dilakukan untuk mengekalkan seni pertukangan tembaga ini. Menurut saya, pendedahan tentang seni pertukangan tembaga ini perlu dilakukan kepada masyarakat khususnya kepada anak muda oleh pihak yang berwajib kerana mereka inilah yang akan menjadi pelapis terhadap seni ini.*

(I3)

*Bagi saya, pelaksanaan seperti kelas pertukangan tembaga ini patut dilakukan supaya seni ini tidak hilang selain dapat mengasah bakat masyarakat. Selain itu, kempen kesedaran juga mampu memberi kesedaran kepada masyarakat tentang seni pertukangan ini.*

(I4)

*Cadangan saya untuk mengekalkan seni pertukangan tembaga ialah dengan mengadakan program berkaitan dengan pertukangan tembaga ini untuk mencari pelapis-pelapis baharu dalam bidang pertukangan ini.*

(15)

Secara keseluruhannya, jelas menunjukkan bahawa pendedahan berkaitan dengan kemahiran pertukangan tembaga, bengkel atau kursus pertukangan tembaga bahkan kempen-kempen yang berkaitan dengan seni pertukangan tembaga perlu dilakukan oleh pihak yang berwajib. Hal ini secara tidak langsung dapat menarik minat serta dapat mencungkil bakat masyarakat terutamanya golongan muda untuk melibatkan diri dalam bidang pertukangan tembaga. Hal ini sekaligus dapat mengekalkan seni pertukangan tembaga ini agar tidak luput ditelan arus pemodenan.

#### **4.5.2 FAKTOR PENGGALAK PEMELIHARAAN PERTUKANGAN TEMBAGA DI KAMPUNG LADANG TERENGGANU**

Kemudahan teknologi yang ada pada hari ini sedikit sebanyak dapat membantu untuk memelihara pertukangan tembaga di Terengganu ini daripada hilang ditelan zaman. Dimana, seperti yang kita sedia maklum bahawa, masyarakat pada hari ini sememangnya menggunakan media sosial seperti *Facebook, Instagram, Twitter, laman web, blog, youtube* dan sebagainya untuk mencari dan juga menyampaikan sesuatu maklumat. Seperti kita semua tahu, bahawa kemudahan teknologi ini mempunyai manfaat kepada masyarakat sekiranya kita menggunakannya dengan cara yang betul. Penggunaan media sosial dalam memelihara pertukangan tembaga ini mampu menarik minat serta memberi pendedahan kepada masyarakat berkaitan dengan seni pertukangan tembaga ini. Hal ini dapat dilihat seperti berikut:

*Ya, bagi saya penggunaan teknologi internet seperti media sosial ini dapat membantu memelihara seni ini dari mengalami kepupusan akibat ditelan zaman. Dimana, pendedahan tentang seni ini boleh disampaikan dengan lebih cepat dan meluas melalui media sosial. Pelbagai informasi boleh disampaikan berkenaan pertukangan tembaga,*

(I1)

*Ya, penggunaan teknologi pada masa kini sedikit sebanyak dapat memelihara seni pertukangan tembaga ini hilang di telan zaman. Penggunaan teknologi ini dapat menarik minat sekaligus memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menggunakan barangan dan juga produk tembaga.*

(I2)

*Bagi saya, teknologi seperti media sosial ini memang memberi kesan yang positif terhadap seni pertukangan tembaga ini. Dimana, masyarakat mudah dipengaruhi daripada selebriti dan juga chef untuk menggunakan produk dan juga barangan tembaga. Hal sekaligus dapat menarik minat masyarakat untuk menggunakan barangan tembaga.*

(I3)

*Ya, penggunaan internet seperti media sosial ini boleh memberi pendedahan yang meluas tentang pertukangan tembaga kepada masyarakat.*

(I4)

*Ya, bagi saya penggunaan teknologi internet ini dapat memberikan pendedahan tentang seni pertukangan tembaga ini kepada masyarakat. Disamping itu, ia juga dapat menarik minat masyarakat untuk menggunakan barangan daripada tembaga ini.*

(I5)

Hal ini jelas menunjukkan bahawa, kemudahan teknologi internet seperti media sosial dapat membantu memelihara serta memulihara seni pertukangan tembaga ini dari luput ditelan zaman dengan memberi serta menyebarkan maklumat yang betul

berkaitan dengan seni pertukangan tembaga kepada masyarakat. Penggunaan teknologi internet ini secara tidak langsung dapat menarik minat masyarakat untuk menggunakan barangan tembaga. Oleh itu, pelbagai manfaat yang dapat masyarakat perolehi daripada kemudahan teknologi internet pada masa kini.

#### **4.6 ANALISIS TEORI FUNGSIONALISME TALCOTT PARSON (1930)**

Teori fungsionalisme yang telah dikemukakan oleh Talcott Parson (1930) ini telah menjelaskan bahawa masyarakat adalah sebagai satu sistem sosial dalam memperlihatkan hubungan yang tetap antara beberapa sub-sistem di dalamnya seperti ekonomi, politik, agama, perundangan, pendidikan, keluarga dan sebagainya. Teori fungsionalisme ini turut mengkaji fungsi perlakuan sosial dalam kegiatan yang menyumbang kepada penerusan masyarakat. Selain itu, masyarakat juga dikatakan sebagai organisma hidup yang mempunyai fungsinya yang tersendiri. Teori fungsionalisme yang dikemukakan oleh Talcott Parson (1930) ini dapat dikaitkan dengan pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu. Pemuliharaan terhadap seni pertukangan tembaga ini amat penting agar tidak hilang ditelan zaman. Terdapat empat prinsip yang dikemukakan oleh Talcott Parson (1930) dalam teori fungsionalisme iaitu adaptasi (*Adaptation*), tujuan (*Goal Attainment*), integrasi (*Integration*) dan juga latensi atau pemeliharaan pola (*Latency*).

Berdasarkan hasil temu bual yang telah dilakukan oleh pengkaji menunjukkan bahawa keempat-empat prinsip yang telah dinyatakan oleh Talcott Parson (1930) ini digunapakai oleh kesemua informan dalam pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu. Fungsi yang pertama ialah adaptasi (*Adaptation*). Menurut Gerungan (2009), adaptasi merupakan penyesuaian peribadi terhadap persekitaran.


Seseorang individu mempunyai hubungan dengan persekitarannya yang mengaktifkannya, merangsang perkembangannya serta memberikan sesuatu yang diperlukannya manakala penyesuaian pula merupakan tindak balas kepada situasi. Hal ini dapat dikaitkan dengan pengusaha serta tukang tembaga yang mengadaptasikan seni pertukangan tembaga ini daripada warisan turun-temurun dan juga daripada orang berkemahiran dan seterusnya mengaplikasikan seni pertukangan ini melalui hasil kerja yang dilakukan oleh mereka dengan membuka kedai serta bengkel pertukangan tembaga di Kampung Ladang. Selain itu, pengusaha tembaga juga turut menjual barangan tembaga mereka melalui jualan atas talian seperti *Instagram*, dan juga *Shopee*. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa pengusaha tembaga ini mengadaptasi serta menggunakan kemudahan teknologi internet untuk memasarkan produk dan juga barangan tembaga mereka.

Selain itu, fungsi kedua pula merupakan tujuan (*Goal Attainment*). Tujuan boleh dikatakan sebagai sesebuah sistem mestilah menentukan serta mencapai matlamat utama (Duncan 1985). Setiap sistem sosial ataupun masyarakat sentiasa mempunyai matlamat yang sama untuk dicapai oleh mereka. Berdasarkan hasil temubual yang telah dijalankan ini, pengkaji mendapati bahawa pengusaha dan juga tukang tembaga melibatkan diri mereka dalam bidang pertukangan tembaga terutamanya di Kampung Ladang ini adalah untuk meneruskan legasi dalam bidang ini agar warisan ini tidak luput ditelan zaman. Namun begitu, ia juga bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat khususnya kepada golongan muda tentang seni pertukangan tembaga ini.

Seterusnya, fungsi yang ketiga ialah intergasi (*Intergration*). Sesebuah sistem mesti menguruskan hubungan antara setiap bahagian yang menjadi komponennya. Hal ini dapat dikaitkan dengan pengusaha tembaga, tukang tembaga dan juga pihak

berkepentingan dalam memelihara seni pertukangan tembaga ini agar ia tidak luput di telan zaman akibat daripada arus pemodenan. Pembukaan kedai serta bengkel pembuatan barangan tembaga oleh pengusaha tembaga sedikit sebanyak dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang pertukangan serta barangan tembaga. Langkah yang sewajarnya perlu diambil oleh pihak berkepentingan untuk mengekalkan seni pertukangan tembaga ini seperti membuka bengkel atau kursus berkaitan dengan pertukangan tembaga, mengadakan kempen kesedaran kepada masyarakat, mengadakan program dan sebagainya. Hal ini, secara tidak langsung dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang seni pertukangan tembaga. Hal ini sekaligus untuk memelihara dan memulihara seni pertukangan tembaga ini.

Fungsi yang terakhir ialah litensi atau pemeliharaan pola (*Latency*). Pemeliharaan pola adalah merupakan sesebuah sistem mestilah melengkapkan, mengekalkan serta menambah baik motivasi terhadap individu dan juga corak budaya yang mencipta dan mengekalkan motivasi. Penggunaan teknologi internet seperti media sosial iaitu *Facebook, Instagram, Twitter, bog, laman web*, dan sebagainya dapat memberi pendedahan yang meluas kepada masyarakat tentang seni pertukangan tembaga. Hal ini sekaligus dapat menarik minat masyarakat untuk menggunakan barangan tembaga. Hal ini secara tidak langsung dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk menghargai seni warisan yang mereka miliki. Hal ini dapat dilihat menerusi kerangka teoritikal seperti berikut:



Rajah 4.1: Kerangka Teoritik pemeliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu

Kesimpulannya, keempat-empat prinsip yang dinyatakan dalam teori fungsionalisme Talcott Parson (1930) ini digunakan dalam pemeliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu. Hasil kajian mendapati

bahawa tanpa pengusaha tembaga, tukang tembaga mahupun pihak berkepentingan usaha dalam mencapai obejktif pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu tidak dapat diwujudkan. Pengadaptasian yang dilakukan oleh pengusaha tembaga dengan membuka kedai serta bengkel bahkan memasarkan barangan tembaga menerusi jualan atas talian dapat memperlihatkan tentang seni pertukangan tembaga kepada masyarakat. Hal ini sekaligus dapat menarik minat masyarakat untuk menggunakan barangan atau produk tembaga. Secara tidak langsung ia dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang pertukangan tembaga. Justeru itu, pihak berwajib haruslah memainkan peranan meraka dalam melestarikan serta memulihara seni pertukangan tembaga ini dengan mengadakan kempen kesedaran, melakukan program dan juga kursus berkaitan dengan seni pertukangan tembaga. Dengan itu, pendedahan tentang pertukangan tembaga dapat dilakukan kepada masyarakat.

#### **4.7 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, seramai 5 orang informan yang merupakan pengusaha tembaga dan juga tukang tembaga telah dipilih untuk ditemubual oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian pemuliharaan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu. Hasil dapatan kajian melalui temu bual yang dilakukan dan dianalisis, pengkaji mendapati bahawa kesemua informan mengetahui tentang sejarah dan perkembangan tembaga di Terengganu. Selain itu, pengkaji juga dapat mengetahui proses serta alatan yang digunakan dalam pembuatan barangan tembaga melalui hasil temu bual yang dijalankan.



Penerimaan kesemua informan terhadap pemuliharaan pertukangan tembaga ini adalah sangat memuaskan dan juga diterima dengan baik. Hal ini adalah kerana, seni pertukangan tembaga ini merupakan salah satu warisan yang menjadi lambang dan juga identiti bagi masyarakat negeri Terengganu khususnya. Teori fungsionalisme dapat dikaitkan dengan pemuliharaan pertukangan tembaga ini iaitu dengan memperlihatkan pengusaha tembaga, tukang tembaga serta pihak berkepentingan dalam usaha memulihara seni pertukangan ini agar tidak pupus. Justeru itu, pelbagai langkah perlu diambil bagi memulihara dan memelihara seni pertukangan tembaga ini agar warisan ini tidak hilang akibat arus pemodenan. Oleh itu, semua pihak haruslah bersama-sama berganding bahu untuk memulihara seni warisan pertukangan tembaga ini.

## **BAB V**

### **RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP**

#### **5.1 RUMUSAN KAJIAN**

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji iaitu Pemuliharaan Pertukangan Tembaga di Kampung Ladang, Terengganu dapat dirumuskan secara keseluruhan dalam bab ini. Sepertimana yang telah dibincangkan pada awal penulisan, kajian ini terbahagi kepada 5 bab. Bab satu dapat disimpulkan oleh pengkaji dengan mengenalpasti pengenalan kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, dan juga definisi konsep. Terdapat beberapa permasalahan dan juga persoalan kajian yang telah dinyatakan oleh pengkaji berkaitan dengan tajuk kajian. Bagi skop kajian pula, pengkaji telah menumpukan di kawasan Kampung Ladang, Terengganu. Hal ini adalah kerana, Kampung Ladang merupakan salah satu tempat yang masih mengusahakan lagi seni pertukangan tembaga Terengganu. Pada akhir bab satu ini, pengkaji telah menyatakan berkaitan dengan organisasi penulisan.

Seterusnya, pada bab dua pula, membincangkan berkenaan dengan sorotan kajian dan juga kerangka teori. Sorotan kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah tertumpu kepada sorotan kajian pertukangan tembaga dan juga pemuliharaan. Sebanyak 11 sorotan kajian lepas yang digunakan oleh pengkaji berkaitan dengan sorotan kajian pertukangan tembaga manakala sebanyak 16 sorotan kajian digunakan terhadap aspek pemuliharaan. Selain itu, Teori Fungsionalisme

Talcott Parson (1930) digunapakai oleh pengkaji dalam kajian ini. Kerangka teori dihasilkan berdasarkan kepada Teori Fungsionalisme Talcott Parson (1930) yang digunakan oleh pengkaji tersebut.

Disamping itu, bagi bab tiga pula, memperlihatkan tentang metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji bagi menjalankan penyelidikan ini. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian Pemuliharaan Pertukangan Tembaga Di Kampung Ladang, Terengganu. Kaedah Kualitatif yang digunapakai dalam kajian ini adalah dengan menemu bual lima orang informan yang terdiri daripada pengusaha tembaga dan juga tukang tembaga. Pengkaji juga turut menyatakan proses pengumpulan data yang merangkumi data sekunder dan juga data primer. Data sekunder diperolehi daripada jurnal, artikel, akhbar, tesis, dan juga laman sesawang manakala bagi data primer pula, diperolehi melalui temu bual yang dilakukan terhadap informan. Selain itu, kaedah analisis data juga turut dinyatakan dalam bab ini. Pengkaji menggunakan kaedah analisis data kualitatif yang merangkumi teknik analisis tematik. Pengkaji juga turut menyatakan berkaitan dengan kesahan dan kebolehpercayaan bagi data kualitatif di akhir bab ini.

Bab empat pula, pengkaji telah menyatakan tentang analisis data dan perbincangan. Data dan maklumat diperolehi daripada hasil temu bual yang dilakukan terhadap informan yang terdiri daripada lima orang informan iaitu pengusaha tembaga dan juga tukang tembaga. Bab ini juga turut menyatakan tentang profil informan yang terdiri daripada jantina, bangsa, agama, umur dan juga pekerjaan. Perbincangan bagi bab ini adalah tertumpu kepada analisis data yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu tema dan juga subtema. Maklumat yang diperolehi adalah daripada temu bual yang dilakukan oleh pengkaji terhadap informan yang terdiri daripada pengusaha tembaga dan juga tukang tembaga. Kerangka teoritikal yang dilakukan berdasarkan

kepada Teori Fungsionalisme Talcott Parson (1930) juga turut dinyatakan dalam bab ini.

Kesimpulannya, kesemua bab yang terdapat dalam kajian ini amat penting dalam untuk menghasilkan suatu penulisan yang baik. Penulisan ini dapat dijadikan sebagai salah satu cara dan juga rujukan untuk memulihara seni pertukangan tembaga di Terengganu.

## **5.2 CADANGAN**

Seni pertukangan tembaga merupakan salah satu warisan yang menjadi lambang serta identiti bagi masyarakat negeri Terengganu. Seni pertukangan tembaga ini mempunyai keunikannya dan keistimewaan yang tersendiri. Namun begitu, seni pertukangan ini kurang dilakukan oleh golongan masyarakat pada masa kini terutamanya golongan muda. Hal ini adalah kerana, kurangnya pendedahan berkaitan dengan seni pertukangan tembaga serta mempunyai tempat pekerjaan yang kotor dan cara pembuatan yang menggunakan kaedah tradisional. Pihak berwajib mestilah memainkan peranan mereka dengan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memulihara dan memelihara seni pertukangan tembaga ini. Terdapat beberapa inisiatif yang dapat dilakukan oleh pihak berwajib untuk memulihara seni pertukangan tembaga ini seperti melakukan dokumentari tentang seni pertukangan tembaga, membuat pameran berkaitan pertukangan tembaga, menubuhkan muzium pertukangan tembaga, mengadakan kursus atau bengkel berkaitan dengan seni pertukangan tembaga.

Antara inisiatif yang dapat dilakukan oleh pihak berwajib dalam memulihara dan memelihara seni pertukangan tembaga ini ialah dengan melakukan

pendokumentarian seni pertukangan tembaga. Hal ini adalah kerana, melalui dokumentari yang dilakukan, masyarakat akan dapat mengetahui dengan lebih mendalam serta meluas berkenaan dengan pertukangan tembaga seperti sejarah pertukangan tembaga, kelebihan serta keunikan barangan tembaga, dan sebagainya. Seperti kita ketahui, dokumentari merupakan sebuah video atau filem bukan fiksyen yang memaparkan sesuatu perkara, peristiwa, kehidupan dan sebagainya kepada masyarakat atau penonton. Dokumentari ini juga dapat dijadikan sebagai salah satu alat pembelajaran terhadap golongan pelajar. Hal ini adalah kerana, dokumentari ini dilakukan adalah bertujuan untuk memberi pendidikan, pengajaran dan sebagainya berkaitan dengan sejarah awal bagi pertukangan tembaga ini. Hal ini secara tidak langsung dapat memperlihatkan tentang seni pertukangan tembaga ini kepada generasi akan datang sekaligus dapat mengelakkan seni pertukangan ini hilang ditelan zaman.

Selain itu, membuat pameran berkaitan dengan pertukangan tembaga juga merupakan salah satu inisiatif yang dapat dilakukan untuk memulihara pertukangan tembaga ini. Hal ini adalah kerana, dengan adanya pameran, masyarakat dapat melihat dengan lebih dekat atau secara langsung tentang pertukangan tembaga. Sebagai contoh, demotrasi membuat barangan tembaga dapat dilakukan di pameran yang diadakan tersebut. Hal ini sekaligus dapat menarik minat masyarakat untuk menggunakan barangan tembaga.

Seterusnya, inisiatif dan kaedah lain yang dapat dilakukan untuk memulihara seni pertukangan tembaga ini adalah dengan menubuhkan muzium pertukangan tembaga. Seperti kita sedia maklum bahawa muzium merupakan satu tempat untuk menyimpan, mempamerkan artifak serta khazanah lama. Dengan tertubuhnya muzium ini, masyarakat dapat mengetahui dengan jelas berkaitan dengan pertukangan tembaga. Hal ini adalah kerana, pelbagai koleksi tembaga dapat dipamerkan di dalam

muzium tersebut. Secara tidak langsung, ia dapat menarik minat masyarakat terutamanya generasi muda untuk datang ke muzium. Hal ini sekaligus dapat memberikan pelbagai manfaat kepada masyarakat untuk mengenali serta menghargai seni warisan yang mereka miliki.

Disamping itu, mengadakan kursus atau bengkel berkaitan dengan seni pertukangan tembaga. Bakat yang terpendam yang ada dalam kalangan masyarakat dapat dicungkil melalui bengkel atau kursus yang dilakukan ini. Hal ini sekaligus dapat mencari pelapis baharu dalam bidang pertukangan tembaga ini. Dengan itu, seni pertukangan tembaga yang menjadi warisan kebanggaan masyarakat ini dapat dikekalkan untuk tatapan generasi akan datang.

### **5.3 PENUTUP**

Secara tuntasnya, pertukangan tembaga ini merupakan seni pertukangan yang harus dipulihara serta dijaga dengan sebaiknya agar ia tidak hilang ditelan arus pemodenan. Seperti yang diketahui bahawa seni pertukangan tembaga ini merupakan salah satu warisan yang menjadi lambang serta identiti bagi masyarakat Terengganu. Setiap golongan masyarakat mestilah berganding bahu dengan memainkan peranan masing-masing dalam melestarikan serta memulihara seni pertukangan tembaga ini agar ia terus kekal untuk tatapan generasi akan datang.

Selain itu, Teori Fungsionalisme Talcott Parson (1930) digunapakai dalam kajian Pemuliharaan Pertukangan Tembaga di Kampung Ladang, Terengganu. Hal ini adalah kerana, teori fungsionalisme ini bersesuaian dengan tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Teori fungsionalisme ini memperlihatkan tentang peranan masyarakat dalam usaha untuk memulihara pertukangan tembaga ini agar ia tidak

hilang di telan zaman dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Pihak berkepentingan juga berperanan penting dalam memulihara seni pertukangan tembaga ini. Pelbagai usaha dan juga cara yang dapat dilakukan oleh pihak berkepentingan untuk melestarikan pertukangan tembaga ini.

Akhir sekali, melalui kajian yang dijalankan ini, diharapkan agar pemuliharaan serta pengkalan terhadap seni pertukangan tembaga ini dapat dilaksanakan agar warisan ini tidak pupus serta hilang ditelan zaman. Kita sebagai masyarakat mestilah berbangga dengan seni warisan yang kita miliki ini.

## RUJUKAN

- AB Sabran, et. al -(2015) KUPAS SENI: Jurnal Seni dan 3, '*Fusion*': *Eksplorasi Bentuk kraf Tembaga Melalui Integrasi Teknologi*
- BERNAMA 2020, 13 Desember *Pertahan warisan tembaga Terengganu* Dimuat turun daripada <https://www.hmetro.com.my/spektrum/2020/12/652670/pertahan-warisan-tembaga-terengganu>
- Daniel Ugih Echoh et. al - (2020)- *Fungsi Upacara Miring Dalam Proses Pemuliharaan Kubu Di Wilayah Tengah Sarawak: The Function Of Miring As Part Of The Fort Conservation Process In Central Sarawak- Journal of Borneo Social Trasformation Studies*, 148-162
- DHD Jamal, Z Ramli-(2021)-*Pemuliharaan beberapa bangunan bersejarah di Kelantan: Tinjauan ke atas penglibatan komuniti setempat dalam suai guna semula*-Geografia Malaysian Journal of Society and Space 17 (2), (461-474)[juornalarticle.ukm.my](http://juornalarticle.ukm.my)
- Farah Ahazwani Ali 2020, 6 Jun *Koleksi tembaga jadi tarikan* Dimuat turun daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/86489/EDISI/Trengganu/Koleksi-tembaga-jadi-tarikan>
- HAAH Mail-(2017)-*Pendidikan Vokasional dan Teknikal Pramerdeka Brunei Drussalam: Evolusi dan Inovasi*-Beriga, Bil.119,3
- J Foo- (2019)- *Pemuliharaan Warisan Kebudayaan melalui sistem tagal sungai di Sabah(Pnyt.)*, Borneo dalam kepelbagaian perspektif (159-174). Kota Kinabalu. Universiti Malaysia Sabah



- Juzaimie Jazlan 2016,7 Mei *Garul Tembaga lambang kebesaran Bajau Simunul*  
Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com/bhplus-old/20116/05/150998/garul-tembaga-lambang-kebesaran-bajau-simunul>
- Julia M 2019, 2 Oktober *Pulihara warisan, budaya tugas bersama* Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/surat-pembaca/2019/10/631140/pulihara-warisan-budaya-tugas-bersama>
- MAN Masrom, ZA Kadir- (2020)- *Cabaran Dalam Pemuliharaan Bangunan Iatana Lama Seri Menanti Di Negeri Sembilan* Research Management of Technology and Business (1), 647-662-publisher.uthm.edu.my
- MKM Barwi – (2003) *Jurnal Teknologi, –Ketamadunan Melayu dan Sains: satu analisis awal ke atas pencapaian masyarakat melayu dalam bidang sains*
- MR HAMAT, MYM YUSOFF- (2020) *Jurnal Melayu, Motif Alam Flora Dalam Seni Ukiran Logam Halus Kelantan, 19 (1)*
- M Solihah et. Al-( 2015)- *Pengurusan bandar warisan UNESCO dan penglibatan komuniti tempatan: Kajian kes di George Town, Pulau Pinang* Malaysian Journal of Society and Space 11 (12), 87-99
- MYM Yusoff –(2018)- *Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia-* Jurnal Melayu, 2 (17),-
- N Mohamad Ba'ai, H Khairi, H Ahmad- (2015) – *Apresiasi Barang Kemas Tradisional Melayu: Satu Kajian Mengenai Budaya Bahan*
- NN Muhammad Sani, SN Shahrudin-(2020)-*International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*
- Rafiqah Dahali 2017, 1 April *Hidupkan hiasan tembaga ikut etnik asal* Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/1303/2017/07/266597/hidupkan-hiasan-tembaga-ikot-etnik-asal>

- S Johar et.al- (2013)- *Preliminary suevey and defects analysis of tradisional timber mosque in Malaysia*-WSEAS Transactions on Environment and Development 9 (1), 119-129
- SNH Wahsalfelah-SUSURGALUR, (2014)- *Sejarah Sosio-Budaya Kraftangan di Brunie Darussalam: Barangan Logam dan Kain Tenunan*
- Ummu Umairah Ahmad Shukri 2018, Oktober *UKM Komited Pulihara Warisan Negara*. Dimuat turun daripada [https://www.ukm.my/news/Latest\\_News/ukm-komited-pulihara-warisan-negara/](https://www.ukm.my/news/Latest_News/ukm-komited-pulihara-warisan-negara/)
- YM Yusoff, H Dollah, Ab Samad Kechot- (2013)-*Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara*-Geografia-Malysian Journal of Society and Space 9 (2), 64-77
- Y Parlan- (2016) *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni 4, Signifikasi bekas bara besar Terengganu dalam warisan kraf tembaga*
- Zaitie Satibi 2019, 11 September *Aura, pesona barang kemas* Dimuat turun daripada <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/09/495441/aura-pesona-barang-kemas>

## LAMPIRAN

### INFORMAN 1

Bangsa	Melayu
Umur	56 Tahun
Pekerjaan	Pengusaha Tembaga
Tahap Pendidikan	Formal
Jantina	Lelaki

TRANSKRIP TEMU BUAL	
A	Assalamualaikum dan selamat pagi encik. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada encik kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu bual pada hari ini.
B	Walaikumussalam dan selamat pagi.
A	Boleh saya mulakan sesi temu bual ini sekarang?
B	Ya, silakan.
A	Baiklah soalan pertama saya adalah bolehkah encik ceritakan serba sedikit tentang sejarah dan perkembangan pertukangan tembaga di Terengganu?
B	Secara asasnya, perusahaan tembaga di Terengganu ini, ia berasal daripada kerajaan Funan pada zaman Dinasti Dong Son. Apabila berlakunya perang saudara di Funan, maka pembesar-pembesar lari dan melabuh di Kemboja, Selatan Thailand dan juga di Tanah Melayu dimana ia berlabuh di Tanjung, Kampung Ladang.
A	Terima kasih atas maklumat yang telah diberikan encik sebentar tadi. Seterusnya, Sudah berapa lamakah encik terlibat dalam aktiviti pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu ini?
B	Saya sudah terlibat dalam pertukangan tembaga ini sejak berumur 25 tahun lagi dan saya juga merupakan generasi yang ke-6 yang mewarisi perusahaan tembaga ini.
A	Terima kasih atas perkongsian encik. Soalan yang seterusnya ialah kenapakah encik memilih pertukangan tembaga ini sebagai punca pendapatan? Adakah ia merupakan warisan turun temurun?
B	Pada mulanya saya melakukan pekerjaan ini adalah untuk mencari nafkah selain daripada untuk mengekalkan pertukangan tembaga yang kian pupus. Boleh

	<p>dikatakan bahawa perusahaan tembaga ini diusahakan oleh keturunan keluarga iaitu perusahaan yang diturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Dalam erti kata lain daripada ayah diturunkan kepada anak maka perusahaan yang dijalankan ini semakin berkembang daripada tahun ke tahun iaitu tahun 1950, 1960, 1970 sehingga ia menjadi sebagai ikonik kepada negeri Terengganu. Tembaga ini merupakan warisan asli bagi negeri Terengganu. Sebenarnya, tembaga ini merupakan satu perindustrian yang melambangkan identiti yang bermaksud ianya mempunyai permintaan yang tinggi yang melebihi daripada tawaran.</p>
A	<p>Apakah bahan dan peralatan yang digunakan oleh encik dalam penghasilan produk dan barangan tembaga ini?</p>
B	<p>Dalam pembuatan barangan tembaga ini kita gunakan peralatan-peralatan dan juga bahan seperti tanah liat, kayu atau simen untuk membuat acuan, tembaga, lilin, kawah, pasir kasar, serkam padi, dapur, mesin gentera pelarik, mesin pengempelas, penyepit besi, pisau, penukur kayu dan sebagainya. Ini adalah bahan dan peralatan penting untuk membuat barangan tembaga</p>
A	<p>Boleh saya tahu bagaimanakah proses atau langkah-langkah dalam pembuatan barangan tembaga ini?</p>
B	<p>Proses penghasilan barangan tembaga ini bermula dengan membuat acuan asas dengan menggunakan kayu serta merangka bentuk dan corak barangan yang akan dibuat. Kemudian, lilin dimasukkan ke dalam kawah atau periuk besar dan dimasak sehingga cair dengan keadaan suhu diantara 3000-4000 darjah celsius. Proses seterusnya adalah proses membuat acuan lilin dimana acuan utama dicelup ke dalam lilin yang telah dicairkan. Acuan tersebut perlulah dipusing-pusing dahulu supaya lilin tersebut melekat di seluruh acuan secara merata. Proses ini akan diulang sebanyak tiga kali sehingga memperoleh tahap ketebalan yang diinginkan. Seterusnya, ialah memisahkan acuan yang mana acuan lilin yang telah dikeraskan akan dipindahkan dari acuan utama dengan menggunakan pisau. Acuan tersebut kemudiannya akan direndam ke dalam air. Proses seterusnya pula adalah melekatkan lapisan pertama. Acuan lilin yang telah siap dicelupkan ke dalam bancuhan tanah liat halus yang telah ditapis. Dimana, fungsi lapisan ini adalah untuk menyekat atau mengempung cairan tembaga supaya ianya mengikut acuan lilin tersebut manakala lapisan kedua pula akan diletakkan setelah lapisan pertama tadi kering. Lapisan kedua ini mempunyai campuran tanah liat dan juga pasir kasar. Lapisan ketiga akan dilakukan selepas lapisan kedua tadi kering dan ianya terdiri daripada bancuhan tanah liat dan serkam padi. Proses yang seterusnya ialah proses penghapusan lilin. Dimana, proses ini akan dilakukan dengan memasukkan acuan yang telah dikeringkan ke dalam tanun. Dimana, ianya adalah bertujuan untuk membuang lilin yang masih ada dalam acuan tersebut. Acuan yang kosong tersebut pula akan diisi dengan cairan tembaga dan kemudiannya akan dikeluarkan daripada dapur. Penuangan dilakukan apabila tembaga telah dicairkan dengan sepenuhnya. Cairan tembaga tersebut dituangkan melalui saluran tuangan yang telah disediakan. Langkah seterusnya adalah pembuangan acuan tanah dimana lapisan tanah akan dipecahkan. Hal ini adalah kerana untuk mengeluarkan barangan atau produk tembaga. Langkah terakhir adalah menggilap tembaga. Barangan dan juga produk tembaga yang telah siap dihasilkan akan diletakkan di mesin gentera pelarik untuk ianya digilap. Barangan tembaga ini juga akan digilap dengan menggunakan polish untuk mempunyai hasil yang lebih baik.</p>
A	<p>Baiklah, terima kasih encik. Seterusnya, adakah terdapat falsafah dalam ukiran</p>

	tembaga?
B	Ukiran tembaga hanya digunakan kepada golongan diraja sahaja pada masa dahulu namun ukiran tembaga ini boleh dimiliki oleh sesiapa sahaja bagi mereka yang berkemampuan pada masa kini. Ukiran tembaga ini biasanya dibuat dalam tulisan khat. Dan ukiran tembaga ini menggunakan teknik ukiran timbul. Corak ukiran selalunya menggunakan corak bunga-bunga, haiwan dan juga corak awan. Selain itu, plak juga dibuat dengan tembaga.
A	Pada pendapat encik, apakah faktor yang mempengaruhi kemerosotan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu?
B	Ya, ada beberapa faktor bagi saya yang mempengaruhi kemerosotan pertukangan tembaga ini di Kampung Ladang ini khususnya. Faktor yang utama yang dapat kita lihat ialah pembagunan yang dilakukan oleh kerajaan di Kampung ini. Selain itu juga, pertukangan tembaga ini kurang ada pelapis-pelapis dari kalangan anak-anak muda.
A	Baiklah, terima kasih encik. Apakah pandangan encik tentang golongan muda yang kurang berminat untuk melibatkan diri dalam sektor pertukangan tembaga ini?
B	Bagi saya, golongan muda kini kurang berminat untuk melibatkan diri dalam sektor dan perindustrian tembaga ini adalah disebabkan perusahaan tembaga ini dilakukan dengan menggunakan cara tradisional atau dikenali dengan nama lain iaitu cara kampung.
A	Apakah cabaran yang dihadapi oleh encik dalam aktiviti pertukangan tembaga dan bagaimanakah langkah untuk mengatasinya?
B	Kerosakan biasanya berlaku kepada barangan tembaga, Kalau barangan tembaga tersebut mempunyai kerosakan yang besar, kita akan mengitar semula barangan tersebut tapi kalau barangan tembaga itu hanya mempunyai kerosakan yang kecil kita baiki dengan kaedah kimpalan
A	Terima kasih atas perkongsian yang telah diberikat tersebut. Seterusnya, pada pendapat encik, apakah cadangan atau langkah yang perlu dilakukan untuk memulihara dan memelihara seni pertukangan tembaga ini?
B	Ya, langkah yang sewajarnya perlu kita lakukan untuk mengekalkan seni pertukangan tembaga ini. Bagi saya, pihak yang berwajib mestilah memainkan peranan meraka dengan mewujudkan bengkel atau kursus pertukangan tembaga ini kepada masyarakat terutamanya generasi muda kini.
A	Pada pandangan encik, adakah kemudahan internet seperti media social boleh membantu untuk memelihara pertukangan tembaga di Terengganu?
B	Ya, bagi saya penggunaan teknologi internet seperti media sosial ini dapat membantu memelihara seni ini dari mengalami kepupusan akibat ditelan zaman. Dimana, pendedahan tentang seni ini boleh disampaikan dengan lebih cepat dan meluas melalui media sosial. Pelbagai informasi boleh disampaikan berkenaan pertukangan tembaga,
A	Baiklah, terima kasih kerana encik telah memberikan kerjasama dalam sesi temu bual ini.

## INFORMAN 2

Bangsa	Melayu
Umur	77 Tahun
Pekerjaan	Pengusaha Tembaga
Tahap Pendidikan	Formal
Jantina	Lelaki

TRASKRIP TEMU BUAL	
A	Assalamualaikum dan selamat pagi encik. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada encik kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu bual pada hari ini.
B	Walaikummussalam dan selamat pagi.
A	Boleh saya mulakan sesi temu bual ini sekarang?
B	Ya, silakan.
A	Baiklah soalan pertama saya adalah bolehkah encik ceritakan serba sedikit tentang sejarah dan perkembangan pertukangan tembaga di Terengganu?
B	Pada awalnya, perusahaan tembaga di Terengganu ini, ia bermula daripada kerajaan Funan pada zaman Dinasti Dong Son. Apabila berlakunya perang saudara di Funan, maka pembesar-pembesar lari dan melabuh di Kemboja, Thailand dan juga di Tanah Melayu dimana ia berlabuh di Tanjung, Kampung Ladang.
A	Terima kasih atas maklumat yang telah diberikan encik sebentar tadi. Seterusnya, Sudah berapa lamakah encik terlibat dalam aktiviti pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu ini?
B	Saya sudah terlibat dalam perusahaan tembaga ini sejak di bangku sekolah lagi secara sambilan di perusahaan tembaga milik ayah.
A	Terima kasih atas perkongsian encik. Soalan yang seterusnya ialah kenapakah encik memilih pertukangan tembaga ini sebagai punca pendapatan? Adakah ia merupakan warisan turun temurun?
B	Pada mulanya, saya hanya membantu ayah sahaja. Dimana, ayah pada masa itu ada membuka satu perusahaan tembaga. Saya tolong ayah sahaja dalam buat barangan tembaga ini. Tapi di perusahaan ayah saya hanya buat satu jenis produk sahaja iaitu tepak sireh. Jadi saya belajar dengan ayah cara dalam membuat barangan tembaga ini. Hal ini sekaligus menjadi permulaan kepada saya dalam perusahaan tembaga ini. Kebanyakan pelanggan berminat dengan barangan iaitu peralatan kahwin. Maka dari itu, saya buat produk dan barangan kahwin. Produk tersebut telah mendapat sambutan yang baik dan

	menggalakkan daripada pelanggan sehinggakan ada pelanggan yang datang sendiri untuk membeli barangan tembaga di bengkel saya. Bermula daripada itu, saya berminat untuk mengeluarkan pelbagai jenis produk dan barangan tembaga. Terdapat banyak tempahan yang dibuat oleh pelanggan. Saya mula menceburkan diri dalam perusahaan kraf tembaga secara serius pada tahun 1960an.
A	Apakah bahan dan peralatan yang digunakan oleh encik dalam penghasilan produk dan barangan tembaga ini?
B	Peralatan yang digunakan dalam membuat barangan tembaga ini antaranya ialah tanah liat, tembaga, dawai, kayu atau simen ini untuk membuat acuan, lilin, dapur, kawah, serkam padi, pasir kasar, pisau, mesin pengempelas, mesin pelarik, penyepit besi, gunting, set pengukir, penukul kayu.
A	Boleh saya tahu bagaimanakah proses atau langkah-langkah dalam pembuatan barangan tembaga ini?
B	Untuk hasilkan periuk tembaga, acuan utama adalah bersaiz 11 inci. Kemudian, ianya akan dicelup ke dalam lilin yang telah dicairkan sebanyak lima kali untuk dapatkan ketebalan acuan lilin yang dikehendaki. Kemudian, acuan lilin tersebut perlu direndam ke dalam air untuk memudahkan proses pengeluaran lilin daripada acuan. Acuan lilin tersebut kemudiannya akan dilarik bsgi mendapatkan kesamarataan di setiap permukaan sebelum telinga kualiti dipasang. Pada zaman dahulu, acuan utama bagi periuk tembaga adalah daripada kayu namun kini acuan jenis kapur atau simen digunakan. Acuan lilin kemudiannya dicelupkan pada laipsan pertama yang mengandungi tiga larutan selut. Dimana, pasir halus dan tanah liat dicampurkan bagi mendapatkan lapisan acuan tanah. Setiap larutan selut mempunyai tahap kepekatan yang berbeza iaitu dengan ratio pasir dan tanah liat adalah sebanyak 70:30, 50:50 dan 30:70. Setiap celupan akan mengambil masa dalam satu hari untuk ia mongering dengan menggunakan udara. Kemudian, acuan lilin dengan lapisan selut tersebut ditampal dengan lapisan kedua. Secara keseluruhannya, proses ini perlu dilakukan sebanyak tiga lapisan. Setelah lapisan kering, cerobong dibuat di bahagian telinga periuk untuk mengeluarkan lilin. Acuan lilin akan diikat dengan dawai bagi menambahkan kekuatan pada atruktur acuan tersebut. Setelah lilin dikeluarkan, acuan dibakar untuk menstabilkan strukturnya sebelum tembaga dituangkan ke dalam melalui cerobong. Akhir sekali, proses kemas dilakukan dengan menggunakan mesin pengempelas.
A	Baiklah, terima kasih encik. Seterusnya, adakah terdapat falsafah dalam ukiran tembaga?
B	Dalam membuat ukiran tembaga, teknik ukiran timbul digunakan oleh tukang tembaga. Teknik ini dibuat adalah untuk membentuk gambar yang ingin dibuat. Biasanya, ukiran tembaga dibuat dengan menggunakan corak bunga, tumbuh-tumbuhan, awan serta haiwan. Ukiran ini juga dibuat pada plak selain daripada tulisan khat.
A	Pada pendapat encik, apakah faktor yang mempengaruhi kemerosotan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu?
B	Bagi saya, kemerosotan pertukangan tembaga di Kampung Ladang ini adalah berpunca daripada pembagunan yang pesat yang dialami di kampung ini. Dimana, banyak bangunan-bangunan modern seperti bangunan kedai telah

	dibina di sini.
A	Baiklah, terima kasih encik. Apakah pandangan encik tentang golongan muda yang kurang berminat untuk melibatkan diri dalam sektor pertukangan tembaga ini?
B	Bagi saya amat sukar untuk mencari anak muda pada masa kini yang ada keinginan untuk menjadi seorang tukang tembaga yang mana pekerjaan ini amat memerlukan perhatian yang sangat tinggi, mempunyai persekitaran yang panas dan juga tidak mempunyai pendapatan yang lumayan.
A	Apakah cabaran yang dihadapi oleh encik dalam aktiviti pertukangan tembaga dan bagaimanakah langkah untuk mengatasinya?
B	Cabaran yang saya terima dalam pertukangan tembaga ini ialah pelanggan menempah barangan yang susah untuk dibuat. Saya akan buat barangan tembaga ini sampai saya rasa puas hati terhadap barangan tersebut. Selain itu, ada juga berlaku kerosakan pada barangan yang telah siap namun kalau barangan itu ada kerosakan yang besar, barangan tersebut kita akan kitar semula tapi kalau kerosakan yang sedikit kita baiki dengan mesin dengan cara kimpalan.
A	Terima kasih atas perkongsian yang telah diberikat tersebut. Seterusnya, pada pendapat encik, apakah cadangan atau langkah yang perlu dilakukan untuk memulihara dan memelihara seni pertukangan tembaga ini?
B	Bagi saya, pihak berwajib memainkan peranan yang amat penting untuk mengekalkan seni pertukangan tembaga di agar ia tidak hilang di telan zaman. Dimana, kempen-kempen kesedaran berkaitan dengan pertukangan ini kepada masyarakat. Selain daripada itu, bengkel berkaitan dengan seni ini juga perlu dilakukan untuk mengasah bakat yang ada dalam kalangan masyarakat berkaitan dengan seni ini.
A	Pada pandangan encik, adakah kemudahan internet seperti media social boleh membantu untuk memelihara pertukangan tembaga di Terengganu?
B	Ya, penggunaan teknologi pada masa kini sedikit sebanyak dapat memelihara seni pertukangan tembaga ini hilang di telan zaman. Penggunaan teknologi ini dapat menarik minat sekaligus memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menggunakan barangan dan juga produk tembaga.
A	Baiklah, terima kasih kerana encik telah memberikan kerjasama dalam sesi temu bual ini.



### INFORMAN 3

Bangsa	Melayu
Umur	75 Tahun
Pekerjaan	Pengusaha Tembaga
Tahap Pendidikan	Formal
Jantina	Lelaki

TRASKRIP TEMU BUAL	
A	Assalamualaikum dan selamat pagi encik. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada encik kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu bual pada hari ini.
B	Walaikumussalam dan selamat pagi.
A	Boleh saya mulakan sesi temu bual ini sekarang?
B	Boleh, silakan.
A	Baiklah soalan pertama saya adalah bolehkah encik ceritakan serba sedikit tentang sejarah dan perkembangan pertukangan tembaga di Terengganu?
B	Pertukangan tembaga di Terengganu pada asalnya bermula pada zaman Dinasti Dong Son dan berkembang akibat daripada kedatangan rakyat Kemboja serta China ke Tanah Melayu iaitu di Kampung Ladang. Hal ini adalah kerana, kemahiran pertukangan tembaga ini telah dimiliki oleh kebanyakan daripada mereka. Pertukangan tembaga ini telah dijadikan sebagai budaya tradisi bagi penduduk setempat.
A	Terima kasih atas maklumat yang telah diberikan encik sebentar tadi. Seterusnya, Sudah berapa lamakah encik terlibat dalam aktiviti pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu ini?
B	Saya sudah terlibat dengan tembaga ini sejak awal 1950 lagi.
A	Terima kasih atas perkongsian encik. Soalan yang seterusnya ialah kenapakah encik memilih pertukangan tembaga ini sebagai punca pendapatan? Adakah ia merupakan warisan turun temurun?
B	Memang saya buat pekerjaan tembaga ini adalah untuk mencari pendapat dan juga sebagai mata pencarian untuk menampung kehidupan. Saya bermula membuat tembaga ini pada tahun 1950 lagi.
A	Apakah bahan dan peralatan yang digunakan oleh encik dalam penghasilan produk dan barangan tembaga ini?
B	Untuk membuat barangan tembaga ini, kita perlukan tanah liat, lilin, kawah, tembaga, pasir kasar, simen atau kayu (untuk acuan), dapur, serkam padi, mesin gentera pelarik, mesin pengempelas, pisau, penyepit besi, set pengukir, penukul kayu dan gunting.
A	Boleh saya tahu bagaimanakah proses atau langkah-langkah dalam pembuatan barangan tembaga ini?

B	Barangan tembaga dihasilkan dengan menggunakan bahan-bahan campuran tembaga putih, kuning serta zink. Campuran ini dimasak dengan menggunakan suhu yang telah ditetapkan di dalam dapur atau dia juga dipanggil sebagai relau. Pembuatan barangan ini dimulakan dengan proses membuat acuan dengan menggunakan tanah liat serta lilin yang telah dicairkan dengan suhu 3000-4000 darjah celcius. Acuan tersebut perlulah dipusing-pusing dahulu supaya lilin tersebut melekat di seluruh acuan secara merata. Kemudian, campuran tembaga yang telah dicairkan tersebut dituang ke kadam acuan. Setelah tembaga yang telah dituang menjadi keras, acuan tersebut akan dipecahkan. Yang terakhir sekali, barangan tembaga yang sudah siap digilap dengan menggunakan mesin.
A	Baiklah, terima kasih encik. Seterusnya, adakah terdapat falsafah dalam ukiran tembaga?
B	Motif bunga-bungan, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan juga motif awan biasanya digunakan dalam ukiran tembaga bagi sesuatu produk. Dimana, teknik ukiran timbul digunakan dalam ukiran tembaga ini. Plak merupakan salah satu barangan yang diukir dengan menggunakan ukiran tembaga. Selain itu, tulisan khat juga turut diukir dengan ukiran tembaga untuk dijadikan sebagai hiasan di dinding.
A	Pada pendapat encik, apakah faktor yang mempengaruhi kemerosotan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu?
B	Kemerosotan dalam pertukangan tembaga di Kampung Ladang ini adalah disebabkan oleh kurangnya pelapis-pelapis baharu iaitu generasi baru kini untuk terlibat dalam pertukangan ini. Disamping itu, kampung ini juga mengalami pembangunan yang pesat yang mana banyak bangunan telah dibangunkan di sini.
A	Baiklah, terima kasih encik. Apakah pandangan encik tentang golongan muda yang kurang berminat untuk melibatkan diri dalam sektor pertukangan tembaga ini?
B	Pada pandangan saya, golongan muda kini kurang didedahkan dengan kemahiran pertukangan tembaga ini menyebabkan mereka tidak berminat untuk melibatkan diri mereka dalam bidang pertukangan tembaga ini.
A	Apakah cabaran yang dihadapi oleh encik dalam aktiviti pertukangan tembaga dan bagaimanakah langkah untuk mengatasinya?
B	Cabaran biasa terjadi bila ada kerosakan pada barangan tembaga yang telah siap. Jika kerosakan yang berlaku itu teruk maka barangan tembaga itu kita akan kitar semula tapi jika terdapat kerosakan yang kecil sahaja, kita akan baiki dengan mesin sahaja.
A	Terima kasih atas perkongsian yang telah diberikat tersebut. Seterusnya, pada pendapat encik, apakah cadangan atau langkah yang perlu dilakukan untuk memulihara dan memelihara seni pertukangan tembaga ini?
B	Ya, langkah yang sewajarnya harus dilakukan untuk mengekalkan seni pertukangan tembaga ini. Menurut saya, pendedahan tentang seni pertukangan tembaga ini perlu dilakukan kepada masyarakat khususnya kepada anak muda oleh pihak yang berwajib kerana mereka inilah yang akan menjadi pelapis

	terhadap seni ini.
A	Pada pandangan encik, adakah kemudahan internet seperti media social boleh membantu untuk memelihara pertukangan tembaga di Terengganu?
B	Bagi saya, teknologi seperti media sosial ini memang memberi kesan yang positif terhadap seni pertukangan tembaga ini. Dimana, masyarakat mudah dipengaruhi daripada selebriti dan juga chef untuk menggunakan produk dan juga barangan tembaga. Hal sekaligus dapat menarik minat masyarakat untuk menggunakan barangan tembaga.
A	Baiklah, terima kasih kerana encik telah memberikan kerjasama dalam sesi temu bual ini.

#### INFORMAN 4

Bangsa	Melayu
Umur	68 Tahun
Pekerjaan	Pengusaha Tembaga
Tahap Pendidikan	Formal
Jantina	Lelaki

TRASKRIP TEMU BUAL	
A	Assalamualaikum dan selamat pagi encik. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada encik kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu bual pada hari ini.
B	Waalaikummussalam dan selamat pagi.
A	Boleh saya mulakan sesi temu bual ini sekarang?
B	Ya, boleh.
A	Bolehkah encik ceritakan serba sedikit tentang sejarah dan perkembangan pertukangan tembaga di Terengganu?
B	Mengikut sejarah, seni tembaga ini dipercayai bermula pada zaman pemerintahan Don son di Funan. Akibat daripada pemberotakan yang berlaku, ramai tukang ukir dan tukang logam berpindah ke Thailand, Kepulauan Indonesia dan juga di Tanah Melayu. Maka dari itulah bermulanya perkembangan pertukangan tembaga di Tanah Melayu terutamanya di negeri Terengganu.
A	Terima kasih atas maklumat yang telah diberikan encik sebentar tadi. Seterusnya, Sudah berapa lamakah encik terlibat dalam aktiviti pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu ini?
B	Ya, saya sudah terlibat dalam pertukangan tembaga ini secara serius dan sepenuh masa sejak tahun 1965.

A	Terima kasih atas perkongsian encik. Soalan yang seterusnya ialah kenapakah encik memilih pertukangan tembaga ini sebagai punca pendapatan? Adakah ia merupakan warisan turun temurun?
B	Saya menceburkan diri dalam bidang ini adalah daripada minat yang mendalam. Selain itu, pengaruh daripada rakan-rakan persekitaran dan juga ekonomi adalah salah satu dorongan yang menyebabkan saya terlibat dalam bidang ini.
A	Apakah bahan dan peralatan yang digunakan oleh encik dalam penghasilan produk dan barangan tembaga ini?
B	Antara bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat barangan tembaga ini ialah tanah liat, lilin, tembaga, serkam padi, dapur, pasir kasar, kawah, kayu atau simen untuk kita buat acuan, mesin pelarik, penyepit besi, mesin pengempelas, pisau, gunting, penukul kayu dan juga set pengukir.
A	Boleh saya tahu bagaimanakah proses atau langkah-langkah dalam pembuatan barangan tembaga ini?
B	Langkah pertama yang perlu dibuat dalam penghasilan barangan tembaga ini adalah dengan membuat acuan terlebih dahulu. Kemudian proses mencairkan lilin iaitu meletakkan lilin di dalam kawah atau periuk yang besar. Dimana, lilin tersebut akan dimasak dengan menggunakan suhu 3000-4000 darjah celsius. Setelah itu, acuan yang telah dibuat dicelup ke dalam air dan kemudian ianya dicelup ke dalam lilin yang telah dicairkan itu. Acuan akan dipusing-pusing agar lilin tersebut merata di seluruh acuan. Proses ini akan diulang sebanyak tiga kali untuk mendapatkan ketebalan yang diinginkan. Acuan yang telah mengeras akan dipisahkan dengan acuan utama dan acuan tersebut direndam di dalam air. Langkah yang seterusnya, acuan akan ditampal dengan lapisan pertama iaitu acuan itu dicelup ke dalam bancuhan tanah liat halus. Dimana, fungsi lapisan ini dibuat adalah untuk menyekat cairan tembaga supaya ia mengikut acuan lilin tersebut. Kemudian, lapisan kedua pula ditampal setelah lapisan pertama tadi kering dengan campuran tanah liat dan juga pasir kasar dan lapisan terakhir ditampal dengan bancuhan daripada campuran tanah liat dan serkam padi. Langkah yang seterusnya pula adalah penghapusan lilin. Langkah ini dilakukan dengan memasukkan acuan yang telah dikeringkan ke dalam tanun. Dimana, ianya adalah bertujuan untuk membuang lilin yang masih ada dalam acuan tersebut. Acuan yang kosong tersebut pula akan diisi dengan cairan tembaga dan kemusiannya akan dikeluarkan daripada dapur. Proses penuangan dibuat selepas tembaga dicairkan. Penuangan ini dibuat dengan menggunakan sebatang penyepit besi. Cairan tembaga tersebut dituangkan melalui saluran tuangan yang telah disediakan. Langkah seterusnya adalah pembuangan acuan tanah di mana lapisan tanah akan dipecahkan. Ia adalah untuk mengeluarkan barangan atau produk tembaga. Langkah terakhir adalah, tembaga yang telah siap diletakkan di gentera pelarik untuk digilap.
A	Baiklah, terima kasih encik. Seterusnya, adakah terdapat falsafah dalam ukiran

	tembaga?
B	Ukiran tembaga ini biasanya dibuat dalam tulisan khat. Dan ukiran tembaga ini menggunakan teknik ukiran timbul. Corak ukiran selalunya menggunakan corak bunga-bunga, haiwan dan juga corak awan. Selain itu, plak juga dibuat dengan tembaga.
A	Pada pendapat encik, apakah faktor yang mempengaruhi kemerosotan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu?
B	Pembangunan yang berlaku di kampung ini adalah menyebabkan kemerosotan dalam pertukangan tembaga ini.
A	Baiklah, terima kasih encik. Apakah pandangan encik tentang golongan muda yang kurang berminat untuk melibatkan diri dalam sektor pertukangan tembaga ini?
B	Pada saya, pertukangan tembaga ini mempunyai persekitaran yang kotor, cara pembuatannya yang agak sukar serta duduk berpanas menyebabkan golongan muda kini kurang berminat untuk terlibat dalam bidang pertukangan tembaga ini.
A	Apakah cabaran yang dihadapi oleh encik dalam aktiviti pertukangan tembaga dan bagaimanakah langkah untuk mengatasinya?
B	Cabaran yang diterima biasanya terjadi kepada barangan tembaga yang telah siap yang mana terjadinya kerosakan. Sekiranya barangan tembaga yang telah siap tersebut mempunyai kerosakan yang serius atau teruk, kita akan mengitar semula barangan itu dan jika kerosakan pada barangan tersebut tidak serius pembaikan dengan menggunakan cara kimpalan dan menggunakan mesin dilakukan.
	Terima kasih atas perkongsian yang telah diberikat tersebut. Seterusnya, pada pendapat encik, apakah cadangan atau langkah yang perlu dilakukan untuk memelihara dan memelihara seni pertukangan tembaga ini?
B	Bagi saya, pelaksanaan seperti kelas pertukangan tembaga ini patut dilakukan supaya seni ini tidak hilang selain dapat mengasah bakat masyarakat. Selain itu, kempen kesedaran juga mampu memberi kesedaran kepada masyarakat tentang seni pertukangan ini.
A	Pada pandangan encik, adakah kemudahan internet seperti media social boleh membantu untuk memelihara pertukangan tembaga di Terengganu?
B	Ya, penggunaan internet seperti media sosial ini boleh memberi pendedahan yang meluas tentang pertukangan tembaga kepada masyarakat.
A	Baiklah, terima kasih kerana encik telah memberikan kerjasama dalam sesi temu bual ini.

## INFORMAN 5

Bangsa	Melayu
Umur	52 Tahun
Pekerjaan	Pengusaha Tembaga
Tahap Pendidikan	Formal
Jantina	Lelaki

TRASKRIP TEMU BUAL	
A	Assalamualaikum dan selamat pagi encik. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada encik kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu bual pada hari ini.
B	Walaikummussalam dan selamat pagi.
A	Boleh saya mulakan sesi temu bual ini sekarang?
B	Ya, boleh.
A	Bolehkah encik ceritakan serba sedikit tentang sejarah dan perkembangan pertukangan tembaga di Terengganu?
B	Menurut sejarah, pertukangan tembaga bermula sejak zaman pemerintahan Dinasti Dong Son lagi. Ramai pembesar, tukang-tukang ukir dan tukang logam lari dan berpindah di Tanah Melayu terutamanya di Terengganu, Thailand dan Indonesia akibat daripada berlakunya pemberotakan di kerajaan Funan. Dan dari situlah pertukangan tembaga ini berkembang di Tanah Melayu.
A	Terima kasih atas maklumat yang telah diberikan encik sebentar tadi. Seterusnya, Sudah berapa lamakah encik terlibat dalam aktiviti pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu ini?
B	Saya buat kerja pertukangan tembaga ini sejak sekolah lagi dan hanya menolong ayah pada waktu tersebut.
A	Terima kasih atas perkongsian encik. Soalan yang seterusnya ialah kenapakah encik memilih pertukangan tembaga ini sebagai punca pendapatan? Adakah ia merupakan warisan turun temurun?
B	Saya terlibat dalam bidang ini adalah daripada membantu ayah di bengkel pada asalnya. Saya sering melihat dan memerhati cara pembuatan daripada ayah sebelum saya membuat dan menjadi mahir dalam pembuatannya.
A	Apakah bahan dan peralatan yang digunakan oleh encik dalam penghasilan produk dan barangan tembaga ini?
B	Bahan dan peralatan yang diperlukan untuk membuat barangan tembaga ini ialah seperti tanah liat, lilin, pasir kasar, serkam padi, kawah, dapur, penyepit

	besi, simen atau kayu, mesin pelarik, mesin pengempelas, pisau, set pengukir, gunting, kawah, penukul kayu.
A	Boleh saya tahu bagaimanakah proses atau langkah-langkah dalam pembuatan barangan tembaga ini?
B	Proses pertama dalam membuat barangan tembaga ialah dengan membuat acuan yang dibuat daripada kayu atau simen. Kemudian, acuan tadi dicelup ke dalam lilin yang telah cair yang mana lilin dicairkan dengan suhu yang telah ditentukan iaitu 3000-4000 darjah celcius. Acuan akan dipusing-pusing agar lilin tersebut merata di seluruh acuan. Proses ini akan diulang sebanyak tiga kali untuk mendapatkan ketebalan yang diinginkan. Seterusnya, , acuan akan ditampal dengan lapisan pertama iaitu acuan itu dicelup ke dalam bancuhan tanah liat halus. Kemudian, lapisan kedua pula ditampal dengan campuran tanah liat dan juga pasir kasar setelah lapisan pertama kering dan lapisan terakhir ditampal dengan bancuhan daripada campuran tanah liat dan serkam padi. Langkah yang seterusnya pula adalah penghapusan lilin. Langkah ini dilakukan dengan memasukkan acuan yang telah dikeringkan ke dalam tanun. Ianya adalah bertujuan untuk membuang lilin yang masih ada dalam acuan tersebut. Acuan yang kosong tersebut pula akan diisi dengan cairan tembaga dan kemusiannya akan dikeluarkan daripada dapur. Proses penuangan dibuat selepas tembaga dicairkan. Penuangan ini dibuat dengan menggunakan sebatang penyepit besi. Cairan tembaga tersebut dituangkan melalui saluran tuangan yang telah disediakan. Langkah seterusnya adalah pembuangan acuan tanah diamana lapisan tanah akan dipecahkan. Ia adalah untuk mengeluarkan barangan atau produk tembaga. Langkah terakhir adalah, tembaga yang telah siap diletakkan di gentera pelarik untuk ia digilap.
A	Baiklah, terima kasih encik. Seterusnya, adakah terdapat falsafah dalam ukiran tembaga?
B	Teknik ukiran timbul digunakan dalam membuat ukiran tembaga ini. Biasanya, ukiran tembaga ini dibuat dengan menggunakan corak bunga, haiwan, awan dan juga tumbuhan. Tulisan khat kebiasaanya diukir dengan ukiran tembaga. Selain itu, barangan lain seperti plak juga turut menggunakan ukiran tembaga.
A	Pada pendapat encik, apakah faktor yang mempengaruhi kemerosotan pertukangan tembaga di Kampung Ladang, Terengganu?
B	Faktor pembangunan yang pesat dimana banyak bangunan telah dibina menyebabkan berlakunya kemerosotan dalam pertukangan tembaga di kampung ini.
A	Baiklah, terima kasih encik. Apakah pandangan encik tentang golongan muda yang kurang berminat untuk melibatkan diri dalam sektor pertukangan tembaga ini?
B	Bagi saya, cara kerja yang agak sukar serta persekitaran tempat kerja yang kotor adalah sebab golongan muda tidak berminat untuk masuk dalam bidang

	pertukangan tembaga. Selain itu, mereka juga tidak didedahkan dengan kemahiran pertukangan ini.
A	Apakah cabaran yang dihadapi oleh encik dalam aktiviti pertukangan tembaga dan bagaimanakah langkah untuk mengatasinya?
B	Kebiasannya cabaran yang sering terjadi apabila adanya kerosakan pada barangan yang telah siap. Biasanya kerosakan yang besar ataupun kerosakan yan teruk kita akan kitar semula barangan tersebut dan jika kerosakan yang kecil, barangan tersebut dibaiki dengan cara dan kaedah kimpalan dengan menggunakan mesin. Ada juga barangan yang dibuat tidak menjadi kerana formula yang digunakan tidak betul.
	Terima kasih atas perkongsian yang telah diberikat tersebut. Seterusnya, pada pendapat encik, apakah cadangan atau langkah yang perlu dilakukan untuk memulihara dan memelihara seni pertukangan tembaga ini?
B	Cadangan saya untuk mengekalkan seni pertukangan tembaga ialah dengan mengadakan program berkaitan dengan pertukangan tembaga ini untuk mencari pelapis-pelapis baharu dalam bidang pertukangan ini.
A	Pada pandangan encik, adakah kemudahan internet seperti media social boleh membantu untuk memelihara pertukangan tembaga di Terengganu?
B	Ya, bagi saya penggunaan teknologi internet ini dapat memberikan pendedahan tentang seni pertukangan tembaga ini kepada masyarakat. Disamping itu, ia juga dapat menarik minat masyarakat untuk menggunakan barangan daripada tembaga ini.
A	Baiklah, terima kasih kerana encik telah memberikan kerjasama dalam sesi temu bual ini.